05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

HUBUNGAN SIKAP DAN PENGLIBATAN TENAGA PENGAJAR DALAM AMALAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI KOLEJ VOKASIONAL

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

MOHD SAZALI BIN ABD HAMID

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

HUBUNGAN SIKAP DAN PENGLIBATAN TENAGA PENGAJAR DALAM AMALAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI KOLEJ VOKASIONAL

MOHD SAZALI BIN ABD HAMID

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SAINS (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)

Kertas Projek	
Sarjana Penyelidikan	√
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus	
Doktor Falsafah	

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 07 (hari bulan) 08 (bulan) 2023

i. Perakuan pelajar :

Saya, Mohd Sazali Bin Abd Hamid, M20171000914, Fakulti Teknikal Vokasional dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk HUBUNGAN SIKAP DAN PENGLIBATAN TENAGA PENGAJAR DALAM AMALAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI KOLEJ VOKASIONAL adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. Nurul Nazirah bt Mohd Imam Ma'arof dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HUBUNGAN SIKAP DAN PENGLIBATAN TENAGA PENGAJAR DALAM AMALAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI KOLEJ VOKASIONAL dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Penyelidikan.

07/08/2023
Tarikh

Tandatangan Penyelia

DR. NURUL NAZIRAH BINTI MOHD IMAM MA'AROF
Pensyarah Kanan
Jabatan Teknologi Kejuruteraan
Fakulti Teknikal dan Vokasional
Universiti Pendidikan Sultan Idris

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.:01m/s 1/1

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk/ *Title:* HUBUNGAN SIKAP DAN PENGLIBATAN TENAGA PENGAJAR DALAM AMALAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI KOLEJ VOKASIONAL

No. Matrik /*Matric's No.:* M20171000914

Saya / *I :* MOHD SAZALI BIN ABD HAMID
(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis / ~~Disertasi~~ / ~~Laporan Kertas Projek~~ (~~Kedoktoran~~/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/~~Disertasi~~/~~Laporan Kertas~~ Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendid;kan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/~~Disertasi~~ ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (.../) bagi pilihan kategori di bawah /*Please tick (-/) for category below:-*

☐ ***SULIT/ CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972./ *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐ **TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*
☑ ~~**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***~~	

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 07/08/2023

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

DR. NURUL NAZIRAH BINTI MOHD IMAM MA'AROF
Pensyarah Kanan
Jabatan Teknologi Kejuruteraan
Fakulti Teknikal dan Vokasional
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catalan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes. If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Terlebih dahulu ingin saya memanjat kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. dan juga selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W di atas limpah dan kurniaNya dan rahmatNya, dapat juga saya menyiapkan kajian ini.

Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Dr. Nurul Nazirah binti Mohd Imam Ma'arof, selaku pensyarah penyelia 1 dan Dr. Mohd Firdaus bin Mustaffa Kamal selaku pensyarah penyelia 2 di atas tunjuk ajar dan bimbingan yang berterusan serta sokongan yang diberikan kepada saya di sepanjang menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah, rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak yang terlibat secara langsung yang telah memberikan bimbingan, panduan, pandangan, serta tunjuk ajar dalam usaha menyiapkan dan merealisasikan kajian ini. segala tunjuk ajar dan jasa kalian amat berharga buat saya.

Setinggi-tinggi penghargaan juga buat Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Bahagian Pendidikan Dan Latihan Teknikal Vokasional, Bahagian Biasiswa Dan Pembiayaan, Kolej Vokasional Sungai Buloh dan Kolej Vokasional Shah Alam yang telah memberi ruang untuk saya menjalankan kajian ini dengan jayanya. Tidak ketinggalan juga setinggi penghargaan buat Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di atas sumbangan yang bermakna dalam merealisasikan kajian ini

Kepada keluarga tercinta, emak, isteri dan anak-anak yang dikasihi terima kasih di atas segala pengorbanan dan pengertian yang diberikan serta dorongan yang memberi semangat untuk terus berusaha tanpa berputus asa.

Sekian, terima kasih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap hubungan sikap dan penglibatan tenaga pengajar dalam amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional secara lebih signifikan mengenai aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sekolah. Kurangnya kajian empirikal di sekolah-sekolah menyebabkan isu keselamatan dan kesihatan yang timbul tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Model Teori Heinrich dan Teori Domino dijadikan sebagai tunjang kepada kajian ini. Rekabentuk kajian kuantitatif secara tinjauan digunakan untuk memperoleh data di lapangan. Instrumen yang digunakan adalah adaptasi daripada Mazlan (2017) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (2018). Sebanyak 40 item telah digunakan untuk menentukan ukuran sikap, pengaruh dan penglibatan tenaga pengajar di Kolej Vokasional. Dapatan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS untuk menjelaskan korelasi dan regrasi berdasarkan data. Analisis deskriptif digunakan untuk menjelaskan mengenai demografi responden kajian manakala analisis statistik inferensi iaitu analisis ujian korelasi pearson dan analisis ujian regresi pelbagai bagi menguji hipotesis kajian. Hasil kajian telah mengenal pasti hubungan yang signifikan dalam ujian korelasi pearson iaitu r = 0.464. Pemboleh ubah sikap tenaga pengajar ternyata mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di tempat kerja. Pemboleh ubah penglibatan tenaga pengajar turut mempunyai hubungan yang signifikan iaitu r = 0.881. Hasil kajian bagi ujian regresi pelbagai β= 0.53 telah mengenal pasti pengaruh kepada pemboleh ubah kriterion iaitu di dalam kajian ini dengan amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di tempat kerja. Sehubungan itu semua hipotesis null kajian telah ditolak. Beberapa implikasi kajian yang harus diberikan perhatian serius oleh pihak kerajaan seperti memperbanyakkan kajian-kajian, meningkatkan budaya amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk menyediakan pelajar sebagai individu yang kompeten dalam amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRACT

In order to gain a more comprehensive understanding of occupational safety and health practices in vocational colleges in relation to occupational health and safety practices in schools, this study will examine the level of relationship between the attitudes and involvement of educators. As a result of the lack of empirical research in schools, safety and health issues that arise are not properly addressed. The study relied on the Heinrich Theory and Domino Theory models, utilizing a quantitative survey design to gather data. The survey instrument was adapted from Mazlan (2017) and the Department of Occupational Safety and Health Malaysia (2018), consisting of 40 items that measured educators' attitude, influence and involvement at vocational colleges. Data analysis was conducted using SPSS software to determine correlation and regression patterns within the findings. The demographics of the study participants were explained using descriptive analysis, whereas inferential statistical analysis such as Pearson correlation test and multiple regression test were utilized to examine the research hypothesis. The outcomes reveal a noticeable association in the Pearson correlation test with an r-value of 0.464. Specifically, the attitude of educators was significantly related to safety and health practices within the workplace. The correlation between teacher involvement and the criterion variable in this study is significant, with a value of $r = 0.881$. Additionally, the multiple regression test yielded $\beta = 0.53$, indicating that safety and health practices in the workplace are influenced by this variable. As a result, all null hypothesis have been dismissed. The government should take note of several research implications stemming from these findings, including conducting further studies and enhancing the culture surrounding occupational safety and health practices to better prepare students as competent individuals in this field.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN		ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI		iii
PENGHARGAAN		vi
ABSTRAK		vii
ABSTRACT		viii
KANDUNGAN		ix
SENARAI JADUAL		xv
SENARAI RAJAH		xvii
SENARAI SINGKATAN		xviii
BAB 1	**PENGENALAN**	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar belakang	1
	1.3 Pernyataan masalah	12
	1.4 Objektif kajian	17
	1.5 Persoalan kajian	17
	1.6 Hipotesis kajian	18
	1.7 Kerangka konsep kajian	19
	1.8 Kepentingan kajian	20

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Batasan kajian 22

1.10 Definisi istilah 23

1.11 Rumusan 25

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan 26

2.2 Technical and Vocational Education and Training (TVET) di Malaysia 27

2.2.1 Perkembangan TVET di Malaysia 29

2.2.2 Kolej Vokasional (KV) Institusi Pengajian Peringkat Tertiari 32

2.3 Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 39

2.3.1 Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Negara Luar 42

2.3.2 Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Malaysia 43

2.3.3 Objektif Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 43

2.3.4 Prinsip Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 47

2.4 Tempat Kerja, Keselamatan, dan Kesihatan 49

2.4.1 Kepentingan Amalan Keselamatan dan Kesihatan 51

2.4.2 Kesedaran Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 56

2.4.3 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) 59

2.4.4 Perundangan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 62

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	2.4.5	Kemalangan di Bengkel	64
2.5	Teori Kajian		66
	2.5.1	Teori Heinrich	66
	2.5.2	Tunjang Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Heinrich's Axioms)	67
	2.5.3	Teori Domino	68
2.6	Kajian lepas		74
	2..6.1	Faktor-faktor yang mempengaruhi amalan pekerja terhadap ,keselamatan dan kesihatan pekerjaan	74
	2.6.2	Faktor sikap dan hubungannya dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan	80
	2.6.3	Faktor penglibatan dan hubungannya dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan	82
	2.6.4	Faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan	85
2.7	Rumusan		86

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	87
3.2	Model Metodologi Kajian	88
3.3	Reka Bentuk Kajian	89
3.3.1	Rasional Kajian Kuantitatif	91
3.3.2	Kaedah Kajian Tinjauan	91

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	3.3.3	Ringkasan Metodologi Penyelidikan	94
3.4	Populasi dan Sampel		95
3.5	Instrumen		98
	3.5.1	Item borang soal selidik	99
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian		100
	3.6.1	Kesahan Instrumen Kajian	101
	3.6.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	102
3.7	Kajian Rintis		104
3.8	Prosedur Pengumpulan Data		106
3.9	Kaedah Menganalisis Data		106
	3.9.1	Analisis Deskriptif	107
	3.9.2	Analisis Korelasi	108
	3.9.3	Analisis Simple Linear Regression	109
3.10	Rumusan		112

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan		113
4.2	Analisis Demografi Responden		114
	4.2.1	Taburan Mengikut Latar Belakang Responden	114
	4.2.2	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	115
	4.2.3	Taburan Responden di Kolej Vokasional	116

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Analisis Taburan Data Normaliti 117

4.4 Analisis Persoalan Kajian 119

4.4.1 Persoalan Kajian Objektif 1 119

4.4.2 Persoalan Kajian Objektif 2 120

4.4.3 Persoalan Kajian Objektif 3 122

4.4.4 Persoalan Kajian Objektif 4 124

4.5 Rumusan 129

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan 130

5.2 Rumusan 131

5.2.1 Rumusan Berdasarkan Demografi Responden Kajian 131

5.2.2 Rumusan Berdasarkan Hasil Dapatan Kajian 133

5.3 Perbincangan 134

5.3.1 Hubungan Sikap Tenaga Pengajar Dengan Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Di Kolej Vokasional 135

5.3.2 Hubungan penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional 136

5.3.3 Pengaruh Antara Sikap Tenaga Pengajar Terhadap Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Di Kolej Vokasional 137

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	5.3.4	Pengaruh antara penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional	139
5.4	Implikasi Kajian		140
	5.4.1	Implikasi Hubungan Sikap Kepada Tenaga Pengajar	140
	5.4.2	Implikasi Hubungan Penglibatan Kepada Tenaga Pengajar	142
	5.4.3	Implikasi kajian kepada pelajar	144
	5.4.4	Implikasi Hubungan Sikap Dan Penglibatan Tenaga Pengajar Terhadap Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Kepada Kolej Vokasional	145
5.5	Cadangan Kajian		149
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan		150
5.7	Rumusan		151
RUJUKAN			153

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Statistik Kemalangan Pekerjaan Mengikut Negeri Januari Hingga November 2022 (Dilaporkan Kepada JKKP Sahaja)	13
3.1	Ringkasan metodologi penyelidikan.	94
3.2	Pembahagian Zon Kolej Vokasional Di Selangor.	96
3.3	Pemilihan Populasi Kajian.	97
3.4	Bilangan sampel yang di pilih secara teknik persampelan rawak berstrata.	98
3.5	Format analisis indeks kesukaran dan aras kesukaran item	105
3.6	Matrik Analisis Data	107
3.7	Interpretasi Skor Min	108
3.8	Aras Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	108
3.9	Saiz Kesan Pemboleh ubah Bebas ke atas Pemboleh ubah Bersandar	109
3.10	Syarat Analisis Ujian Regresi	110
3.11	Collinearity Statistics	112
4.1	Taburan Latar Belakang Responden	115
4.2	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	116
4.3	Taburan Responden Di Kolej Vokasional	117
4.4	Ujian Normaliti Data Skewness dan Kurtosis	118

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5	Hubungan Korelasi antara Sikap Tenaga Pengajar dengan Amalan Keselamatan dan Kesihatan dalam Pekerjaan di Tempat Kerja	120
4.6	Hubungan Korelasi antara Penglibatan Tenaga Pengajar dengan Amalan Keselamatan dan Kesihatan dalam Pekerjaan di Tempat Kerja	121
4.7	Hubungan Regresi antara Sikap Tenaga Pengajar terhadap Amalan Keselamatan dan Kesihatan dalam Pekerjaan di Tempat Kerja	123
4.8	Hubungan Regresi antara Penglibatan Tenaga Pengajar terhadap Amalan Keselamatan dan Kesihatan dalam Pekerjaan di Tempat Kerja	125
4.9	Rumusan dapatan kajian	127

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konsept Kajian	20
2.1	Teori Domino Andrew McGiffert - "An Incident Analysis Tool" adaptasi daripada http://andrew.mcgiffert.id.au/blog/the-domino-theory-an-incident-analysis-tool/	73
3.1	Metodologi Kajian Lapisan Bawang (Research Onion Method).	88
3.2	Langkah Pembangunan Borang Soal Selidik.	99

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

AKKP	Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan
BPLTV	Bahagian Pendidikan Dan Latihan Teknikal Vokasional
JPBM	Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
JKKP	Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KKP	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KV	Kolej Vokasional
NIOSH	National Institute for Occupational Safety and Health
PAV	Pendidikan Asas Vokasional
PVMA	Pendidikan Vokasional Menengah Atas
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Bab ini menerangkan tentang latar belakang kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konsep kajian, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, dan definisi istilah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah suatu bidang yang berkait rapat dengan kaedah untuk meminimumkan kerugian melalui penglibatan di dalam aspek pemeliharaan dan perlindungan manusia, aset dan fizikal di tempat kerja (Friend & Kohn, 2018). Persekitaran fizikal dan kebajikan pekerja yang tidak dijaga boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membawa kepada penurunan prestasi kerja dan produktivi yang dihasilkan akan semakin berkurang (Selamat & Mukhiffun, 2018). Aspek keselamatan pekerjaan menjadi persoalan disebabkan kemalangan-kemalangan yang berlaku sepanjang tahun (Mohd Nasir, et al., 2021). Secara dasarnya, asas disiplin di dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah jauh melangkaui kedua-dua skop dan amalan. Ini terutamanya dalam proses-proses yang melibatkan pemantauan di tempat kerja, memberi khidmat nasihat kepada majikan mahu pun pihak pengurusan tentang cara yang terbaik untuk mencegah dan meminimumkan kerugian. Ini kerana tanggungjawab terakhir untuk tindakan selanjutnya dalam meminimumkan kerugian sentiasa terletak di bahu pihak pengurusan. Ketidakprihatinan terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan boleh memberi kesan kepada pekerja dan organisasi serta pihak luar terlibat dengan aktiviti organisasi tersebut (Mohammad Shamil & Mohd Nasir (2020).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pihak pengurusan juga bertanggungjawab penuh terhadap segala tingkah laku di tempat kerja. Pihak pengurusan juga akan dipertanggungjawabkan oleh pemegang saham atau pemilik syarikat, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan atau *Occupational Safety and Health Administration* (OSHA) dan juga pandangan umum untuk meminimumkan kerugian. Adalah menjadi tugas kepada jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk membantu pihak pentadbiran dengan memerhatikan persekitaran tempat kerja dan menyediakan bimbingan secara berterusan.

Tidak dapat dinafikan bahawa budaya keselamatan merupakan tonggak utama dalam menentukan kecemerlangan sesebuah syarikat (Sukadarin, Suhaimi, & Abdull, 2012). Secara zahirnya, mahu pun menerusi perundangan dan juga dari segi sudut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerjaan menjadi suatu isu yang penting. Syarikat- syarikat akan sentiasa berusaha untuk terus menjana keuntungan di dalam ekonomi global yang semakin kompetitif. Ini menjadikan syarikat-syarikat lebih menumpukan usaha untuk menangani isu-isu keselamatan, kesihatan dan alam sekitar daripada amalan perniagaan yang berasaskan keuntungan semata. Pemantapan pengurusan bagi kes-kes keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan kelestarian alam sekitar merupakan satu misi utama ke arah kelangsungan dan kejayaan syarikat di masa depan.

Keselamatan di tempat kerja adalah salah satu isu penting yang perlu diambil serius. Kemalangan yang berlaku di tempat kerja boleh menyebabkan pelbagai kesan serius kepada organisasi. Merujuk Mukhtar, Yusof dan Isa (2020), menjelaskan bahawa apabila kemalangan berlaku, pekerja harus tahu di mana untuk melaporkan kes tersebut bagi memastikan tindakan segera dapat diambil oleh majikan. Pemeriksaan lanjut ke atas kes perlu dilakukan untuk mengenal pasti faktor dan punca kemalangan dan kemalangan pada masa hadapan dapat dielakkan. Kecederaan akibat kemalangan kekal sebagai punca penting morbiditi dan kematian dalam industri tertentu.

Kesedaran tentang keselamatan dan kesihatan perlu diterapkan dalam diri setiap pekerja bagi memastikan kerja mereka berkesan dan cekap, sekali gus mengelakkan kemalangan daripada berlaku di tempat kerja. Amalan keselamatan juga perlu dititikberatkan oleh majikan dan menyediakan langkah-langkah keselamatan dan pakaian yang sesuai (alat pelindung diri) di tempat kerja kepada pekerja. Majikan yang baik akan memastikan tempat kerja selamat untuk pekerja melakukan kerja dan menjalankan rutin harian mereka. Syarikat juga memainkan peranan penting untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memastikan semua peralatan keselamatan dan langkah berjaga-jaga telah dipasang di setiap tapak kerja. Pendekatan yang berkesan dan tindakan pembaikan harus diambil untuk mencegah dan meminimumkan kejadian semula kemalangan pada masa yang sama.

Selain itu, proses pembangunan ekonomi dan sosial negara memerlukan penyeliaan rapi serta keazaman tinggi agar ianya berjaya mecapai objektif yang telah digariskan. Misi ini telah sekian lama digalas oleh penjawat awam dengan jayanya (Megat Ayop Megat Arifin & Abd Halim Ahmad, 2016). Sektor perkhidmatan awam juga merupakan majikan yang terbesar di negara ini merangkumi 1.6 juta orang penjawat awam (Ali Hamsa, 2017). Keadaan persekitaran kerja yang kondusif perlu diwujudkan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang diberi oleh penjawat awam memberi impak yang signifikan. Ini bertepatan dengan kajian Syaharuddin (2016), iaitu komitmen pekerja akan meningkat apabila mereka disediakan dengan persekitaran kerja yang menepati piawaian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP).

Pekerja yang komited dengan pekerjaannya akan menentukan arah tuju kejayaan sesebuah syarikat. Tahap komitmen pekerja pula banyak dipengaruhi oleh keadaan tempat kerja. Ini kerana menurut Heathfield (2018), secara amnya, istilah persekitaran kerja adalah merujuk kepada tempat di mana seseorang itu bekerja untuk menampung kehidupannya. Tahap komitmen pekerja akan menurun apabila tempat kerja tidak dapat diurus tadbir dengan cemerlang. Namun, para pekerja ternyata akan lebih bersemangat untuk bekerja tatkala tempat kerja diuruskan dengan baik (Mohd Nasir Selamat & Hazirah Zolkiply, 2017). Menurut Kogi (2010) pula, tingkah laku, persepsi dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

produktiviti pekerja akan dipengaruhi oleh ciri-ciri fizikal persekitaran kerja. Keadaan ini akan memberi impak yang besar kepada kejayaan syarikat.

Sejajar dengan sasaran Startegi Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerja atau *Occupational Safety and Health Master Plan 2020* (OSH-MP 20), tumpuan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) difokuskan kepada lima strategi yang telah digariskan agar statistik kemalangan di tempat kerja dapat diturunkan. Lima strategi yang berteraskan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan adalah dengan penstrukturan kepimpinan KKP, mengukuhan pentadbiran KKP di tempat kerja, maklumat berpusat melalui perluasan rangkaian KKP, kerjasama strategik KKP antarabangsa dan mengarus perdanakan Kebersihan Industri. Lima teras ni adalah rentetan daripada pelan strategik dan pelan induk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang sebelumnya. Ianya bertujuan untuk mempromosikan Budaya Kerja Selamat dan Sihat di kalangan majikan dan pekerja (Joanne Crawford, Alice Davis, Halimatus Minhat & Mohd Rafee Baharudin, 2017).

JKKP juga turut komited untuk mengurangkan statistik kematian kemalangan di industri kepada 4.36 / 100,000 pekerja; mengurangkan kadar kemalangan kepada 2.53/ 1,000 pekerja; dan meningkatkan kadar laporan penyakit dan keracunan pekerjaan pada pekerja sebanyak 30%. Konsep pengurangan kemalangan dijangka akan dapat tingkatkan taraf hidup pekerja yang sekaligus akan dapat tingkatkan komponen indeks dan produktiviti di bawah Indeks Kawasan Kerja Sosial & Kebajikan Malaysia (JKKP, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelbagai usaha telah dijalankan untuk menjadikan persekitaran kerja yang kondusif agar kebajikan pekerja terbela. Di antaranya ialah dengan mewartakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Sehubungan itu, faktor keselamatan dan kesihatan ditempat kerja telah dijadikan fokus utama. Pewartaan ini sekaligus telah mencorak semula budaya kerja pekerja. Rentetan kepada pewartaan ini, majikan dan pekerja telah memberi tumpuan kepada aspek keselamatan dan kesihatan. Sebarang risiko kemalangan di tempat kerja telah dilindungi oleh akta ini. Oleh itu, semua risiko yang dihadapi oleh pekerja berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan akan dipertanggungjawabkan kepada majikan untuk menguruskannya (Ab. Aziz Yusof, 2000). Walaupun majikan dan pekerja tidak dapat sepenuhnya mengelakkan kemalangan yang berlaku di tempat kerja, tindakan terbaik yang boleh dilaksanakan adalah dengan mengurangkan bahaya risiko pekerjaan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara signifikannya, kemalangan dan kecederaan di tempat kerja utama berlaku disebabkan oleh dua faktor. Ianya ialah faktor dalaman dan faktor luaran persekitaran kerja (Mohd Nazri Hashim & Fadzli Shah Abd Aziz, 2018). Masalah dalaman organisasi dan individu adalah mewakili kepada faktor dalaman. Isu persekitaran tempat kerja pula telah menjadi faktor luaran yang utama (Khdair, 2013). Namun begitu, faktor cuai dan sikap individu adalah punca berlakunya kemalangan dan kecederaan ini (Vinodkumar & Bhasi, 2010). Sikap cuba menyelesaikan tugasan harian dengan terburu-buru tanpa mengikut peraturan juga turut dirangkumi sebagai kecuaian individu (Azir Salleh, 2010).

Kes kemalangan di tempat kerja dapat diminimakan melalui pelaksanaan program amalan keselamatan pekerjaan yang memberi penekanan kepada kesedaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan kefahaman yang tinggi tentang bahaya di tempat kerja (Ramlan Zainal Abidin, 1997). Menurut kajiannya juga, penyediaaan alat pencegahan kebakaran dan kemalangan yang sentiasa mencukupi serta dalam keadaan baik amat perlu dalam memastikan persekitaran pekerjaan bebas dari bahaya, Sentiasa bertanggungjawab, berdisiplin dan berfokus terhadap amalan keselamatan di tempat kerja juga adalah petanda wujudnya kesedaran dalam mengamalkan langkah kerja yang betul (Rosmalati Aman Shah, Che Najah Che Noh & Nur Asilah Hasan, 2017).

Sekolah selamat turut didefinasikan sebagai sebuah tempat yang memberi peluang kepada semua pelajar untuk menjalani proses pembelajaran tanpa sebarang gangguan. Omardin Ashaari (1996) berpendapat bahawa adalah penting untuk mewujudkan kesedaran terhadap amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah bagi mencapai taraf sekolah selamat. Ini bertujuan untuk membolehkan para pelajar menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pelajaran dan kakitangan sekolah dapat bekerja dengan lancar tanpa adanya gangguan luaran. Institusi sekolah seharusnya menjadi tempat yang selamat bagi warganya sehingga program latihan keselamatan (OSH) di sekolah juga telah diperkenalkan (Nurul Husna et.al, 2018). Namun, didapati sangat sedikit kajian dan perbincangan berhubung perihal keselamatan dan kesihatan ditemui atau dibicarakan dalam kalangan warga pendidikan (Moon & McCluskey, 2016). Situasi ini menyebabkan keterbatasan maklumat yang diperoleh dan boleh mengundang amalan sambil lewa terhadap aspek keselamatan dan kesihatan kepada warga sekolah. Oleh itu, kajian ini akan dapat meningkatkan sumber kajian yang boleh dirujuk oleh pihak KPM dan warga penyelidik bagi mengkaji hubungan penglibatan warga sekolah dengan amalan keselamatan yang lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan itu, pada tahun 2010 Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan arahan untuk melaksanakan promosi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di sekolah-sekolah. Sehubungan itu, program latihan keselamatan di sekolah atau OSH in school telah diperkenalkan oleh *National Institute for Occupational Safety and Health* (*NIOSH*) (Nurul Husna et.al, 2018). Penilaian terhadap situasi kecemasan, kemahiran menafsir keadaan yang bahaya, kemampuan bertindak mengikut arahan keselamatan di tempat kerja terhadap situasi yang membahayakan adalah di antara elemen utama yang telah diterapkan ke dalam program latihan keselamatan di sekolah (Goh et al., 2015). Untuk membantu warga sekolah mengamal sistem keselamatan dan kesihatan yang sekaligus akan menaikkan tahap kualiti pengoperasian sistem keselamatan dan kesihatan di sekolah, program latihan yang sistematik dan komprehensif perlu diselaraskan (Munir Shehu Mashia, Chandrakantan Subramaniama, & Johanim Johari. 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada sekitar tahun 1926, pendidikan Vokasional di Malaysia dimulakan dengan penubuhan sekolah ketukangan pertama. Hasil dapatan daripada Penyata Razak 1956 dan Penyata Rahman Talib 1960, pendidikan Vokasional telah bermula dengan sepenuhnya. Pada peringkat awal, terdapat empat buah sekolah ketukangan ditubuhkan. Penibuhan sekolah ini bermatlamat untuk memberi latihan kepada orang ramai dalam kemahiran vokasional asas sebelum diserapkan ke industri. Bagi menyediakan pelajar sebagai pekerja berkemahiran untuk memenuhi kehendak industri, rombakan telah diadakan terhadap kurikulum vokasional pada tahun 1987. Rombakan ini bertujuan melahirkankan pelajar menjadi tenaga kerja yang cekap dan aktif di tempat kerja. Dengan kurikulum baru ini juga, kemahiran pelajar akan dapat dikembangkan bersama etika kerja seperti yang dituntut semasa berada di industri nanti. Bagi memenuhi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keperluan sektor industri dan perdagangan, dilaksanakan rombakan kedua pada tahun 1992. Rombakan ini bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas dalam bidang akademik dan kemahiran. Untuk memperkasakan lagi aliran vokasional serta kemahiran, satu pelan tindakan baru telah dihasilkan.

Antara cabaran di dalam era k-ekonomi ialah membekalkan pekerja mahir dan separa mahir (Ahmad Tajudin Jab, 2005). Justeru, beberapa kursus baru di dalam Mata Pelajaran Aliran Vokasional telah diperkenalkan melalui aliran vokasional baru ini. Pengajaran dan pembelajaran berbentuk modular dilaksanakan. Di dalam pembelajaran secara modular ini, pelajar akan memainkan peranan penting sebagai pusat pembelajaran. Kaedah ini memberi lebih ruang kepada pelajar belajar mengikut temponya sendiri. Pelajar dibimbing oleh guru yang berfungsi sebagai sumber rujukan atau fasilitator untuk pembelajaran secara individu (Ahmad Tajudin Jab, 2005).

Pekerja mahir dan profesional bagi sesuatu bidang kemahiran memerlukan latihan yang memfokuskan kemahiran vokasional sebagai keutamaannya. Pelajar yang cenderung di bidang sains dan teknologi di beri peluang untuk mengembangkan potensi diri mereka menerusi sistem Pendidikan Vokasional di Malaysia. Perlbagai cabang kemahiran yang ditawarkan kepada pelajar bagi menyediakan mereka untuk mengisi keperluan tenaga kerja separa mahir atau mahir di industri. Ini sekaligus akan dapat melahirkan pekerja yang mahir, trampil dan beretika untuk mendokong aspirasi negara untuk mencapai taraf negara maju.

Pelajar-pelajar yang mempunyai kelayakan akedemik cemerlang juga turut di beri peluang untuk menyertai aliran pendidikan vokasional. Terdapat dua bahagian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

utama yang mengimbangi mata pelajaran vokasional ini iaitu mata pelajaran teori dan mata pelajaran amali. Pembentukan pekerja separa profesional iaitu juruteknik dalam bidang kejuruteraan dan pembantu teknik dan dalam bidang bukan kejuruteraan, dijadikan fokus utama dalam aliran vokasional. Setelah bergraduat, majoriti pelajar akan terus memasuki alam pekerjaan. Namun, pelajar juga turut diberi peluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi selepas menamatkan pengajian di Kolej Vokasional. Antara bidang yang dijalankan di Kolej Vokasional ialah:

i. Bidang Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
   a. Teknologi Elektrik
   b. Teknologi Elektronik
   c. Teknologi Mekatronik
   d. Teknologi Telekomunikasi

ii. Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan
   a. Teknologi Pemesinan Industri
   b. Teknologi Kimpalan
   c. Teknologi Automotif
   d. Teknologi Penyejukbekuan Dan Penyamanan Udara
   e. Teknologi Pembuatan

iii. Teknologi Kejuruteraan Awam
   a. Teknologi Pembinaan
   b. Teknologi Pemprosesan Kayu dan Kemasan
   c. Teknologi Perkhidmatan dan Penyelenggaraan Bangunan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Hospitaliti dan Pelancongan

a. Seni Kulinari

b. Bakeri dan Pastri

c. Pelancongan

v. Pengajian dan Perkhidmatan Masyarakat

a. Fesyen Dan Membuat Pakaian

b. Kosmetologi

c. Pengajian Awal Kanak-Kanak

vi. Perniagaan

i. Pengurusan Perniagaan

ii. Kesetiausahaan Pentadbiran

iii. Perbankan

iv. Insuran

v. Pemasaran

vi. Pengurusan Peruncitan

vii. Perakaunan

vii. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

a. Teknologi Sistem Komputer Dan Rangkaian

b. Multimedia Kreatif (Animasi)

c. Rekabentuk Grafik Industri (Print Media)

d. Sistem Pengurusan Pangkalan Data Dan Aplikasi Web

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

viii. Pertanian

a. Agroindustri Tanaman

b. Agroindustri Ternakan Ruminan

c. Agroindustri Ternakan Poltri

d. Mekanisasi Agro

e. Herba

f. Bioteknologi

g. Akuakultur

h. Holtikultur Hiasan

i. Landskap

j. Pemprosesan Hasil Pertanian

k. Florikultur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bidang kemahiran yang dijalankan ini adalah pelengkap kepada aspirasi Pendidikan Vokasional di Malaysia di mana pelajar yang mempunyai potensi sebagai tenaga kerja separa mahir atau mahir dalam pelbagai bidang teknikal mempunyai lebih banyak pilihan kerjaya masa depannya. Sehubungan itu juga, lebih banyak pekerja daripada perbagai cabang bidang kemahiran yang diperlukan negara dapat dilahirkan secara lebih signifikan (Zainuren Mohd Noor, 2018).

1.3 Pernyataan Masalah

Merujuk kepada Jadual 1.1, statistik kemalangan pekerjaan di Malaysia berada di aras yang tinggi. Kajian lalu di Malaysia juga menunjukkan antara segmen yang kurang di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

beri tumpuan oleh majikan adalah aspek pembangunan sumber manusia yang berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (Husna et al., 2017). Dengan nada yang sama, Moon & McCluskey (2016) mendapati bahawa sangat sedikit perbincangan melibatkan aspek keselamatan dan kesihatan dijalankan dalam lingkungan warga sekolah. Hal ini boleh memberi implikasi negatif kepada organisasi sekolah jika tidak ditangani dengan berkesan. Oleh itu, Mohd Nazri Hashim & Fadzli Shah Abd Aziz (2018) mencadangkan agar langkah-langkah yang konkrit perlu dilakukan bagi mencegah daripada terjadi tragedi yang tidak diingini di tempat kerja melalui pelaksanaan kajian lanjutan secara berterusan.

Jadual 1.1

Statistik Kemalangan Pekerjaan Mengikut Negeri Januari Hingga November 2022 (Dilaporkan Kepada JKKP Sahaja)

NEGERI	Kecederaan Tidak Kekal	Kecederaan Kekal	KEMATIAN	JUMLAH
JOHOR	1082	59	24	1165
KEDAH	396	3	7	406
KELANTAN	115	4	5	124
MELAKA	362	7	2	371
N SEMBILAN	382	13	6	401
PAHANG	366	9	19	394
PERAK	747	26	20	793
PERLIS	12	0	2	14
PULAU PINANG	695	15	13	723
SABAH	227	22	9	258
SARAWAK	290	26	20	336
SELANGOR	1301	38	29	1368
TERENGGANU	135	3	11	149
WPKL	188	1	19	208
WP LABUAN	8	1	0	9
JUMLAH	6306	227	186	6719

Sumber: Bahagian Pembangunan Dasar dan Penyelidikan Antarabangsa, NIOSH.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketetapan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 menitikberatkan penyediaan laporan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. AKKP 1994 pada Jadual 1 Seksyen 1(2) bilangan ke 10, menegaskan bahawa sektor perkhidmatan awam juga tertakluk dalam peruntukan perundangan ini. Selanjutnya Seksyen 30(1) AKKP 1994 turut menegaskan bahawa sebuah Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan perlu ditubuhkan oleh majikan sekiranya organisasi berkenaan mempunyai 40 orang atau lebih pekerja. Penegasan AKKP ini didapati tidak selari dengan amalan di sektor perkhidmatan awam khususnya dalam bidang pendidikan. Institusi pendidikan seperti sekolah dan Kolej Vokasional didapati memiliki dan menggunakan makmal serta bengkel dengan peralatan teknologi maklumat sebagai salah satu medium pengajaran dan pembelajaran. Malahan, Kolej Vokasional juga mempunyai kakitangan lebih dari jumlah minima yang diperuntukan dalam akta tersebut sewajarnya turut terikat dengan kedua-dua peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 ini.

Pada Mac 2017 Bahagian Pendidikan Dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) telah mengadakan perbincangan bersama pihak Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk menjelaskan secara terperinci mengenai dasar & operasi BPLTV di semua 432 sekolah yang menjalankan matapelajaran Vokasional iaitu di 80 Kolej Vokasional (KV), 268 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang menjalankan program Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA) dan 84 SMK yang menjalankan program Pendidikan Asas Vokasional (PAV). Perbincangan ini adalah berikutan laporan daripada pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bahawa masih terdapat 228 sekolah yang menjalankan matapelajaran vokasional tetapi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masih belum mendapat kelulusan Pengesahan Keselamatan Bangunan daripada JBPM sebagai kawasan selamat untuk menjalankan aktiviti amali mata pelajaran vokasional. Berikutan perbincangan ini, ibu pejabat JBPM telah bergerak di peringkat pusat bagi membantu dalam menjalankan pemeriksaan keselamatan di sekolah atau pusat latihan vokasional yang belum mendapat kelulusan Pengesahan Keselamatan Bangunan daripada JBPM.

Salah satu faktor penyebab sekolah tidak mendapat kelulusan Pengesahan Keselamatan Bangunan yang dikenalpasti adalah kurangnya ciri-ciri keselamatan di bengkel-bengkel yang menjalankan mata pelajaran vokasional. Namun begitu, kesan daripada laporan pemantauan ini, ianya menunjukkan bahawa terdapat kesedaran awal institusi pendidikan untuk menitikberatkan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kawasan sekolah. Walau bagaimanapun, adakah terdapat hubungan tentang sikap dan penglibatan tenaga pengajar dalam meningkatkan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kawasan sekolah? Hal ini kerana menurut Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan, Lee Lam Thye (2016), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu menggesa sekolah-sekolah untuk menjalankan audit keselamatan pada setiap tahun dalam memastikan semua aset dan fasiliti berada dalam keadaan baik dan kondusif untuk pembelajaran. Beliau juga berharap agar kesedaran terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dapat menggalakkan guru, murid dan pekerja di sekolah dalam membudayakan aspek keselamatan dan kesihatan bagi mengelakkan perkara tidak diingini. Menurut beliau juga, melalui penglibatan tenaga pengajar di sekolah-sekolah akan meningkatkan kesedaran tentang kewujudan AKKP 1994. Ini akan menjadikan sekolah-sekolah lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

selamat dengan menggabungjalinkan kurikulum semasa dengan kehendak akta, bagi menzahirkan sebuah persekitaran yang kondusif untuk semua pihak.

Oleh itu, kajian perlu dibuat terhadap institusi pendidikan untuk meninjau apakah sikap dan penglibatan guru memberi kesan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Perlu diketahui juga, apakah faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di dua buah Kolej Vokasional berkenaan di kalangan tenaga pengajar. Kajian hubungan sikap dan penglibatan tenaga pengajar dalam amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional adalah penting dalam membantu merealisasikan usaha Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi di mana negara memerlukan ramai tenaga kerja yang berkemahiran tinggi (Richard Riot Jaem, 2017). Ianya adalah satu elemen penting dalam memastikan majikan dan pekerja dapat bekerja dalam persekitaran yang selamat, sihat, kondusif dan produktif.

Hal ini menjelaskan bahawa pentingnya pengetahuan berkenaan AKKP 1994 serta amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan ditingkatkan di kalangan para majikan dan pekerja di negara ini di beri perhatian serius. Pemahaman dan keprihatinan yang kurang mengenai AKKP 1994 di dalam sektor awam seperti institusi pendidikan menyebabkan kepentingan untuk melaksanakan Akta di institusi tersebut adalah sukar. Perkara ini adalah selaras dengan kajian dari Mohd Nasrun Mohd Nawi, Siti Halipah Ibrahim, Rohaida Affandi, Nor Azalina Rosli dan Fazlin Mohamad Basri (2016) bahawa faktor tahap kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan amat mempengaruhi prestasi keselamatan di tempat kerja. Oleh itu, kajian mengenai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkara ini adalah penting bagi memastikan semua tenaga pengajar untuk turut melibatkan diri.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui tahap hubungan sikap dan penglibatan tenaga pengajar dalam amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional Sungai Buloh dan Kolej Vokasional Shah Alam secara lebih signifikan mengenai aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di institusi pendidikan. Justeru itu, digariskan empat objektif kajian sebagai panduan.

i. Mengkaji hubungan sikap tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.
ii. Mengkaji hubungan penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.
iii. Mengkaji pengaruh antara sikap tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.
iv. Mengkaji pengaruh antara penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.

1.5 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian yang perlu dikaji adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Adakah terdapat hubungan antara sikap tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional?

ii. Adakah terdapat hubungan antara penglibatan tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional?

iii. Adakah terdapat pengaruh antara sikap tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional?

iv. Adakah terdapat pengaruh antara penglibatan tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional?

1.6 Hipotesis Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi menjawab persoalan kajian yang dinyatakan, sebanyak empat Hipotesis nul, H0 telah dibina seperti berikut:

i. Hipotesis Nul bagi Objektif Kajian 1

H01: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di tempat kerja.

ii. Hipotesis Nul bagi Objektif Kajian 2

H02: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di tempat kerja.

iii. Hipotesis Nul bagi Objektif Kajian 3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H02: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara sikap tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di tempat kerja.

iv. Hipotesis Nul bagi Objektif Kajian 4

H02: Tiada pengaruh yang signifikan antara penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di tempat kerja.


1.7 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konseptual kajian adalah seperti di Rajah 1.1 menerangkan bahawa, faktor sikap tenaga pengajar merupakan faktor pembolehubah tidak bersandar (Morel, 2000 ; Rondmo & Hale, 2003 ; Herbert, 1995 ; Wan Rosmini Hassan, 2000 ; Harper & Koehn, 2000). Penglibatan tenaga pengajar juga merupakan faktor-faktor pembolehubah tidak bersandar (Nurul Huda Hussain, 2009; Vredenburgh, 2002 ; Ab. Aziz Yusuf, 2000 ; Peterson, 2000 ; Flynne, 1994 ; Goetsh, 1999).

Di dapati juga, kedua-dua faktor tingkahlaku ini berhubung secara positif dengan pembolehubah bersandar iaitu amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Kedua faktor tingkahlaku ini akan mempunyai hubungan yang positif dengan pembolehubah bersandar iaitu amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Ini adalah selaras dengan kajian (Goetsh, 1996; Mahathevan, 1991; Ramlan Zainal Abidin, 1997; Noraini Idris, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian

1.8 Kepentingan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini memberi kepentingan kepada tiga bahagian utama iaitu pihak Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV), pihak Kolej Vokasional (KV), dan pihak tenaga pengajar KV.

i. Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV)

Kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada BPTV untuk menyediakan kursus awal seiring dengan teknologi terkini kepada pengajar KV sebelum pelaksanaan sesuatu kursus baru. Hal ini adalah bagi tenaga pengajar didedahkan dengan pengenalan awal berkaitan keselamatan yang perlu mereka praktikkan. Selain itu, pihak BPTV juga dapat merancang strategi amalan keselamatan yang seiring perkembangan teknologi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bersama dengan pihak industri agak dapat diperkenalkankan kepada tenaga pengajar semasa latihan industri.

ii. Kolej Vokasional (KV)

Kepentingan kajian ini kepada KV adalah untuk membantu pihak institusi yang berkaitan menyediakan garis panduan yang lebih baik dalam mempertingkatkan lagi peraturan-peraturan dan amalan keselamatan sedia ada dan seterusnya membimbing tenaga pengajar mengamalkan budaya kerja yang selamat. Hal ini juga bermaksud bahawa hasil kajian ini akan menjadi panduan kepada pihak institut Kolej Vokasional (KV) dalam proses penambahbaikkan strategi pengendalian, penyelanggaraan bengkel serta perancangan yang selamat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Tenaga pengajar Kolej Vokasional

Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu para tenaga pengajar melengkapkan dan mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang secukupnya untuk meningkatkan kesediaan diri dalam alam kerjaya seiring dengan kemajuan industri. Tambahan lagi, kajian ini akan membantu tenaga pegajar mengetahui sikap dan peglibatan diri mereka dengan gambaran sebenar terhadap amalan keselamatan semasa melakukan kerja-kerja amali di bengkel. Secara tidak langsung juga, dapat membantu tenaga pengajar untuk mengetahui dan mempelajari segala kemahiran-kemahiran dan kefahaman yang boleh diaplikasikan semasa mengajar kelak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Batasan Kajian

Sampel kajian yang bertindak balas dengan penuh disiplin ketika memberikan jawapan kepada soalan yang diberikan mempunyai kesan yang besar kepada dapatan kajian ini. Kajian yang melibatkan 2 buah Kolej Vokasional di Selangor iaitu Kolej Vokasional Sungai Buloh dan Kolej Vokasional Shah Alam. Seramai 201 orang responden iaitu daripada kalangan tenaga pengajar sahaja. Ini bermakna kajian hanya terhad untuk tenaga pengajar sahaja dan tidak melibatkan pelajar dan kakitangan bukan akademik.

Namun begitu, daripada hasil kajian ini tidak boleh dibuat kesimpulan bahawa perspektif amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan tenaga pengajar di Kolej Vokasional yang lain adalah sama. Ini kerana persekitaran dan kemudahan di setiap Kolej Vokasional adalah berbeza. Perbezaan sikap, pengetahuan serta penglibatan tenaga pengajar juga boleh memberi perbezaan yang ketara terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Secara tidak langsung faktor ini akan memberi keputusan kajian yang berbeza.

Disiplin amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Namun begitu, kajian ini hanya mengkaji faktor sikap dan penglibatan. Kajian ini juga hanya berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui soal-selidik. Sehubungan itu, kebolehpercayaan soal-selidik jawapan yang diberi hanya bergantung kepada soalan yang telah dikemukakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Definisi Istilah

Definisi terma-terma yang digunakan dalam kajian yang akan dijalankan ini adalah seperti berikut:

i. Amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Aspek keselamatan sangat perlu dititikberatkan. Alli (2008) mendefinisikan, amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) sebagai satu kaedah saintifik yang mempertimbangkan kemungkinan bahaya dari tempat kerja dan kesannya terhadap kesihatan pekerja dan kesejahteraan umum. Awwad, El Souki & Jabbour (2016) turut berpendapat bahawa fokus amalan keselamatan adalah untuk membendung kemalangan di tempat kerja dan kesan negatif terhadap pekerja dengan kaedah yang sama. Oleh itu berdasarkan definisi yang dinyatakan, amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kajian ini membawa maksud pengetahuan dan sikap yang dipraktikkan mengikut undang-undang keselamatan dalam melakukan aktiviti fizikal yang melibatkan peralatan sama ada di bengkel, tempat kerja, atau mana-mana tempat.

ii. Penglibatan Tenaga Pengajar

Tenaga pengajar dalam kajian merujuk kepada pengajar Kolej Vokasional (KV). Salah satu kaedah penglibatan pekerja adalah di mana sesebuah organisasi melibatkan semua pekerjanya ke dalam sesuatu projek yang berteraskan tingkah laku manusia (Vredenburgh, 2002). Menurut Wagner (1994) pula, penglibatan pekerja adalah di mana pengaruh daripada semua kategori dan lapisan pekerja di sesebuah organisasi untuk bersama-sama bertindak dalam proses untuk menganalisis data, membuat rumusan dan mencari penyelesaiannya. Oleh itu berdasarkan definisi yang dinyatakan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengibatan tenaga pengajar dalam kajian ini membawa maksud komitmen pengajar di KV dalam mengendalikan sesuatu amali dan projek dan menyelesaikan masalah yang timbul dalam aktiviti tersebut di dalam bengkel sekolah.

iii. Sikap Tenaga Pengajar

Kemahiran dan pengalaman adalah ciri yang paling penting bagi seorang pekerja, tetapi sikap seseorang juga memainkan peranan yang sama besar. Menurut Brian (1999), sikap pekerja adalah tingkahlaku yang dilakukan secara berulang- ulang dan ia dilakukan oleh minda tanpa sedar. Sikap juga merupakan elemen penting dalam diri seseorang kerana ia mempengaruhi individu berkenaan dalam membuat keputusan (Mueller, 1986). Dalam teori gelagat terancang (planned behaviour theory), sikap merupakan salah satu faktor utama dalam meramal gelagat seseorang (Elliot, Timothy, & Robin, 1999). Oleh itu berdasarkan definisi yang dinyatakan, sikap tenaga pengajar dalam kajian inimembawa maksud tindakan pengajar KV dalam menyelesaikan sesuatu masalah sewaktu melaksanakan amali dan projek di bengkel sekolah.

iv. Pendidikan Vokasional

Pendidikan vokasional telah dikenal pasti dengan penyediaan pendidikan yang ditujukan kepada pembelajaran pekerjaan. Pendidikan vokasional dikenali sebagai sistem yang mempelajari latihan kemahiran yang khusus untuk digunakan dalam dunia pekerjaan (Pavlova, 2009). Prosser dan Quigley (1950) menjelaskan bahawa dasar pendidikan vokasional adalah untuk mencari pengalaman dan mendapatkan gambaran awal dunia pekerjaan. Menurut Zainuren Mohd. Noor (2018) pula, pelajar ditekankan dengan latihan amali yang menumpukan tahap kemahiran yang diperlukan. Ini untuk menyediakan mereka agar dapat menceburi dunia pekerjaan dengan jayanya (job

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ready). Oleh itu, berdasarkan definisi tersebut, pendidikan vokasional dalam konteks kajian ini adalah satu proses pembelajaran yang menyeluruh dalam pelbagai aspek keperluan yang diperlukan dalam dunia pekerjaan sebenar.

1.11 Rumusan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara sikap tenaga pengajar dan penglibatan mereka dalam amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji sikap tenaga pengajar terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan, mengkaji tahap penglibatan tenaga pengajar dalam amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, serta mengenal pasti hubungan antara sikap tenaga pengajar dan penglibatan mereka dalam amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pendahuluan

Kajian literatur atau sorotan kajian merupakan salah satu bab penting dalam menjalankan penyelidikan kerana bab ini dapat menentukan sejauh mana signifikan kajian yang telah mendorong penyelidik menjalankan kajian ini. Dalam bab ini penelitian dijalankan ke atas beberapa aspek berhubung dengan amalan keselamatan. Bab ini turut membincangkan tentang pendidikan Kolej Vokasional (KV) di Malaysia yang menerapkan 70% praktikal dan melibatkan penggunaan bengkel secara keseluruhan. Bab ini turut membincangkan setiap pembolehubah di dalam kerangka penyelidikan melalui ulasan kajian terdahulu. Ini bertujuan untuk melihat sejauh mana hubungan sikap dan penglibatan tenaga pengajar dalam amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional. Sorotan daripada kajian-kajian terdahulu juga turut dibincangkan bagi memantapkan amalan keselamatan dan kesihatan di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekolah. Melalui pembacaan dan kajian-kajian lepas dalam aspek berkaitan, rumusan turut dibuat bagi mengukuhkan fakta yang ada.

2.2 *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) di Malaysia

TVET seperti yang didefinisikan oleh UNESCO (UNESCO / UNESCO-UNEVOC, 2017) adalah aspek yang terlibat dalam proses pembelajaran, sebagai penambahbaikan dalam pendidikan umum, pengajian tentang penggunaan sains dan teknologi, menjalani latihan amali kemahiran, melibatkan sikap, kefahaman dan pengetahuan berkaitan dengan pekerjaan dalam pelbagai sektor ekonomi. Ia juga dapat disimpulkan sebagai satu gabungan antara pendidikan teknikal, pendidikan vokasional, latihan vokasional, latihan dalam pekerjaan dan latihan perantisan (Tripney & Hombrados, 2013).

TVET boleh dianggap sebagai satu proses pembelajaran yang menyeluruh dalam pelbagai aspek keperluan yang diperlukan dalam dunia pekerjaan sebenar. Ia datang tepat pada masanya apabila TVET semakin dikenali dalam dunia global sebagai sesuatu yang penting dan bernilai dalam konteks pembelajaran sepanjang hayat oleh UNESCO, negara-negara, pihak-pihak berkepentingan serantau dalam pendidikan dan pembangunan antarabangsa (UNESCO, 2010). TVET telah banyak memberi sumbangan dalam meningkatkan pencapaian matlamat bagi pendidikan untuk semua (EFA) dan matlamat pembangunan Milenium (MDGs) (UNESCO / UNESCO-UNEVOC, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kini TVET mula menjadi tumpuan semua pihak di Malaysia khususnya pihak kerajaan, institusi pengajian dan industri. Malah masyarakat Malaysia umumnya kini telah mula menerima TVET sebagai satu proses pendidikan yang mempunyai potensi kerjaya pada masa depan selain dari pendidikan akademik semata-mata. TVET menjadi perhatian dunia khususnya di negara-negara sedang membangun apabila wujudnya beberapa isu seperti peningkatan dalam bilangan belia yang berpendapatan rendah dan kurangnya kemahiran dalam kalangan belia dalam pasaran buruh (Muhd Irpan, Mat Saad, Shaari Md Nor, Md Noor, & Ibrahim, 2016; J. Tripney et al., 2013).

Kerajaan giat mempromosi pelaksanaan TVET bagi meningkatkan kualiti dan kuantiti belia di Malaysia yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan menyeluruh dalam satu-satu bidang yang berkaitan dengan pekerjaan tertentu. Perkembangan pelaksanaan TVET ini melibatkan banyak pihak khususnya pihak kerajaan melalui kementerian tertentu seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Belia dan Sukan.

Penglibatan Institusi pengajian peringkat tertiari serta penglibatan sektor industri mengukuhkan lagi potensi kejayaan pelaksanaan TVET di Malaysia. Pelaksanaan TVET yang berjaya akan membantu dalam pertumbuhan ekonomi negara dan secara langsung dapat memberi peluang pekerjaan yang luas kepada belia-belia di Malaysia. Dengan adanya penekanan dalam meningkatkan pekerjaan berasaskan kemahiran bagi mengatasi isu persaingan dalam ekonomi dan masalah kemiskinan di kalangan negara sedang membangun, kini fokus dunia lebih bertumpu kepada TVET yang secara tidak langsung telah membuka ruang kepada belia-belia untuk memperoleh pekerjaan (Kee-Cheok Cheong et al., 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.1 Perkembangan TVET di Malaysia

TVET di Malaysia telah bermula sejak era pra kemerdekaan lagi. Bermula dengan penubuhan sekolah perdagangan di Kuala Lumpur pada tahun 1926, pendidikan berkaitan kemahiran telah diberikan kepada golongan belia pada masa itu untuk mengembangkan asas kemahiran dalam kalangan belia. Seterusnya pada tahun 1930, rangkaian sekolah perdagangan ini telah diperluaskan sehingga ke Ipoh, Johor Bahru dan seterusnya di Pulau Pinang pada tahun 1932. Sekolah perdagangan ini ditubuhkan dengan tujuan memberi kemahiran asas kepada belia khususnya dalam bidang pertukangan kayu, pendawaian elektrik, pembinaan bangunan dan baik pulih mesin dengan menawarkan tempoh pengajian selama tiga tahun.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Selepas negara memperoleh kemerdekaan pada tahun 1957, pihak kerajaan telah mula memberi tumpuan terhadap TVET. Pada tahun 1961, Laporan Rahman Talib telah diperkenalkan dan menjadi Akta Pendidikan. Laporan tersebut telah mencadangkan agar sekolah menengah pertukangan dan sekolah menengah teknik diwujudkan. Rentetan dari itu, pendidikan teknik dan vokasional telah diperkenalkan pada tahun 1964 iaitu di bawah Jabatan Pendidikan Teknik yang kini dikenali sebagai Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV).

Pada peringkat awal, sebanyak lapan buah sekolah ketukangan telah dibuka di luar bandar oleh pihak kerajaan. Pada tahun 1965, sistem pendidikan aneka jurusan pula telah diperkenalkan bagi sekolah menengah rendah. Seterusnya pada tahun 1968, tiga buah sekolah teknik telah ditubuhkan dengan menawarkan pengajian dalam bidang kejuruteraan yang menumpukan mata pelajaran teknikal di samping mata pelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akademik. Pendidikan teknikal mempunyai matlamat untuk mengimbangi pendidikan akademik di samping pendidikan asas dalam bidang sains dan teknologi di peringkat pendidikan menengah atas (Kementerian Pendidikan Malaysia 1986:50). Pada peringkat ini, pendidikan adalah berorientasikan peperiksaan iaitu merujuk kepada Sijil Pelajaran Malaysia di mana pelajar cemerlang mempunyai peluang untuk meneruskan pengajian ke institusi pengajian tertiari khususnya dalam bidang teknikal.

Kerajaan Malaysia mula membuat perancangan dan melaksanakan pelbagai dasar yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan TVET di Malaysia dapat dilakukan dengan pesat untuk pelbagai tujuan khususnya bagi meningkatkan bilangan belia yang berkemahiran dan berdaya saing yang secara langsung dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Ini dapat ditunjukkan dengan terlaksananya Rancangan Malaysia Pertama (1965-1970) hinggalah Rancangan Malaysia ke Sebelas (2015-2020), Transformasi Nasional 2050 TN50 (2021-2050) dan yang terkini Dasar Industri 4.0 Kebangsaan. Semua perlaksanaan dasar ini adalah berkaitan dengan penambahbaikan pelaksanaan TVET di Malaysia bagi menghasilkan belia Malaysia yang berkemahiran serta mempunyai daya saing di peringkat global yang secara tidak langsung akan merangsang pertumbuhan ekonomi negara dengan lebih pesat.

Dalam Rancangan Malaysia Pertama (1965-1970), buat pertama kalinya sekolah menengah vokasional telah ditubuhkan untuk pelajar menengah atas iaitu tingkatan empat dan lima. Penubuhan sekolah vokasional adalah bertujuan untuk melahirkan belia berkemahiran dalam bidang ketukangan tertentu dan juruteknik berkemahiran yang cenderung kepada bidang vokasional untuk memenuhi permintaan tinggi sektor industri, pertanian dan komersial yang sangat diperlukan pada ketika itu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Rancangan Malaysia Pertama, 1965-1970). Penawaran kursus berkaitan membolehkan pelajar memperoleh pengetahuan asas vokasional dan kemahiran agar mereka mendapat pekerjaan sama ada sebagai pekerja mahir atau separuh mahir dalam sektor industri. Pada tahun 1995, berlakunya penstrukturan semula di mana sebanyak 69 Sekolah Menengah Vokasional (SMV) telah di naik taraf kepada Sekolah Menengah Teknik (SMT) kesan dari beberapa perubahan yang berlaku di dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV). Malah penstrukturan semula ini juga turut melibatkan perubahan dalam beberapa mata pelajaran teknikal yang ditawarkan.

Pelaksanaan TVET di Malaysia tidak terhad hanya kepada sekolah menengah teknik dan vokasional semata-mata. Malah terdapat banyak Institusi pengajian dan kemahiran lain yang turut melaksanakan TVET. Antara institusi tersebut adalah Politeknik, Institusi Kemahiran Mara (IKM), Pusat Giat Mara, Kolej Komuniti, Institusi Latihan Perindustrian (ILP), Institusi Latihan Belia Kebangsaan, Majlis latihan Vokasional Kebangsaan dan beberapa institusi kemahiran dengan usaha sama negara luar seperti German Malaysia Institute (GMI) and Malaysia France Institute (MFI) (Rancangan Malaysia keenam, 1991-1995). Semua institusi ini adalah di bawah beberapa kementerian tertentu yang menjadi penyedia TVET seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Sumber Manusia dan Pembangunan dan Kementerian Belia dan Sukan. Malah kerajaan negeri serta pihak swasta juga tidak ketinggalan untuk turut serta menjadi penyedia kepada pelaksana TVET di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kerajaan Malaysia telah menentukan TVET sebagai laluan utama dalam menyediakan sumber manusia berkemahiran tinggi dan merupakan salah satu kunci yang akan memacu ekonomi negara Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi (Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020). TVET di Malaysia perlu mencontohi negara-negara yang memberikan bilangan penglibatan atau „enrolment" yang tinggi dalam TVET seperti negara jiran, Singapura dan Jerman. Adalah menjadi perkara yang sangat penting untuk meningkatkan penglibatan dalam TVET serta meningkatkan kualiti latihan secara menyeluruh memandangkan TVET kini menjadi topik perbincangan utama dalam industri dan ekonomi secara sejak akhir-akhir ini (Affero Ismail & Norhasni Zainal Abiddin, 2014). Keadaan ini dapat dilihat melalui penglibatan pihak kerajaan yang telah memberi peruntukkan yang besar bagi TVET dengan tujuan melatih para belia dengan kemahiran tinggi agar dapat melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran untuk memenuhi keperluan industri negara (Zaliza Hanapi & Arasinah Kamis, 2017).

2.2.2 Kolej Vokasional (KV) Institusi Pengajian Peringkat Tertiari

KV merupakan institusi pengajian peringkat tertiari yang menawarkan program pengajian dalam pendidikan kemahiran kepada pelajar lepasan Penilaian Tingkatan Tiga (PT3) yang sebelum ini adalah Penilaian Menengah Rendah (PMR). KV merupakan satu-satunya kolej kemahiran di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) yang menawarkan program pengajian di peringkat sijil dan diploma. KV telah ditubuhkan pada tahun 2012 kesan transformasi dalam pendidikan vokasional (TPV) di mana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekolah menengah teknik (SMT) telah dinaiktarafkan menjadi KV secara berperingkat (Siti Syahirah Abdullah Zawawi, 2011). Fokus kerajaan terhadap pendidikan di Malaysia pada masa kini adalah lebih menumpukan kepada bidang TVET dengan menaik taraf institusi sekolah vokasional kepada KV (Johar Bunimin, 2016).

Pada peringkat awal penubuhan KV, sebanyak 15 buah sekolah menengah teknik dan vokasional telah di naik taraf menjadi KV rintis. Seterusnya 78 buah KV telah ditambah pada tahun 2013 dengan menawarkan pelbagai program latihan kemahiran vokasional di seluruh negara. Bilangan itu semakin bertambah dan kini terdapat sebanyak 81 buah KV di seluruh Malaysia. KV menawarkan program pengajian peringkat diploma dalam tempoh empat tahun serta tambahan lima bulan latihan dalam pekerjaan (OJT). Pada dua tahun yang pertama pelajar yang layak akan memperoleh Sijil Vokasional Malaysia (SVM), diikuti dengan tambahan pengajian dua tahun lima bulan termasuk latihan dalam pekerjaan (OJT) untuk melayakkan pelajar beroleh Diploma dalam bidang pengajian (DVM) serta pada masa yang sama pelajar juga layak memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia tahap empat atau dikenali juga Diploma Kemahiran Malaysia. Ini bermakna setiap graduan keluaran KV akan memperoleh Sijil Vokasional Malaysia (SVM), Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap empat dan Diploma dalam bidang (DVM).

Setelah tamat pengajian, murid berpeluang untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), dan institusi latihan kemahiran awam dan swasta atau terus bekerja. Objektif utama penubuhan KV adalah untuk melahirkan graduan separa profesional (juruteknik /

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembantu teknik) dalam bidang kejuruteraan dan bukan kejuruteraan. Namun begitu ianya dapat diperincikan lagi seperti berikut:

i. Menghasilkan lepasan pendidikan vokasional yang memiliki sijil atau diploma yang diiktiraf oleh badan pensijilan kebangsaan, industri dan kerajaan.
ii. Menghasilkan lepasan 20 peratus lepasan pendidikan vokasional yang boleh melanjutkan pengajian atau latihan lanjutan ke peringkat yang lebih tinggi.
iii. Menghasilkan lepasan pendidikan vokasional yang mempunyai tahap kebolehpasaran yang tinggi dengan sasaran sebanyak 70 peratus daripada graduan KV mendapat pekerjaan dalam industri tempatan.
iv. Menghasilkan usahawan dalam kalangan graduan KV dengan sasaran sebanyak 10 peratus daripada graduan yang dikeluarkan.
v. Memperkasakan sistem penyampaian Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan transformasi pendidikan vokasional.

(Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010)

Pendidikan di KV adalah dipengaruhi oleh dua kementerian iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional dan Kementerian Sumber Manusia. Kurikulum KV ini melibatkan badan pengiktirafan seperti Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), Malaysian Qualification Association (MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Setiap agensi ini masing-masing memainkan peranan penting dalam menentukan standard kurikulum dan merupakan badan yang mengiktiraf persijilan dan diploma yang dikeluarkan oleh KV.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum KV adalah bersifat modular yang merangkumi komponen teori dan amali yang seimbang. Di samping itu, kurikulum ini juga melibatkan konstruk yang berkaitan dengan kreativiti dan inovasi, kemahiran insaniah, kemahiran teknologi dan keusahawanan yang merupakan konstruk penting yang menjadi keperluan dan kehendak dalam industri dan badan profesional semasa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Boleh dikatakan bahawa pelaksanaan kurikulum yang di laksanakan oleh KV adalah bersifat kepada orientasi pembelajaran berasaskan pekerjaan (Suhaili Hanafi, 2015). Ini kerana format pembelajaran kurikulum di KV adalah sangat memberi penekanan terhadap kompetensi pekerjaan, keusahawanan dan insaniah dengan nisbah teori dan amali sebanyak 30:70.

KV kini menawarkan pelbagai bidang, di mana setiap bidang terdiri dari pecahan kursus-kursus kemahiran yang lebih mengkhusus. Bidang-bidang tersebut adalah bidang Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, bidang Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, bidang Teknologi Kejuruteraan Awam, bidang Hospitaliti dan Pelancongan, bidang Pengajian dan Perkhidmatan Masyarakat, bidang Perniagaan, bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan bidang Pertanian (BPLTV, 2011). Kursus Pengurusan Perniagaan yang menjadi perbincangan dalam kajian ini adalah di bawah bidang Perniagaan. Dengan kurikulum yang sedia ada, KV diharap dapat mengeluarkan graduan seperti yang diharapkan iaitu graduan yang berpengetahuan dan berkemahiran serta berdaya saing dengan memenuhi kehendak dan keperluan semasa industri. Tahap kebolehpasaran graduan KV khususnya graduan Pengurusan Perniagaan perlu diberi keutamaan kerana tahap kebolehpasaran yang tinggi dalam kalangan graduan turut menggambarkan kualiti KV sebagai institusi pengajian tertiari yang disegani.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kepada maklumat ringkas berkenaan dengan KV di atas, telah jelas menunjukkan bahawa penekanan terhadap salah satu objektif penubuhan KV iaitu untuk menghasilkan graduan KV yang mempunyai tahap kebolehkerjaan yang tinggi iaitu disasarkan seramai 70 peratus daripada graduan pada satu-satu ambilan akan mendapat pekerjaan dalam industri, 10 peratus menjadi usahawan dan 20 peratus menyambung pengajian perlu diberi perhatian. Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan begitu memandang serius dengan pembangunan modal insan dalam menampung keperluan dan kehendak semasa industri yang secara langsung akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Oleh demikian peranan institusi pengajian di peringkat tertiari khususnya KV adalah penting dalam mempertingkatkan kualiti pekerjaan graduan dan seterusnya merealisasikan matlamat negara selari dengan transformasi pendidikan teknik dan vokasional itu sendiri (Tomlinson, McCafferty, Fuge, & Wood, 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KV digalakkan untuk bekerjasama dengan pihak industri bagi meningkatkan tahap kebolehpasaran dan kebolehkerjaan graduan kerana kedua-dua tersebut merupakan pengukur kepada salah satu kunci kejayaan bagi mana-mana institusi pengajian (Mohamad Shukri Abdul Hamid, Rafikul Islam, & Hazilah Abd Manaf, 2014). Pelbagai usaha perlu di ambil oleh pihak KV bagi meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan membuat penambahbaikan dari segi kaedah pedagogi pengajaran, penyusunan semula program pengajian dan sistem serta membuat penambahbaikan dalam sukatan kurikulum yang lebih bersifat menyeluruh (Zafir Mohd Makhbul et al., 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks ini pihak pengurusan KV, khususnya bagi program *hands on* perlu mengambil tindakan proaktif untuk memastikan penambahbaikan dapat dilakukan bagi mempertingkatkan mutu dan kualiti pelajar agar mereka mempunyai kualiti bukan sahaja dalam kemahiran teknikal atau akademik semata-mata, malah mereka juga berkualiti dalam kemahiran kebolehkerjaan yang setara dengan kehendak dan keperluan majikan industri semasa. Program hands on ini perlu mencari kaedah yang sesuai bagi memantapkan lagi kemahiran kebolehkerjaan di samping menyediakan graduan yang kompeten dalam kemahiran tertentu secara konsisten dan berterusan (Shuayto, 2013; Tuan Syarifah Atifah Tuan Mat Zin, Nor Hayati Fatmi Talib, & Mohd Faidzul Abd Rahman, 2016).

Walaupun pelbagai tindakan dan penambahbaikan telah diambil untuk meningkatkan kualiti dan tahap kebolehpasaran graduan lepasan institusi pengajian peringkat tertiari ini, namun begitu masalah pengangguran negara masih lagi berada pada tahap yang membimbangkan. Ini kerana wujudnya pelbagai faktor lain yang mempengaruhi kebolehpasaran graduan dalam pasaran buruh dan bukan hanya dipengaruhi oleh faktor kekurangan kemahiran kebolehkerjaan seperti yang diperbincangkan oleh banyak kajian. Oleh demikian, pihak institusi pengajian peringkat tertiari tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya. Dalam hal ini fungsi utama institusi pengajian adalah untuk menyediakan graduan dengan ilmu kemahiran dalam bidang yang berkaitan. Selain daripada penekanan terhadap kemahiran kebolehkerjaan, kemahiran teknikal juga perlu ditekankan oleh pihak KV semasa mereka bentuk program pengajian agar ianya dapat menyiapkan graduan dengan kemahiran yang diperlukan dalam bidang pekerjaan (Su-Hie Ting, Ernisa Marzuki, Kee Man Chuah, Jecky Misieng, & Collin Jerome, 2017; Zaliza Hanapi et al., 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Graduan itu sendiri perlu mengambil pelbagai inisiatif dalam mempersiapkan diri mereka dengan kemahiran kebolehkerjaan yang bermutu tinggi tanpa mengharapkan kepada pihak lain khususnya KV. Ini perlu bagi menghadapi cabaran persaingan dalam menempatkan graduan dalam pasaran buruh kelak. Graduan KV khususnya graduan Pengurusan Perniagaan bukan sahaja bersaing sesama mereka malah mereka juga akan menghadapi persaingan dengan graduan-graduan dari institusi pengajian di peringkat tertiari lain dalam bidang yang sama untuk menempatkan diri mereka dalam pasaran buruh. Oleh demikian setiap graduan harus memperkukuhkan lagi segala kemahiran yang sedia ada yang telah diterapkan semasa tempoh pengajian di KV dengan membuat penambahbaikan khususnya dalam kemahiran kebolehkerjaan. Graduan Pengurusan Perniagaan juga perlu bersikap fleksibel, pandai menyesuaikan diri serta memiliki gabungan pendidikan yang lebih menyeluruh dan mempunyai kemahiran yang khusus (Bishanani Omar et al., 2016; Shuayto, 2013).

Graduan kini bukan sahaja memerlukan kemahiran asas akademik semata-mata namun begitu graduan juga amat memerlukan kemahiran teknikal, kemahiran kebolehkerjaan dan kemahiran keusahawanan bagi meningkatkan kompetensi mereka secara lebih menyeluruh. Semua kemahiran ini merupakan aset bagi kebolehpasaran graduan dan merupakan faktor penentu untuk mendapatkan pekerjaan. Berdasarkan kajian lepas, pengkaji dapat merumuskan bahawa graduan yang mempunyai keputusan yang cemerlang dalam bidang pengajian mereka semata-mata adalah tidak memadai dalam memastikan kebolehpasaran mereka dalam pasaran buruh di Malaysia pada masa kini. Dalam dunia yang mencabar pada masa kini, graduan tidak boleh hanya bergantung pada pencapaian akademik yang cemerlang semata-mata, tetapi mereka juga amat memerlukan kemahiran kebolehkerjaan yang relevan bagi memastikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kobolehpasaran mereka pada masa depan (Jamal Ali et al., 2014). Perlu dinyatakan di sini bahawa kebolehpasaran adalah sangat bergantung pada seseorang yang mempunyai satu set kemahiran yang diperlukan dan ia juga ditentukan oleh kekosongan dalam pasaran pekerjaan (Jamal Ali et al., 2014).

KV perlu memainkan peranan penting dalam menyediakan graduan untuk pasaran buruh dengan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran selari dengan tuntutan pihak industri dan majikan. Ini termasuklah membuat penambahbaikan dalam pelbagai aspek. Menurut Riam (2012), graduan yang memenuhi kehendak dan keperluan pasaran kerja dapat dilahirkan oleh institusi pengajian dengan mengubah polisi atau struktur program yang menekan bukan sahaja kemahiran teknikal tetapi juga menekankan kemahiran kebolehkerjaan. Pembangunan terhadap kemahiran profesional seseorang graduan harus diberi penekanan dengan membuat penambahbaikan dalam kurikulum agar ianya dapat memenuhi keperluan dan kehendak semasa industri (Noor Lela Ahmad & Suraini Mohd Rhouse, 2016). Selain itu pihak KV juga harus menyediakan graduan dengan asas keusahawanan agar graduan yang dikeluarkan bukan sahaja boleh mendapatkan pekerjaan dalam pasaran buruh, malah mereka juga berkeupayaan untuk mencipta peluang pekerjaan sendiri.

2.3 Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Kesihatan dan keselamatan pekerjaan ialah disiplin yang berkaitan dengan memelihara dan melindungi sumber manusia di tempat kerja. Mengikut definisi yang diterima pakai oleh Jawatankuasa Bersama ILO/WHO mengenai Kesihatan Pekerjaan (1950),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesihatan pekerjaan ialah penyesuaian kerja kepada manusia dan setiap lelaki kepada pekerjaannya. Ia mempunyai komponen berikut.

i. Kenaikan pangkat dan penyelenggaraan tahap tertinggi fizikal, mental dan kesejahteraan sosial pekerja dalam semua pekerjaan;

ii. Pencegahan di kalangan pekerja yang berlepas dari kesihatan yang disebabkan oleh keadaan kerja mereka;

iii. Perlindungan pekerja dalam pekerjaan mereka daripada risiko akibat faktor yang memudaratkan kesihatan; dan

iv. Menempatkan dan menyelenggara pekerja dalam persekitaran pekerjaan yang disesuaikan dengan peralatan fisiologi dan psikologinya.

Asal-usul kebimbangan kesihatan dan keselamatan pekerjaan boleh dikesan kembali ke Revolusi Perindustrian (akhir abad ke-18 hingga ke-19), yang ditandai dengan inovasi seperti pemintalan kapas dan tekstil, enjin wap, pengasas besi dll. Ini mengakibatkan kemunculan kilang kapas , kilang separa automatik dan industri besi, yang menjadi „sektor peneraju“, yang mewujudkan asas bagi Revolusi Perindustrian. Walaupun Revolusi Perindustrian menyumbang kepada pembangunan ekonomi, ia memberi kesan negatif terhadap kesihatan dan keselamatan pekerja yang bekerja di kilang dan industri ini. Pekerja lelaki dan wanita terdedah kepada gas berbahaya, toksin, asid, haba yang melampau dan suhu sejuk, cahaya dan bunyi yang memberi kesan berbahaya kepada kesihatan fizikal, sosial dan psikologi mereka. Kecederaan, penyakit dan bahaya kesihatan yang dihadapi oleh pekerja akibat Revolusi Perindustrian menarik minat para sarjana dan pemikir terkemuka pada zaman itu, yang merasakan isu kesihatan dan kebersihan industri mesti ditangani.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesihatan dan keselamatan pekerjaan adalah bidang rentas disiplin dan ia berinteraksi dengan disiplin lain seperti perubatan pekerjaan, kebersihan pekerjaan atau industri, kesihatan awam, kejuruteraan keselamatan, ergonomik, toksikologi, epidemiologi, fizik kesihatan, kesihatan persekitaran, perhubungan industri, dasar awam, sosiologi industri, sosiologi perubatan, undang-undang sosial, undang-undang buruh, dan psikologi kesihatan pekerjaan. Walaupun keperluan mendesak untuk menangani isu kesihatan dan keselamatan pekerjaan (perindustrian) muncul semasa Revolusi Perindustrian, ia menjadi lebih penting untuk menangani isu itu pada masa ini dengan perkembangan pesat bandar di seluruh dunia, seterusnya mengakibatkan perindustrian dan pertumbuhan yang meluas penduduk. Isu kesihatan, kebersihan dan kawalan bahaya adalah penting dan perlu ditangani oleh kerajaan negeri dan badan lain yang bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan semua pekerja, dengan memastikan terdapat dasar kesihatan dan keselamatan, sistem di setiap tempat kerja dan bahawa ini dilaksanakan dengan cara yang terbaik.

Oleh itu, kesihatan pekerjaan secara beransur-ansur berkembang daripada aktiviti berorientasikan risiko mono-disiplin kepada pendekatan pelbagai disiplin dan komprehensif yang mempertimbangkan kesejahteraan fizikal, mental dan sosial, serta kesihatan umum dan perkembangan peribadi seseorang. Di seluruh dunia, Akta, perundangan dan dasar dicipta dengan objektif untuk memastikan kesihatan yang baik dan persekitaran kerja yang selamat untuk semua pekerja. Setiap negara mempunyai akta dan dasar tersendiri mengenai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.1 Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Negara Luar

Di Amerika Syarikat, Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1970, adalah satu usaha untuk melindungi pekerja daripada bahaya yang mereka hadapi di tempat kerja. Akta ini buat pertama kalinya menubuhkan program persekutuan di seluruh negara untuk melindungi pekerja daripada penyakit pekerjaan, kecederaan dan kematian. Objektif utama Akta ini adalah untuk memastikan majikan menyediakan pekerja persekitaran kerja yang bebas daripada bahaya seperti pendedahan kepada bahan kimia toksik, bahaya mekanikal, tekanan haba atau sejuk, keadaan tidak bersih dan lain-lain. Akta tersebut mewujudkan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH1) dan Pentadbiran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA2).

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Di Kanada, pekerja dilindungi di bawah kod buruh wilayah atau persekutuan bergantung pada sektor tempat mereka bekerja. Pusat Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan Kanada (CCOHS), yang merupakan agensi Kerajaan Kanada, telah diwujudkan oleh Akta Parlimen pada tahun 1978. CCOHS telah diwakilkan untuk mempromosikan tempat kerja yang selamat dan sihat. THE CCOHS ialah sebuah perbadanan jabatan persekutuan yang tidak mengaut keuntungan dan menyokong visi penghapusan penyakit dan kecederaan yang berkaitan dengan kerja dan percaya bahawa semua warga Kanada mempunyai hak asasi untuk persekitaran kerja yang selamat dan sihat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2 Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Malaysia

Di Malaysia, Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP) di bawah Kementerian Buruh memastikan keselamatan, kesihatan, dan kebajikan pekerja di sektor swasta serta awam dijaga. Ia bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Kilang dan Jentera 1969 dan Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994. JKKP menjalankan penyelidikan dan analisis mengenai isu kesihatan dan keselamatan pekerjaan. Ia menjalankan program promosi untuk majikan, pekerja dan orang awam. Jabatan juga mempunyai Polisi Kesihatan dan Keselamatannya sendiri yang bertujuan untuk menyediakan persekitaran kerja yang sihat dan selamat kepada semua pekerja. Jabatan ini terlibat dalam menyemak laporan keselamatan, dan pelan tindakan kecemasan. Ia juga menjalankan audit ke atas peralatan berbahaya dan tidak berbahaya. Ia juga memantau bahaya kesihatan di tapak kerja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.3 Objektif Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Objektif utama Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di peringkat global adalah untuk memastikan kesihatan dan keselamatan boleh diakses oleh setiap pekerja yang bekerja di mana-mana sektor di seluruh ekonomi. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sejak penubuhannya telah memasukkan unsur-unsur kesihatan pekerjaan dalam polisinya. Keperluan untuk melindungi pekerja daripada bahaya kesihatan pekerjaan dan menggalakkan keselamatan semua orang di tempat kerja telah ditekankan dalam dokumen utama WHO - Perlembagaan WHO, Deklarasi Deklarasi Alma Ata, Strategi Global mengenai Kesihatan Pekerjaan untuk Semua, Program Umum WHO Kerja dan beberapa resolusi Perhimpunan Kesihatan Sedunia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil daripada perubahan arah aliran kehidupan kerja dan permintaan yang semakin meningkat untuk produktiviti yang lebih tinggi daripada pekerja, terdapat keperluan mendesak untuk menangani isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di tempat kerja bagi setiap pekerja. Berdasarkan visi ini, Rangkaian Pusat Kerjasama WHO dalam Kesihatan Pekerjaan, yang terdiri daripada 52 institusi penyelidikan dan pakar dari 35 negara, bertemu dua kali untuk membincangkan keperluan untuk Strategi Global baharu dalam Kesihatan Pekerjaan. Strategi yang dicadangkan bertujuan untuk menetapkan piawaian untuk menangani keperluan kesihatan dan keselamatan yang akan datang di tempat kerja. Ia juga bertujuan untuk menangani keadaan yang berbeza di tempat kerja serta keperluan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam negara yang berada dalam peringkat pembangunan yang berbeza.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Menurut dokumen itu, Global Strategy on Occupational Health for All, sepuluh objektif keutamaan tinggi yang dicadangkan oleh strategi tersebut adalah seperti berikut:

i. Pengukuhan dasar antarabangsa dan kebangsaan untuk kesihatan di tempat kerja dan membangunkan alat dasar yang diperlukan
ii. Pembangunan persekitaran kerja yang sihat
iii. Pembangunan amalan di tempat kerja bagi mewujudkan persekitaran kerja yang sihat bersama dengan promosi kesihatan
iv. Pengukuhan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
v. Mewujudkan perkhidmatan sokongan untuk kesihatan pekerjaan
vi. Pembangunan piawaian kesihatan pekerjaan berdasarkan penilaian risiko saintifik
vii. Pembangunan sumber manusia untuk kesihatan pekerjaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

viii. Penubuhan sistem pendaftaran dan data, pembangunan maklumat

ix. perkhidmatan untuk pakar, penghantaran data yang berkesan dan meningkatkan kesedaran awam melalui maklumat awam

x. Pengukuhan penyelidikan

xi. Pembangunan kerjasama dalam kesihatan pekerjaan dan dengan aktiviti dan perkhidmatan lain.

Menurut *Global Strategy on Occupational Health for All* mendokumentasikan objektif yang dinyatakan di atas menekankan kepentingan pencegahan utama dan menggalakkan negara (menerima sokongan daripada WHO), untuk merangka dasar dan program negara untuk kesihatan pekerjaan dengan infrastruktur dan sumber yang diperlukan untuk pekerjaan. kesihatan. Kepentingan merangka dasar negara lebih menekankan peranan kerajaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, dokumen itu memberi penekanan kepada mewujudkan dasar, struktur, sistem dan aktiviti untuk menangani keperluan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di tempat kerja. Ia menekankan keperluan untuk perkhidmatan sokongan dan sumber manusia yang mencukupi untuk melaksanakan strategi baharu. Kepentingan diletakkan pada kerjasama dalam WHO, iaitu antara Pertubuhan Antarabangsa dan NGO dan pelbagai disiplin yang berkaitan dengan isu kesihatan pekerjaan di peringkat nasional dan tempatan.

Secara kesimpulannya, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ditubuhkan untuk:

i. Kurangkan bahaya tempat kerja dan laksanakan yang baru atau kaedah yang lebih baik untuk keselamatan dan kesihatan tempat kerja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Menyediakan data penyelidikan

iii. Menyelenggara sistem penyimpanan rekod dan pelaporan untuk memantau kecederaan dan penyakit berkaitan pekerjaan

iv. Mengadakan program latihan untuk menambah bilangan dan kecekapan kakitangan pekerjaan dan keselamatan

v. Mewujudkan tanggungjawab berasingan tetapi bergantung dan hak untuk majikan dan pekerja

vi. Membangunkan standard keselamatan dan kesihatan pekerjaan mandatori

vii. Menyediakan untuk pembangunan, analisis, penilaian dan kelulusan program keselamatan

Seterusnya, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan melaksanakan misi ini dengan:

i. Membangunkan standard keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan menguatkuasakan mereka dengan pemeriksaan

ii. Menyelenggara sistem pelaporan dan penyimpanan rekod untuk menjejaki kecederaan dan penyakit berkaitan pekerjaan

iii. Menyediakan program latihan untuk menambah pengetahuan tentang Pekerjaan keselamatan dan kesihatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.4 Prinsip Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan

Kesihatan dan keselamatan pekerjaan ialah bidang pelbagai disiplin, meliputi isu berkaitan undang-undang, perubatan, teknologi, ekonomi dan kebimbangan khusus industri. Prinsip kesihatan dan keselamatan pekerjaan teras yang dikemukakan oleh ILO adalah seperti berikut:

i. Semua pekerja mempunyai hak. Pekerja, serta pekerja dan kerajaan, mesti memastikan hak-hak ini dilindungi dan memupuk keadaan buruh yang baik. Seperti yang dinyatakan oleh Persidangan Buruh Antarabangsa pada tahun 1984:

   a. Kerja harus dilakukan dalam persekitaran sihat yang selamat;
   b. Keadaan kerja hendaklah selaras dengan kesejahteraan pekerja dan maruah manusia;
   c. Kerja harus menawarkan kemungkinan sebenar untuk pencapaian peribadi, pemenuhan diri dan masyarakat perkhidmatan.

ii. Polisi kesihatan dan keselamatan pekerjaan mesti diwujudkan. Dasar sedemikian mesti dilaksanakan di peringkat kerajaan dan perusahaan. Ia mesti disampaikan secara berkesan kepada semua pihak yang berkenaan.

iii. Terdapat keperluan untuk berunding dengan rakan kongsi sosial (iaitu majikan dan pekerja) dan pihak berkepentingan lain. Ini harus dilakukan semasa penggubalan, pelaksanaan dan kajian semula dasar tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Pencegahan dan perlindungan mestilah matlamat program dan polisi kesihatan dan keselamatan pekerjaan. Usaha mesti ditumpukan kepada pencegahan utama di peringkat tempat kerja. Tempat kerja dan persekitaran kerja hendaklah dirancang dan direka bentuk supaya selamat dan sihat.

Kesimpulan mengenai Tindakan Masa Depan dalam Bidang Keadaan Kerja dan Persekitaran, diterima pakai oleh Sesi Persidangan Buruh Antarabangsa Ke-70 yang mana;

i. Maklumat adalah penting untuk pembangunan dan pelaksanaan program dan dasar yang berkesan. Pengumpulan dan penyebaran maklumat tepat tentang bahaya dan bahan berbahaya, pengawasan tempat kerja, pemantauan pematuhan dasar dan amalan baik, dan aktiviti lain yang berkaitan adalah penting kepada penubuhan dan penguatkuasaan dasar yang berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Promosi kesihatan adalah elemen utama dalam amalan kesihatan pekerjaan. Usaha mesti dibuat untuk meningkatkan kesejahteraan fizikal, mental dan sosial pekerja.

iii. Perkhidmatan kesihatan pekerjaan yang meliputi semua pekerja hendaklah diwujudkan. Sebaik-baiknya semua pekerja dalam semua kategori aktiviti ekonomi harus mempunyai akses kepada perkhidmatan sedemikian, yang bertujuan untuk melindungi dan menggalakkan kesihatan pekerja dan memperbaiki keadaan kerja.

iv. Pampasan, pemulihan dan perkhidmatan kuratif mesti disediakan kepada pekerja yang mengalami kecederaan pekerjaan, kemalangan dan penyakit berkaitan kerja. Tindakan mesti diambil untuk meminimumkan akibat bahaya pekerjaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v. Pendidikan dan latihan adalah komponen penting dalam persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Pekerja dan majikan mesti dimaklumkan tentang kepentingan dan cara mewujudkan prosedur kerja yang selamat. Jurulatih mesti dilatih dalam bidang yang mempunyai kaitan khas dengan industri yang berbeza, yang mempunyai kebimbangan OHS khusus.

vi. Pekerja, majikan dan pihak berkuasa berwibawa mempunyai tanggungjawab, tugas dan kewajipan tertentu. Sebagai contoh, pekerja mesti mengikut prosedur keselamatan yang ditetapkan; majikan mesti menyediakan tempat kerja yang selamat dan memastikan akses kepada pertolongan cemas; dan pihak berkuasa yang berwibawa mesti merangka, berkomunikasi dan menyemak dan mengemas kini dasar kesihatan dan keselamatan pekerjaan secara berkala.

vii. Polisi mesti dikuatkuasakan. Sistem pemeriksaan mesti disediakan untuk memastikan pematuhan terhadap kesihatan dan keselamatan pekerjaan serta perundangan buruh yang lain.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

2.4 Tempat Kerja, Keselamatan, dan Kesihatan

Kerja merupakan komponen penting dalam kehidupan seharian seseorang individu. Sebahagian besar kehidupan seseorang individu dihabiskan di 'tempat kerja', di mana dia diharapkan untuk menunjukkan komitmen dan keikhlasan mereka dalam melaksanakan pelbagai tugas. Pada zaman kontemporari, tempat kerja menuntut tahap kepakaran dan kecekapan yang tinggi daripada pekerjanya dalam setiap tugas yang mereka lakukan. Ini bermakna masa dan kualiti kerja seseorang pekerja memainkan peranan penting dalam menentukan prestasi mereka dan dalam memastikan output yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dihasilkan. Oleh itu, persoalan yang perlu ditanya ialah adakah tempat kerja hanya menekankan kepada prestasi tugas dan output yang dihasilkan? Bagaimana dengan individu tersebut? Adakah sebarang kebimbangan ditunjukkan terhadap melindungi atau memulihkan kesejahteraan pekerja? Ini bermakna menangani kebimbangan seperti kesihatan pekerja, langkah keselamatan di tempat kerja, persekitaran kerja yang menyenangkan dan selamat, dasar atau sistem yang menyumbang kepada kesejahteraan fizikal, sosial dan psikologi pekerja. Oleh itu, mendekati tempat kerja atau pekerjaan dari perspektif kesihatan dan keselamatan adalah keperluan penting dan merupakan asas OHS.

Kerja mendapat perhatian yang besar kerana kepentingan sosial dan ekonominya. Fungsi utama kerja dalam mana-mana masyarakat adalah untuk menghasilkan dan mengedarkan barangan dan perkhidmatan. Tidak cukup perhatian diberikan kepada kepentingan kerja untuk individu. Walau bagaimanapun, kajian telah menunjukkan bahawa kerja memainkan peranan psikologi yang penting dan tiada tandingan dalam membangunkan harga diri dan semangat bekerja. Kerja yang tiada ganjaran ekonomi juga memuaskan dan menggembirakan secara peribadi. Ini merujuk kepada kerja seperti menjaga anak, menjaga orang sakit dan orang tua, kerja rumah, kerja sukarela dan lain-lain lagi.

Persekitaran kerja seseorang individu adalah sangat penting. Persekitaran kerja boleh memberi kesan positif atau negatif kepada individu. Jika persekitaran di tempat kerja sihat dan selamat, ini bermakna jika tempat kerja mempunyai struktur dan sistem yang mencukupi yang menangani kesejahteraan pekerja, maka pekerja akan dapat melakukan yang lebih baik dan tahap produktivitinya akan menjadi sangat baik. Dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

erti kata lain, persekitaran tempat kerja memberi kesan kepada kesihatan sosio-psikologi individu, yang memberi kesan kepada keseluruhan output.

Apabila kita menyebut persekitaran kerja yang selamat dan terjamin, kita bukan sahaja merujuk kepada ketersediaan peralatan atau alatan yang selamat dan bebas bahaya di tempat kerja, tetapi juga aspek seperti hubungan manusia di tempat kerja, yang mempunyai kesan langsung ke atas fizikal dan psikologi. kesihatan individu tersebut. Sebagai contoh, bagaimanakah lelaki berkelakuan dengan wanita di tempat kerja? Bagaimanakah tingkah laku majikan terhadap pekerjanya? Adakah mana-mana pekerja menghadapi pelbagai bentuk gangguan seperti gangguan seksual, buli daripada rakan sekerja atau senior, yang menyebabkan dia tidak selamat dan mengurangkan produktiviti mereka, seterusnya mengakibatkan penyakit dan masalah kesihatan? Adakah tempat kerja mempunyai dasar seperti dasar kesihatan dan keselamatan, dasar pencegahan gangguan seksual dan dasar lain, yang memastikan semua orang yang bekerja di tempat kerja selamat dan bebas daripada tekanan? Ini adalah soalan yang setiap tempat kerja harus mencari penyelesaian dan ditangani.

2.4.1 Kepentingan Amalan Keselamatan dan Kesihatan

Bagi menjamin kehidupan yang sempurna, aspek keselamatan sangat perlu dititikberatkan. Amalan bermaksud penggunaan pengetahuan bagi menyelesaikan masalah (Kanchana, Sivaprakash, & Joseph, 2015). Manakala keselamatan yang dimaksudkan adalah keselamatan diri, orang sekeliling, peralatan atau bahan, persekitaran mahupun juga harta benda (May, Gilson, & Harter, 2014). Maka, amalan keselamatan adalah pengetahuan dan sikap yang dipraktikkan mengikut undang-undang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keselamatan dalam melakukan aktiviti fizikal yang melibatkan peralatan sama ada di bengkel, tempat kerja, atau mana-mana tempat. Kebiasaannya perkataan *Safety First* kelihatan di bengkel-bengkel sekolah yang bertujuan untuk mengingatkan semua pihak supaya mengutamakan keselamatan semasa berada di bengkel. Bukan hanya di sekolah sahaja bahkan perkataan ini juga terdapat di kilang-kilang, jalan raya, pejabat dan di tempat kerja secara amnya. Hal ini menunjukkan keselamatan sangat sinonim dalam kehidupan seharian walaupun di mana berada.

Aspek keselamatan akan diberi perhatian penuh apabila berlakunya sesuatu kemalangan. Sejak kecil lagi telah diingatkan supaya menjaga keselamatan diri, orang lain dan objek yang berada di persekitaran kita (Wagiman, 2012). Dalam pengurusan bengkel yang kondusif, pendekatan yang sistematik memerlukan perancangan dan pertimbangan terhadap beberapa aspek yang penting termasuk perancangan perbelanjaan, pembekalan dan pembelian alatan, penyenggaraan stok, pelupusan, pengendalian, penstoran alat dan bahan kimia dan tidak terkecuali reka bentuk bengkel atau makmal itu sendiri (Abd Rahman, 2012). Aspek yang perlu diberikan keutamaan perhatian terhadap keselamatan bengkel dan makmal bermula daripada tahap perancangan sehinggalah ke tahap pelaksanaannya.

Setiap organisasi yang terlibat dalam pengendalian bengkel dan makmal mestilah mempunyai satu polisi dan peraturan keselamatan yang perlu dipatuhi oleh semua kakitangan di bawah pentadbirannya (Landsbergis, 2013). Pengurusan dan perkhidmatan jawatankuasa keselamatan sesebuah institusi hanya berkesan jika mendapat sokongan penuh daripada setiap kakitangan di bawah pentadbirannya. Tanggungjawab untuk mengamalkan polisi dan peraturan yang telah disediakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terletak pada tugas dan kedudukan seseorang kakitangan dalam institusi berkenaan. Berdasarkan kepada tujuan ke arah menjaga keselamatan, setiap ahli mestilah menyedari akan risiko dan tanggungjawab masing-masing terhadap keselamatan diri dan juga rakan sekerja yang lain (Bolley, 2017). Kakitangan akademik dan pembantu keselamatan bertanggungjawab di bawah arahan ketua jabatan untuk menunjukkan minat dan memberikan perhatian terhadap keselamatan dan kesihatan semasa bekerja. Oleh itu, kakitangan akademik perlu memastikan yang semua alat keselamatan yang diperlukan terdapat di kawasan berkenaan serta berfungsi pada setiap masa dan juga mengarahkan ahli-ahli kumpulan penyelidikan dan pembantunya supaya sentiasa berada dalam suasana kerja yang selamat dan teratur.

Seterusnya adalah amalan keselamatan diri, peralatan, dan tempat kerja. Kebanyakan kita menghabiskan masa hidup yang terdedah kepada berbagai punca bahaya. Amalan keselamatan kerja yang kurang selamat boleh mengakibatkan kemalangan dan penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan yang akan memudaratkan kita dan keluarga dari segi sosial dan juga kewangan. Antara amalan yang kita perlu pertimbangkan adalah;

i. Tahap Pentadbiran

   a. Sediakan polisi atau dasar kesihatan dan keselamatan untuk organisasi.

   b. Lantik komiti bagi kesihatan dan keselamatan yang terdiri dari pihak pengurusan dan juga kakitangan.

   c. Berbincang selalu mengenai isu-isu keselamatan di tempat kerja.

   d. Mencatat setiap kemalangan dan nyaris kemalangan dan seterusnya membuat penilaian untuk langkah pencegahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

e. Berikan pekerja latihan dan pendidikkan mengenai amalan cara kerja yang selamat.

f. Sediakan peti kecemasan yang diisikan dengan keperluan- keperluan perubatan kecemasan.

ii. Persekitaran kerja selamat

i. Pastikan tempat kerja senantiasa kemas.

ii. Pastikan tempat laluan tidak terhalang-jika perlu tandakan garisan kuning untuk menunjukan laluan kecemasan.

iii. Gunakan bahan lantai yang tidak licin untuk mengelakkan dari tergelincir dan jatuh- bersihkan sebarang tumpahan dengan segera.

iv. Pastikan peredaran udara yang baik dan efektif bagi mewujudkan suhu bilik yang selesa.

v. Pastikan tahap pencahayaan yang mencukupi.

vi. Stor hendaklah disusun dengan teratur dan semua barang mestilah dilabel. Hindarkan dari menyimpan bahan kimia atau racun serangga bersama-sama dengan makanan atau minuman.

vii. Paparkan tanda-tanda keselamatan di mana perlu seperti jangan merokok, laluan kecemasan.

viii. Perkakas, mesin dan tempat duduk hendaklah yang ergonomik dan selesa untuk digunakan.

ix. Berikan kemudahan tandas, tempat cuci, tukar baju, tempat rehat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Keselamatan kebakaran

a. Pasangkan alat pemadam api dan hos di tempat kerja dan pastikan ianya selalu diperiksa.

b. Tandakan tempat berkumpul semasa kecemasan.

c. Paparkan pelan evakuasi semasa kecemasan.

d. Lakukan latihan kebakaran dengan bantuan pihak bomba.

iv. Penggunaan bahan kimia dengan selamat

a. Gantikan bahan kimia yang berbahaya dengan bahan yang lebih selamat jika boleh.

b. Tanda semua bekas bahan kimia.

c. Simpan data keselamatan penggunaan bahan (MSDS) bagi rujukan.

d. Gunakan alat perlindungan keselamatan diri yang disyorkan jika perlu seperti penutup mulut, sarung tangan dan kaca mata keselamatan.

e. Sediakan pencuci mata dan tempat mandi kecemasan jika diperlukan.

v. Penggunaan eletrik yang selamat

a. Jangan sama sekali menggunakan sambungan litar elektrik yang melebihi had.

b. Jangan gunakan sambungan elektrik yang rosak – tampalkan amaran untuk pengetahuan semua.

c. Jangan cuba membaiki alat elektrik yang rosak - kerja tersebut mestilah dilakukan oleh orang yang layak/mahir.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vi. Penggunaan alat perkakas dengan selamat

a. Berikan latihan kepada pekerja tentang penggunaan mesin dengan selamat.

b. Alat penghadang mesin hendaklah dipasang kepada mesin yang ada risiko terjadinya kecederaan.

c. Hindarkan dari membuat pembaikpulihan, pengubahsuaian atau pemeliharaan sesuatu mesin tanpa kebenaran.

d. Gunakan alat perlindungan keselamatan diri yang bersesuaian jika perlu.

vii. Penggunaan alat perlindungan keselamatan diri yang betul

a. Jika boleh hindarkan punca bahaya di tempat kerja - alat perlindungan keselamatan diri hanyalah digunakan jika punca bahaya tersebut tidak dapat dikawal.

b. Sentiasa menggunakan alat perlindungan keselamatan diri yang bersesuaian dengan tugas dan tegaskan penggunaannya.

c. Alat perlindungan keselamatan diri hendaklah dipelihara selalu – ganti alat perlindungan keselamatan diri yang sudah rosak.

2.4.2 Kesedaran Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan

Kesedaran terhadap amalan keselamatan dan kesihatan bermula sejak zaman purba Babylon iaitu semasa zaman pemerintahan Raja Hammurabi pada tahun 2000 sebelum Masehi. Beliau telah membentuk suatu peraturan atau undang-undang yang dinamakan sebagai kod Hammurabi (Goetsch, 1996). Antara kandungan dalam kod

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hammurabi tersebut adalah membincangkan tentang kecederaan, bayaran untuk ahli perubatan serta hukuman yang patut dikenakan kepada pesalah yang mencederakan orang lain. Ini adalah jelas menunjukkan bahawa pemerintah memberi perhatian khusus terhadap amalan pekerja-pekerjanya. Perkara yang sama juga berlaku di mana semasa zaman pemerintahan Rameses II pada tahun 1500 sebelum Masehi di mana para hamba yang ditugaskan untuk membina berhala telah diberikan perkhidmatan perubatan bagi menjamin keselamatan dan kesihatan mereka dan perlu mandi di Sungai Nil setiap hari, para pekerja juga diberikan rawatan perubatan secara tetap dan mana-mana pekerja yang sakit akan diasingkan (Goetsch, 1996).

Terdapat tiga perkara penting dalam memastikan sesebuah organisasi mencapai tahap keselamatan dan kesihatan yang ideal. Pertama, semua pihak sedar akan kepentingan mutu persekitaran tempat kerja. Kedua, bertanggungjawab untuk kenal pasti isu-isu yang berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Ketiga, menjalankan penilaian serta mengambil tindakan yang praktikal bagi mengatasi isu-isu yang berkaitan (Mahathevan, 1991). Ini membuktikan kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan antara faktor penting dalam meningkatkan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Oleh itu perlu diketahui konsep kesedaran terhadap amalan keselamatan dan kesihatan secara jelas. Namun begitu, berdasarkan kajian yang lepas konsep amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan hanya dijelaskan berdasarkan hubungan tahap kesedaran terhadap amalan keselamatan dan kesihatan dengan pembolehubah-pembolehubah yang mempengaruhinya.

Antaranya, kajian Wan Rosmini Hassan (2000) yang mengkaji tentang tahap keselamatan dan kesihatan terhadap pekerjaan berhubung dengan amalan keselamatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan kesihatan di tempat kerja. Berdasarkan kajian ini, konsep amalan keselamatan dan kesihatan hanya dijelaskan berdasarkan hubungan kesedaran dengan tahap pekerjaaan, pangkat, penglibatan pekerja dalam jawatan kuasa keselamatan dan penglibatan pekerja dalam aspek latihan. Kajian Durrishah et al. (2004) yang mengkaji tentang kesedaran pekerja Universiti Teknologi Malaysia berhubung dengan amalan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja menjelaskan konsep kesedaran dengan merujuk kesedaran sebagai tahap pengetahuan dan sikap pekerja.

Begitu juga dengan kajian Ahmad Murshidy Jamil (2010) yang mengkaji tentang pengurusan tahap kesedaran dan keselamatan pekerjaan terhadap pengendalian peluru dan bahan letupan. Berdasarkan kajian ini juga konsep kesedaran dijelaskan melalui hubungan tahap kesedaran dengan sikap individu, pengetahuan melalui latihan, faktor peralatan dan faktor demografi seperti umur, tempoh perkhidmatan, jantina, tahap pendidikan dan pangkat.

Di samping itu, kajian Ramlan Zainal Abidin (1997) mengenai latihan yang dijalankan di dalam bidang keselamatan dan kesannya terhadap kesedaran keselamatan pekerjaan turut menjelaskan konsep kesedaran melalui hubungan kesedaran dengan faktor individu, persekitaran, peyeliaan dan latihan. Kajian turut menyatakan penyebaran dasar dan peraturan keselamatan secara kerap mampu menimbulkan kesedaran. Begitu juga dengan penguatkuasaan pemakaian perlindungan diri boleh mempengaruhi tahap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Dalam pada itu, sekolah yang merupakan sebuah lokasi bagi pekerja untuk melahirkan kecemerlangan pelajar yang selaras dengan kehendak kurikulum dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

falsafah pendidikan negara (Khamsiah Ismail, Muhammad Farhan Mohammad Shukri, Mastura Badzis & Ssekamanya Siraje Abdallah, 2016). Sekolah juga perlu mencapai tahap piawaian Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Sari Tappura, Anna-Maria Teperi, Anna-Leena Kurki & Jouni Kivistö-Rahnasto, 2018). Ini selari dengan teras di dalam bidang pembangunan sumber manusia iaitu pembudayaan budaya kerja yang unggul bermula daripada persekitaran kerja yang selamat (Mohd Nazri Hashim & Fadzli Shah Abd Aziz, 2018). Sistem pengurusan keselamatan di sekolah telah dipraktikkan di dalam beberapa negara maju. Amerika Syarikat telah mempelopori dunia dalam sistem keselamatan di sekolah (Alolah, Stewart, Panuwatwanich, & Mohamed, 2014). Telah terbukti bahawa daripada perlaksanaan sistem sekolah selamat itu, paras kemalangan dan kecederaan di setiap sekolah dapat dikurangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kajian terdahulu, amalan keselamatan dan kesihatan sangat dipengaruhi oleh faktor-faktor yang dinyatakan iaitu tahap pekerjaan, pangkat, penglibatan, jawatankuasa, pengetahuan melalui latihan, sikap individu, faktor peralatan, polisi, prosedur, persekitaran dan penyeliaan. Justeru itu, berdasarkan hubungan tahap kesedaran dengan faktor-faktor di atas, dilihat mampu menjelaskan konsep kesedaran dengan melihat faktor yang paling dominan mempengaruhi amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

2.4.3 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994)

Pada 24 Februari 1994 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) telah dikuatkuasakan dan menggariskan panduan asas bagi menguruskan isu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keselamatan dan kesihatan pekerja. Bertujuan untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja terhadap risiko keselamatan dan kesihatan yang berbangkit daripada aktiviti pekerjaan yang dilakukan oleh mereka. Akta ini juga bertujuan untuk melindungi pekerja, menggalakkan suatu persekitaran pekerjaan yang selesa untuk pekerja yang bersesuaian dengan keperluan fisiologi dan psikologi mereka. Ia juga berperanan untuk mengekalkan atau memperbaiki piawaian keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Disamping itu, akta ini juga bermatlamat untuk memberi rangka peraturan untuk mempromosi, mendorong dan menggalakkan piawaian yang tinggi bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan bertujuan untuk memastikan semua pihak khususnya majikan dan pekerja supaya lebih bertanggungjawab dalam mewujudkan satu suasana kerja yang selamat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akta Keselamatan dan Kesihatan 1994 juga telah memperuntukkan kewajipan am majikan, pengilang, pekerja sendiri, perekabentuk, pengimport dan pembekal. Terdapat juga peruntukan perlantikan pegawai-pegawai keselamatan, penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa keselamatan, pembentukan polisi dan penyusunan langkah-langkah untuk keselamatan untuk melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja, penguatkuasaan dan penyiasat serta liabiliti kesalahan. Aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan merupakan suatu pendekatan yang mengkaji hubungan antara pekerjaan, kesihatan dan keselamatan serta kesan sesuatu pekerjaan terhadap pekerja. Aktiviti ini menyediakan maklumat mengenai tanggungjawab pekerja dan pengurus dalam membangunkan persekitaran yang selamat. Matlamat aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan ialah untuk memastikan pengurus memikul tanggungjawab secara aktif dalam mengurus keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ia juga membantu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengurus untuk membangunkan sistem keselamatan yang selari dengan matlamat organisasi yang ditetapkan.

Selain kepada pihak orgainisasi, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1985 turut meminta bahawa Jabatan Pendidikan dan Latihan dan sekolah-sekolahnya menyediakan laporan sejauh mungkin persekitaran yang sihat dan selamat untuk semua kakitangan, pelajar dan orang lain yang mungkin berada di harta benda sekolah. Selain itu, Akta Peraturan dan Kod Amalan turut wujud antaranya adalah Peraturan Keselamatan dan Kesihatan (Jentera) 1995 iaitu undang-undang berkaitan dengan mesin yang mana menghendaki institusi menilai, menghapuskan, dan mengawal mesin yang berisiko berlaku kemalangan. Seterusnya adalah Peraturan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (Kebisingan) 1992 yang meminta pihak institusi menilai pendedahan pelajar dan kakitangan terhadap bunyi bising dan mengambil langkah-langkah untuk mengawal kebisingan untuk meminimumkan sebarang risiko kesihatan dan keselamatan.

Manakala dalam Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pengendalian Manual) 1999 pula menghendaki majikan menilai setiap tugas pengendalian manual yang mungkin berisiko dan melaksanakan prosedur kawalan untuk tugas yang dinilai sebagai risiko. Secara amnya pengendalian manual adalah dalam skop mengangkat beg berat, kotak, kadbod, atau aktiviti lain yang melibatkan usaha yang tinggi. Peraturan tersebut masih berlangsung selagi melibatkan aktiviti fizikal yang menggunakan kekuatan. Tambahan lagi, di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, hukuman berat boleh dikenakan apabila Jabatan Pendidikan &

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Latihan atau sekolah tidak dapat menunjukkan bahawa semua langkah wajar yang perlu diambil untuk memastikan keselamatan pelajar, kakitangan, dan pihak lain.

2.4.4 Perundangan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan

Dari sudut perundangan, terdapat dua badan utama di Malaysia yang bertanggungjawab dalam melaksanakan dasar KKP iaitu Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP/DOSH) dan juga Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH). JKKP ialah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia. JKKP merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk mengurus tadbir dan menjalankan penguatkuasaan undang-undang berkenaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Malaysia. Sebuah organisasi dengan wawasan untuk menjadi peneraju dalam pembentukan budaya kerja selamat dan sihat semasa bekerja serta bermatlamat untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat di dalam Malaysia (JKKP, 2017).

Adalah menjadi tanggungjawab Jabatan ini dalam memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja melalui dasarnya untuk melindungi orang lain daripada bahaya-bahaya keselamatan dan kesihatan yang berpunca daripada aktiviti pekerjaan pelbagai sektor iaitu:

i. Pengilangan
ii. Perlombongan dan Pengkuarian
iii. Pembinaan
iv. Hotel dan Restoran
v. Pertanian, Perhutanan dan Perikanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vi. Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi

vii. Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Berkanun

viii. Kemudahan - Gas, Elektrik, Air dan Perkhidmatan Kebersihan

ix. Kewangan, Insuran, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan

x. Perniagaan Borong dan Runcit

Manakala Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH) pula, adalah dalam kedudukan untuk membantu industri dalam mencapai matlamat ini. NIOSH sedang melengkapi usaha kerajaan dengan menyediakan latihan, perundingan dan perkhidmatan penyebaran maklumat kepada industri (NIOSH, 2017). Selain itu, NIOSH juga turut menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang akan membantu dalam pembangunan OSH di negara ini. Misi utamanya adalah untuk menjadi rakan kongsi industri ke arah pematuhan OSH secara total. NIOSH industri turut membantu ke arah pematuhan dari segi menyediakan perkhidmatan seperti penilaian risiko kesihatan kimia, perubatan dan pemantauan kesihatan. Di samping itu juga, NIOSH turut menyediakan perkhidmatan perundingan, nasihat dan cadangan kepada industri supaya menuju ke arah sistem yang selamat dan sihat di tempat kerja.

NIOSH turut bertanggungjawab untuk membangunkan tenaga kerja dan kepakaran mengenai bahaya baru dan semasa, isu-isu keselamatan dan kesihatan seperti tekanan di tempat kerja, masalah yang berkaitan dengan pengendalian manual, sakit belakang dan pengesanan, pemantauan dan kawalan pendedahan kimia yang menyebabkan kemalangan kerja. Dari segi pentadbiran dan pengurusan, NIOSH juga turut menawarkan perkhidmatan latihan kepada individu yang berkaitan dalam memahami keperluan perundangan Akta OSHA dan Akta Kilang dan Jentera seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dikehendaki di bawah Akta AKKP 1994. Termasuklah latihan bagi tenaga pengajar untuk kursus-kursus yang memerlukan orang yang kompeten untuk menjalankan tugas-tugas khusus. Badan ini juga turut menawarkan khidmat nasihat mengenai Keselamatan dan Sistem Pengurusan Kesihatan, membangunkan Manual Prosedur, Audit Keselamatan, Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko, Kecemasan atau Pengurusan Krisis dan sebagainya.

Kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan mula dikuatkuasakan melalui AKKP 1994 pada 25 Februari 1994 yang menggariskan panduan asas untuk menguruskan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan (Durrishah Idrus, Hamidah Ab. Rahman, Hapriza Ashari, Fadilah Zaini, Rossilah Jamil & Syaharizatul Noorizwan Muktar, 2004). Pewartaan AKKP 1994 ini telah mengubah amalan kerja dengan menitikberatkan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja (Ab. Aziz Yusof, 2000). Mengikut Durrishah et al. (2004), penguatkuasaan AKKP 1994 adalah bertujuan untuk memastikan semua pihak khususnya majikan dan pekerja lebih bertanggungjawab dalam mewujudkan suasana kerja yang selamat.

2.4.5 Kemalangan di Bengkel

Kemalangan dalam konteks kajian ini merujuk kepada peristiwa dan keadaan yang tidak dirancang, tidak dijangka berlaku dalam satu urutan kejadian atau melalui satu kombinasi penyebab-penyebab, mengganggu proses kerja berjalan dan menyebabkan kecederaan kepada individu yang berada dalam bengkel. Menurut Undang-undang Malaysia dalam Akta 514 (1994), kemalangan merupakan suatu kejadian yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berbangkit daripada atau berkait dengan kerja yang mengakibatkan kecederaan maut atau kecederaan tidak maut.

Kemalangan yang berlaku sebenarnya berpunca daripada individu itu sendiri. Dalam kajian Vasconcelos dan Junior (2015) menjelaskan bahawa kemalangan biasanya berpunca daripada kecuaian dan kelalaian diri sendiri semasa mengendalikan sesuatu teknologi (mesin). Sikap ambil mudah dan sambil lewa semasa melakukan kerja merupakan punca utama berlakunya kemalangan (Yoon et al., 2013). Manakala Wachter dan Yorio (2014) pula menyatakan bahawa kemalangan bukannya berlaku secara kebetulan tetapi mempunyai sebab-sebab tertentu. Tambahan lagi, kemalangan juga boleh berlaku dalam banyak keadaan, tempat, dan situasi (Haslam et al., 2015). Oleh itu, kemalangan adalah suatu situasi negatif yang juga dipengaruhi pelbagai faktor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara umumnya, setiap individu terdedah dengan kemalangan dalam pelbagai situasi begitu juga ketika berada dibengkel amali. Kemalangan di bengkel akan dapat dikurangkan jika setiap individu yang terlibat sedar tentang amalan keselamatan bukan hanya pada diri sendiri sahaja malahan juga keselamatan terhadap rakan-rakan yang lain (Rae & Provan, 2019). Salah satunya amalan keselamatan adalah bengkel mestilah dilengkapi dengan alat pemadam api dari jenis ABC dan Karbon dioksida (CO2) dan di tempatkan diseluruh kawasan. Alat pemadam api di senggara secara berkala (tahunan) agar ianya dapat digunakan dengan baik semasa berlaku kebakaran. Selain itu, bangunan bengkel juga hendaklah dilengkapi dengan sistem penggera kebakaran. Dalam usaha memberi pengetahuan dan kesedaran tentang kepentingan keselamatan kepada pelajar dan guru beberapa taklimat dan kursus diadakan seperti kursus asas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keselamatan semasa kebakaran, kursus asas keselamatan bengkel dan ceramah kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerja.

2.5 Teori Kajian

Perbincangan di bahagian ini difokuskan kepada teori yang berkaitan dengan kajian ini iaitu Teori Heinrich (1930), Teori Domino Heinrich (1930) dan Model KSA oleh De Bruijn (2009).

2.5.1 Teori Heinrich

Di antara perintis awal bagi kajian keselamatan dan kesihatan pekerjaan di industri adalah Herbert W. Heinrich. Beliau merupakan seorang Penolong Penguasa di Bahagian Kejuruteraan dan Pemeriksaan bagi syarikat Travelers Insurance Company (wikipedia, 2019). Sekitar akhir 1920-an selepas Heinrich mengkaji lebih daripada 70,000 laporan yang berkaitan di industri, beliau mendapati:

i. Sebanyak 88 peratus daripada trajedi yang berlaku dicetuskan oleh sikap dan tingkahlaku yang kurang selamat daripada pekerja di industri itu sendiri.
ii. 10 peratus daripada kemalangan industri adalah berpunca daripada persekitaran kerja yang kurang selamat.
iii. hanya 2 peratus daripada kemalangan industri berpunca daripada situasi yang tak dapat dielakkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian Heinrich telah dijadikan sebagai tunjang atau axioms kepada akta keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor industri. Pada peringkat awal, ianya dikenali dengan teori sebab dan penyebab kemalangan. Kemudiannya, ia telah dikenal pasti sebagai teori domino. Begitu banyak teori awal oleh Heinrich yang dipermudahkan oleh penyelidik yang lebih moden pada masa kini. Kajian awal yang telah dijalankan oleh Heinrich dianggap sudah ketinggalan zaman. Walau bagaimanapun, terdapat pembuktian bahawa sesetengah teori yang telah diterima pakai secara meluas, dapat dikesan kembali kepada teori Heinrich sebagai tunjangnya. Goetch (1996), berpendapat bahawa para penyelidik untuk segmen keselamatan dan kesihatan pekerjaan seharusnya akrab dengan penyelidikan yang telah dijalankan oleh Heinrich ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tunjang Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Heinrich's Axioms)

Heinriech (1931) di dalam kajiannya berpendapat bahawa semasa di tempat kerja, pihak pengurusan yang bertanggungjawab untuk menguruskan keselamatan dan kesihatan pekerjaan perlulah peka terhadap ciri-ciri kemalangan di industri. Beliau menyenaraikan sebanyak 10 pernyataan tunjang utama yang dikenali sebagai *Heinrich's Axioms*.

i. Terjadinya sesuatu kecederaan adalah disebabkan oleh faktor yang berangkai. Salah satunya adalah kemalangan itu sendiri.

ii. Kemalangan hanya boleh berlaku akibat daripada perbuatan yang tidak selamat oleh seseorang mahupun juga bahaya secara fizikal atau mekanikal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Kebanyakkan kemalangan adalah disebabkan oleh sikap tidak mengamalkan ciri-ciri keselamatan daripada pekerja itu sendiri.

iv. Sikap tidak mengamalkan ciri-ciri keselamatan daripada pekerja tidak selalunya akan mengakibatkan kemalangan atau kecederaan secara serta merta.

v. Alasan-alasan perkerja yang tidak mengamalkan ciri-ciri keselamatan boleh dijadikan panduan yang baik dalam menentukan langkah penambahbaikan seterusnya.

vi. Tahap keparahan sesuatu kecederaan itu sebahagian besarnya adalah secara kebetulan. Manakala sebahagian besar faktor yang menyebabkannya pula adalah dapat dicegah terlebih dahulu.

vii. Kaedah mencegah kemalangan yang berkesan adalah selaras dengan kaedah untuk peningkatan kualiti dan produktiviti.

viii. Pelaksanaan setiap etika keselamatan harus digalas dengan penuh tanggungjawab dan komited oleh pengurusan kerana impaknya seringkali akan menguntungkan organisasi.

ix. Hiraki sebagai individu utama dalam mencegah kemalangan industri bermula daripada penyelia itu sendiri.

x. Terdapat juga kos langsung atau kos yang tidak langsung sebagai tambahan kepada kos kemalangan yang berlaku seperti pampasan kemalangan, tuntutan liabiliti, kos perubatan dan perbelanjaan hospital.

2.5.2 Teori Domino

Teori Domino Heinrich menyatakan bahawa kemalangan berpunca daripada rangkaian peristiwa berurutan, secara metafora seperti garisan domino yang jatuh. Apabila salah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

satu domino jatuh, ia mencetuskan yang seterusnya, dan yang seterusnya... - tetapi mengalih keluar faktor utama (seperti keadaan tidak selamat atau tindakan tidak selamat) menghalang permulaan tindak balas berantai.

i. Apakah Syarat dan Perbuatan Tidak Selamat?

Menurut Heinrich, semua insiden secara langsung berkaitan dengan keadaan dan perbuatan yang tidak selamat, yang ditakrifkannya sebagai prestasi orang yang tidak selamat, seperti berdiri di bawah beban yang digantung, permainan kuda, dan penyingkiran perlindungan; dan bahaya mekanikal atau fizikal seperti gear yang tidak dikawal dan cahaya yang tidak mencukupi. Ini telah diterangkan secara terperinci dalam tingkah laku manusia dan kesilapan dalam Modul 7.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Domino

Heinrich mengemukakan lima domino metafora yang dilabelkan dengan punca kemalangan. Ia adalah Persekitaran Sosial dan Keturunan, Kesalahan Orang, Perbuatan Tidak Selamat atau Bahaya Mekanikal atau Fizikal (keadaan tidak selamat), Kemalangan dan Kecederaan. Heinrich mentakrifkan setiap domino ini secara eksplisit, dan memberi nasihat tentang meminimumkan atau menghapuskan kehadiran mereka dalam jujukan.

a. Persekitaran sosial dan Keturunan:

Domino pertama dalam urutan ini berkaitan dengan personaliti pekerja. Heinrich menjelaskan bahawa ciri-ciri keperibadian yang tidak diingini, seperti degil, tamak, dan cuai boleh diturunkan melalui warisan atau berkembang daripada persekitaran sosial seseorang, dan kedua-dua warisan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan persekitaran (yang biasanya kita rujuk sekarang sebagai sifat dan asuhan) menyumbang kepada Kesalahan Orang.

b. Kesalahan Orang

Domino kedua juga berkaitan dengan ciri personaliti pekerja. Heinrich menjelaskan bahawa kecacatan watak yang lahir atau diperolehi seperti perangai buruk, tidak bertimbang rasa, kejahilan, dan melulu menyumbang sekaligus menyebabkan kemalangan. Menurut Heinrich, kecacatan semula jadi atau persekitaran dalam keluarga atau kehidupan pekerja menyebabkan kecacatan peribadi sekunder ini, yang merupakan penyumbang kepada Tindakan Tidak Selamat, atau dan kewujudan Keadaan Tidak Selamat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Perbuatan tidak selamat dan/atau Keadaan Tidak Selamat

Domino ketiga berkaitan dengan punca langsung insiden Heinrich. Seperti yang dinyatakan di atas, Heinrich mentakrifkan faktor ini sebagai perkara seperti memulakan jentera tanpa amaran dan ketiadaan pengawal rel. Heinrich merasakan bahawa tindakan tidak selamat dan keadaan tidak selamat adalah faktor utama dalam mencegah insiden, dan faktor penyebab paling mudah untuk diperbaiki, satu proses yang dia umpamakan sebagai mengangkat salah satu domino keluar dari garisan. Faktor gabungan ini (1, 2, dan 3) menyebabkan kemalangan.

Heinrich mentakrifkan empat sebab mengapa orang melakukan perbuatan tidak selamat sikap tidak wajar, kekurangan pengetahuan atau kemahiran, ketidaksesuaian fizikal dan persekitaran mekanikal atau fizikal yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidak betul. Dia kemudiannya meneruskan untuk membahagikan kategori ini kepada punca langsung dan dasar. Sebagai contoh, katanya, pekerja yang melakukan perbuatan tidak selamat boleh berbuat demikian kerana dia tidak yakin bahawa langkah pencegahan yang sesuai adalah perlu, dan kerana penyeliaan yang tidak mencukupi. Yang pertama diklasifikasikan sebagai punca langsung, yang kedua sebagai punca asas. Gabungan pelbagai punca ini, katanya, mewujudkan rantaian kejadian yang sistematik yang membawa kepada kemalangan.

d. Kemalangan:

Heinrich berkata, "Kejadian kecederaan yang boleh dielakkan adalah kemuncak semula jadi daripada satu siri peristiwa atau keadaan yang selalu berlaku dalam susunan yang tetap dan logik." Beliau mentakrifkan kemalangan sebagai, peristiwa seperti jatuh orang, hentakan orang dengan objek terbang adalah kemalangan biasa yang menyebabkan kecederaan.

e. Kecederaan:

Kecederaan akibat kemalangan, dan beberapa jenis kecederaan yang Heinrich nyatakan dalam Penjelasan Faktornya ialah luka dan patah tulang. Untuk bersikap adil kepada Heinrich, dia menegaskan bahawa tanggungjawab terletak pertama sekali pada majikan. Heinrich menyatakan bahawa pengurus yang benar-benar mementingkan keselamatan akan memastikan mandor dan pekerjanya melakukan seperti yang mereka suruh, dan menjalankan hak prerogatifnya dan mendapatkan pematuhan ikuti dan lihat keadaan tidak selamat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dihapuskan. Ubat Heinrich untuk ketidakpatuhan tersebut ialah penyeliaan yang ketat, latihan pemulihan, dan disiplin.

Menurut Heinrich (1930) lagi, terdapat lima faktor yang ada di dalam urutan peristiwa dalam menuju ke arah terjadinya kemalangan di tempat kerja.

i. Salasilah keturunan dan persekitaran sosial. Ciri-ciri karakter negatif seperti perilaku enggan menurut arahan dapat diwariskan melalui keturunan, atau terhasil daripada pengaruh persekitaran sosial.

ii. Kesalahan manusia. Ciri-ciri karekter negatif, sama ada yang diwariskan atau diperoleh melalui pengaruh persekitaran, adalah penyebab mengapa seseorang individu berperilaku tidak selamat yang mencetuskan keadaan berbahaya.


iii. Tindakan yang tidak selamat / bahaya mekanikal atau fizikal. Tindakan tidak selamat yang dilakukan oleh manusia dan bahaya mekanikal mahupun fizikal adalah punca berlakunya kemalangan.

iv. Kemalangan. Pekerja yang jatuh atau objek bergerak mengenai pekerja antara punca mula berlakunya.

v. Kecederaan. Kecederaan biasa disebabkan oleh kemalangan termasuk luka dan patah tulang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.1. Teori Domino Andrew McGiffert - "An Incident Analysis Tool"

Teori Heinrich turut merumuskan bahawa terdapat dua perkara utama terjadinya kemalangan iaitu:

i. Kecederaan disebabkan oleh tindakan faktor terdahulu

ii. Penyingkiran faktor pusat (tindakan yang tidak selamat / keadaan berbahaya) menafikan tindakan faktor-faktor terdahulu dan dengan demikian ianya dapat menghalang daripada berlakunya kemalangan dan kecederaan.

Tambah beliau, tunjang-tunjang ini turut mencakupi bidang kuasa dan penglibatan pihak pengurusan. Ianya harus difahami dengan jelas oleh pihak pengurusan dalam mencegah kemalangan. Setiap program yang menggunakan kesemua sepuluh tunjang ini, akan lebih efektif dalam mencegah kemalangan daripada program yang mengecualikan salah satu atau lebih daripada sepuluh tunjang ini.

Kajian Mohd Nasir Selamat & Mukhiffun Mukapit (2018) juga mendapati bahawa pekerja yang terdedah kepada kemalangan mahu pun kecederaan dilingkungi oleh pelbagai faktor lain yang turut menjadi penyebab utama berlakunya kemalangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antaranya ialah faktor kemanusiaan, persekitaran tempat kerja, peralatan dan kelengkapan untuk bekerja. Oleh yang demikian, kecekapan organisasi dalam mengendalikan faktor domino sangat mempengaruhi daripada berlakunya kemalangan dan kecederaan (Jia Wern, M. K., & Mohd Nasir Selamat, 2019).

2.6 Kajian Lepas

Beberapa kajian lepas dihuraikan penyelidik mengikut bahagian yang telah ditetapkan.

2.6.1 Faktor-faktor yang mempengaruhi amalan pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Nurul Ainun Hamzah dan Tengku Mohammad Ariff (2009) ke atas Pengetua sekolah rendah di Kota Bharu untuk mengetahui tahap amalan keselamatan dan kesihatan di sekolah mendapati, pengetahuan mengenai Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 adalah sangat rendah. Melalui hasil kajian tersebut berdasarkan temuramah yang telah dibuat dengan pengetua sekolah rendah hanya 7.7 peratus sahaja pengetua mempunyai pengetahuan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan selebihnya sebanyak 92.3peratus yang ditemuramah tidak mempunyai pengetahuan tentang Akta tersebut. Pengetahuan mengenai AKKP 1994 yang diperolehi oleh pengetua sekolah tersebut adalah melalui media massa seperti televisyen, radio dan surat khabar serta kempen- kempen keselamatan dan kesihatan berbanding mendapat pengetahuan tersebut secaraspesifik melalui latihan dan kursus keselamatan dan kesihatan yang dianjurkan oleh badan-badan yang bertanggungjawab menyediakan latihan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Hasil daripada kajian tersebut juga mendapati sekolah juga tidak dibekalkandengan AKKP 1994, hanya 14 peratus sahaja pengetua sekolah dibekalkan dengan Akta tersebut.

Kesannya, pelbagai perdebatan telah timbul dan masing-masing menuding jari mengenai keadaan keselamatan, kesihatan dan disiplin yang melibatkan pelbagai pihak. Pelbagai usaha telah diambil oleh semua pihak untuk menangani masalah tersebut. Tetapi masalah tersebut masih tidak dapat diselesaikan dengan cara yang baik kerana pelbagai kes telah timbul seperti kajian yang telah dibuat oleh Abd. Wahid Mukhari &Yeow, S.T., (2010) ke atas keprihatinan dan kefahaman tenaga pengajar terhadap keselamatan bengkel kemahiran hidup di sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Kulai,Johor. Hasil daripada kajian tersebut sebilangan kecil tenaga pengajar tidak pasti mengenai pendedahan keselamatan kesihatan pekerjaan kepada pelajar dan daripada kajian tersebut juga mendapati tenaga pengajar tidak mempunyai kesedaran mengenai peralatan yang rosak dan tidak mengetahui potensi bahaya yang wujud jika tidak meyelenggarakan peralatan tersebut dengan baik.

Berdasarkan kajian-kajian lepas di atas membuktikan sebilangan besar tenaga pengajar dan pengetua kurang kesedaran mengenai amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Oleh itu, untuk meningkatkan kesedaran dan amalan keselamatankesihatan pekerjaan tenaga pengajar dan pengetua di sekolah-sekolah, faktor-faktor yang mempengaruhinya perlu diketahui terlebih dulu. .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Ramlan Zainal Abidin (1997), antara faktor yang mempengaruhi amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan ialah individu, persekitaran, penyeliaan dan program latihan. Dapatan kajiannya menunjukkan pekerja yang lebih kerap menerima informasi dan peraturan yang disebarkan akan lebih cepat menunjukkan kesanpositif terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Risiko berlakunya kemalangan di tempat kerja juga adalah lebih tinggi kepada individu kurang mendapat pendedahan mengenai keselamatan di tempat kerja. Selain itu, antara faktor yang lain ialah memperkenalkan AKKP 1994. Terdapat tiga tujuan akta tersebut diperkenalkan. Pertama, untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja terhadap risiko kepada keselamatan atau kesihatan yang berbangkit daripada aktiviti pekerjaan yang sedang berlangsung. Kedua, untuk melindungi orang-orang di tempat kerja selain daripada orang-orang yang sedang bekerja terhadap risiko keselamatan atau kesihatan yang berbangkit daripada aktiviti orang-orang yang sedang bekerja. Ketiga, untuk menggalakkan suatu persekitaran pekerjaan bagi orang- orang yang sedang bekerja yang disesuaikan dengan keperluan fisiologi dan psikologi mereka (Syaharuddin, S. 2016).

Di samping itu, Akta ini juga bermatlamat untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja terhadap risiko kepada keselamatan atau kesihatan yang berbangkit daripada aktiviti-aktiviti orang-orang yang sedang bekerja, melindungi orang-orang di tempat kerja selain daripada orang- orang sedang bekerja terhadap risiko kepada keselamatan atau kesihatan yang berbangkit daripada aktiviti-aktiviti orang-orang yang sedang bekerja serta menggalakkan suatu persekitaran pekerjaan bagi orang-orang yang sedang bekerja yang disesuaikan dengan keperluan fisiologi dan psikologi mereka (Roslena Che Juhan Negara, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan itu, Mahfuz Omar (2018) turut menegaskan bahawa JKKP juga sentiasa komited dalam membantu majikan untuk meningkatkan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan mengurangkan risiko kemalangan di tempat kerja. Ini kerana, jawatankuasa keselamatan dan kesihatan boleh mempengaruhi tahap amalan keselamatan dan kesihatan di kalangan pekerja. Seksyen 30(1) AKKP 1994 menyatakan setiap majikan hendaklah menubuhkan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Mengikut seksyen ini juga, fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah untuk mengkaji langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja, menyiasat dan membawa kepada perhatian majikan tentang apa-apa jua perkara pekerjaan yang dianggap oleh jawatankuasa keselamatan dan kesihatan adalah tidak selamat dan merbahaya kepada kesihatan pekerja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sekitar tahun 1994, JKKP telah menjalankan kajian untuk menyukat pengetahuan keselamatan dan kesihatan berpandukan Akta Kilang dan Jentera 1967 dan AKKP 1994. Kajian dijalankan ke atas 42 tapak pembinaan di Johor. Hasil kajian menunjukkan bahawa 55% berada pada tahap yang memuaskan. Kajian juga mendapatiperanan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan sangat diperlukan untuk mewujudkankeperihatinan pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di dalam organisasi. Ini kerana jawatankuasa bertanggungjawab membuat kajian terhadap keselamatan dan kesihatan di kalangan para pekerja.

Majikan juga bertanggungjawab meningkatkan kesedaran dengan memberi latihan kepada setiap pekerja. Ini kerana latihan dapat memberi pengetahuan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekaligus meningkatkan kesedaran pekerja terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (Davis & Tomasin, 1990). Menurut Mac Collum (1995), pekerja harus melibatkan diri dalam aktiviti yang berhubungkait dengan pematuhan kepada akta keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk peningkatan kesedaran pada amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Hinze (1997) pula berpendapat apabila semua individu melibatkan diri dalam latihan yang dijalankan, maka akan wujud beberapa kebaikan yang signifikan. Antaranya ialah faktor kualiti kerja yang semakin meningkat apabila wujudnya kesedaran keselamatan dan kesihatan. Kempen dari semasa ke semasa yang di sertai dengan latihan di dapati amat membantu dalam mempromosikan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang baik. Kesedaran yang mendalam dikalangan pekerja mengenai kepentingan untuk bekerja dalam situasi yang selamat dan kondusif amat membantu agar organisasi terus maju.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kriteria berikut merupakan landasan bagi sesuatu pelan latihan untuk berjaya. Pertamanya, perlu dimandatorikan latihan kepada semua peringkat. Kedua, mengenalpasti risiko yang wujud dan juga risiko yang bakal dihadapi dalam situasi pekerjaan dapat membekalkan pengetahuan yang penting kepada pekerja. Ketiga, program-program yang dilaksanakan perlu dikawal selia dengan teliti bagi memastikan objektif yang telah ditetapkan tercapai. Keempat, perlunya mewujudkan suatu rekod menegenai kemalangan yang telah berlaku (Ab. Aziz Yusof & Intan Osman, 2002).

Selain itu kajian yang dilakukan oleh Fernandez (2007) mendapati komitmen majikan mempunyai pengaruh secara langsung di kalangan para pekerja. Secara signifikannya ianya dapat membina budaya dalam mengamalkan amalan keselamatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan kesihatan pekerjaan. Menurut beliau lagi, majikan yang selalu mengambil berat keadaan tempat kerja dan melibatkan diri dalam aktiviti keselamatan dapat mengurangkan kemalangan yang berlaku di dalam sebuah organisasi. Ini kerana komitmen yang diberikan oleh majikan akan mempengaruhi sikap pekerja. Para pekerja lebih cenderung bersikap positif terhadap keselamatan dan kesihatan serta kurang melakukan sesuatu yang tidak selamat dan lebih memberikan cadangan yang bernas dan pandangan yang berguna untuk meningkatkan keadaan tempat kerja yang selamat. Menurut Koh (1995) komitmen majikan sebagai penyumbang berpotensi terhadap konsep budaya keselamatan. Ini kerana penyertaan majikan merupakan satu pengaruh terhadap amalan keselamatan dan kesihatan di kalangan pekerja (Fernandez, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh kerana itu, untuk mengelakkan daripada berlakunya kemalangan, kriteria utama yang perlu dititik beratkan adalah amalan pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Berkemungkinan tinggi kes-kes kemalangan dan kecederaan pekerjaan akan terus meningkat jika perkara ini terus diketepikan. Impak utama kepada keutamaan kriteria ini adalah organisasi dapat mengurangkan perbelanjaan luar jangka seperti tuntutan kemalangan pekerja mahu pun juga kos-kos yang melibatkan gantian peralatan yang berpunca daripada kemalangan semasa bekerja. Justeru itu, kriteria-kriteria yang berpengaruh terhadap kesedaran pekerja adalah amat perlu bagi melahirkan satu suasana kerja yang selamat. Namun, dalam kajian ini hanya mengkaji faktor sikap dan penglibatan pekerja yang mempengaruhi amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.2 Faktor sikap dan hubungannya dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan

Sikap pekerja adalah perkara yang amat sukar untuk diubah oleh pihak pengurusan dan kebanyakan ahli sosiologi mendefinisikan sikap sebagai tabiat seseorang (Nurul Huda Hussain, 2009). Menurut Brien (1999), tabiat merupakan suatu tingkah laku tanpa sedar oleh minda yang dilaksanakan secara berulangkali. Menurut Morel (2000) pula, terdapat lima langkah untuk membuang sikap buruk yang tidak diingini dalam kalangan pekerja iaitu dengan menggantikan tingkah laku yang tidak diingini dengan sikap yang baharu, mengulangi sikap baharu tersebut sehingga menjadi tabiat yang menyenangkan, mengasingkan pekerja dengan rangsangan untuk melakukan sikap buruk tersebut, *'habituation'* dan memberi hukuman kepada pekerja yang melakukan sikap yang tidak diingini. Menurut Ahmad Murshidy Jamil (2010), sikap merujuk kepada persepsi inidvidu berhubung pendedahan kepada aspek penilaian individu terhadap prosedur keselamatan, komitmen dan sikap bagi mengukur tahap kesedaran keselamatan pekerjaan di tempat kerja.

Haynes et al. (2011) berpendapat bahawa sikap turut memberi kesan terhadap tindakan dan respon seseorang. Manakala Gharibi et al. (2016) dan Stranks 2007) turut berpendapat iaitu perakuan tidak selamat adalah keadaan yang timbul akibat daripada bersikap negatif, kekurangan pengetahuan serta kemahiran beserta kawasan tempat kerja yang kurang kondusif. Sikap turut dirujuk kepada kepercayaan, pandangan bebas, emosi dan nilai yang berkait dengan dasar, peraturan dan amalan keselamatan termasuk komitmen yang menuntut rasa tanggungjawab seseorang terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (Neal & Griffin 2004). Kebiasaannya, individu yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cenderung untuk terlibat dalam kemalangan semasa bekerja akan menunjukkan sikap yang negatif terlebih dahulu (Rundmo & Hale 2003).

Menurut Sean, Nick dan Sandy (1998), secara teorinya pekerja selalunya mengambil mudah terhadap keselamatan di tempat kerja dan ini menyebabkan berlakunya kemalangan yang tinggi dalam sesebuah organisasi. Akibatnya pihak pengurusan akan menuding jari kepada kesalahan pekerja tersebut tanpa menyelidik terlebih dahulu punca kemalangan tersebut berlaku. Oleh itu, perkara pertama yang perlu diberi perhatian oleh pengurus apabila mengambil pekerja adalah pengetahuan pekerja dalam bidang yang ditugaskan dan bagaimana sikap pekerja tersebut terhadap keselamatan di tempat kerja (Morel, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sikap dan tingkah laku pihak atasan juga akan mempengaruhi sikap dan tingkahlaku pekerja bawahannya. Oleh yang demikian sikap pihak atasan yang positif adalah perlu apabila terdapat undang-undang dan peraturan baru yang ingin diimplementasikan dalam organisasi tersebut. Ini kerana sikap positif dari pihak atasan menyebabkan pekerja bawahan akan menunjukkan sikap positif dan memberi komitmen yang sepenuhnya untuk melaksanakan undang-undang dan peraturan baru tersebut (Rundmo & Hale, 2003). Norfatiha Mohd Mazlan (2017) menyatakan bahawa punca kemalangan berlaku adalah sikap kelalaian pekerja. Sikap lalai tersebut perlu dihapuskan dengan cara menggandakan pengetahuan pekerja mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Kajian yang dibuat oleh Herber (1995) menyatakan, antara punca yang mengakibatkan kemalangan adalah kesalahan melaksanakan peraturan yang bermula dengan kurangnya disiplin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerja seperti cuai, degil dan sentiasa sambil lewa semasa menjalankan tugas. Beliau mendapati dengan adanya peningkatan pengetahuan terhadap amalan keselamatan dan kesihatanpekerjaan akan menghapuskan sebarang risiko kemalangan.

Selain itu kajian yang dibuat oleh Bell & Grushecky (2006) kecederaan yang berlaku di tempat kerja adalah disebabkan budaya kerja yang tidak selamat. Semua amalan kerja tidak selamat boleh dikawal dengan memberi fokus kepada kelakuan pekerja dengan cara meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Satu konsep yang boleh digunakan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah dengan membangunkan budaya kerja yang selamat. Budaya kerja selamat ini akan menerangkan sikap yang diingini bagi mewujudkan amalan keselamatan dalam organisasi (Choudhry, Fang & Lingard, 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan pandangan Norfatiha Mohd. Mazlan (2017), Bell dan Grushecky (2006) serta Herbert (1995), terdapat hubungan antara sikap dengan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Oleh yang demikian kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan yang signifikan antara sikap dan penglibatan tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.

2.6.3 Faktor penglibatan dan hubungannya dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Terdapat *rule of management* yang telah dikemukakan Goetsch (1999) iaitu "*if you want make the commitment, involve them from the start"*. Penyataan ini boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diaplikasikan oleh setiap organisasi dalam melaksanakan program keselamatan dan kesihatan. Ini kerana menurut Goetsch (1999) program keselamatan dan kesihatan yang efektif adalah apabila pekerja melibatkan diri dalam program tersebut dan menjadikan program tersebut sebagai milikan bersama. Program keselamatan dan kesihatan tidak akan berjaya tanpa penglibatan aktif dari semua pihak dalam organisasi tersebut. Penglibatan pekerja adalah penting dalam program keselamatan dan kesihatanini kerana mereka adalah tulang belakang syarikat serta mengetahui operasi syarikat dengan lebih baik.

Ini kerana segala aktiviti syarikat akan mempengaruhi aktiviti harian pekerja tersebut (Nurul Huda Hussain, 2009). Bagi mengekalkan program keselamatan dan kesihatan yang sedia ada dalam organisasi bukan sahaja memerlukan penglibatan dari majikan tetapi pekerja juga perlu melibatkan diri bagi memastikan tiada kemalangan dan kecederaan berlaku. Tanpa tanggungjawab kedua-dua pihak dalam memastikan tempat kerja yang selamat ia tidak akan mendatangkan sebarang perubahan walaupun kerajaan telah menyediakan pelbagai peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja (Morel, 2000).

Selain itu, terdapat juga kajian yang dijalankan oleh Peterson (2000) di mana beliau telah mengkaji dari segi aspek keselamatan di tempat kerja dan penglibatan pihak pengurusan dalam melaksanakannya. Sebanyak 56 buah syarikat dianalisis mengenai tahap kesedaran keselamatan mereka. Suatu tinjauan persepsi dijalankan terhadap pihak pengurus pertengahan dan atasan serta pekerja-pekerja bawahan mengenai penglibatan mereka berkenaan keselamatan di tempat kerja. Hasil kajian mendapati pihak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengurusan menunjukkan sikap sokongan dan kemampuan mentadbir urus aktiviti dengan baik. Sokongan dan kemampuan mentadbir urus ini diterjemahkan melalui pemusatan aktiviti audit keselamatan, program pengukuhan motivasi dan kepekaan terhadap keselamatan di tempat kerja.

Penglibatan yang aktif di kalangan pekerja dalam aktiviti keselamatan dan kesihatan akan berjaya untuk membentuk sebuah jawatankuasa keselamatan dengan ahlinya yang terdiri daripada semua wakil jabatan. Ini adalah selaras dengan laporan Flynn (1994), yang mendapati program keselamatan pekerja yang bertajuk *Company Strives for Yawn-Safety Awareness* di St. Supery Winery mendapati bahawa. dengan menggunakan cara yang kreatif untuk memupuk kesedaran keselamatan, pekerja akan lebih tertarik untuk bersama menjayakan program yang dijalankan. Jawatankuasa perlu memahami bahawa mengamalkan keselamatan secara total di tempat kerja bukanlah suatu perkara yang menarik dan menyeronokkan. Justeru, syarikat ini cuba mempelbagaikan teknik penyampaian bagi memastikan semua pihak melibatkan diri.

Mengikut Vredenburgh (2002) pula, penglibatan pekerja adalah satu teknik tingkah laku berorientasikan penglibatan individu dan kumpulan dalam aliran komunikasi untuk membuat keputusan yang berkaitan dengan organisasi. Komponen utama dalam kejayaan sesuatu program keselamatan adalah penglibatan komuniti keselamatan dan kesihatan di mana ahlinya adalah terdiri daripada pekerja, wakil majikan dan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan yang bersama-sama membangunkan program keselamatan. Di samping itu, pihak yang melaksanakan program tersebut perlu memastikan wujudnya strategi yang baik bagi melibatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semua pekerja ke dalam program keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang akan dilaksanakan.

2.6.4 Faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Istilah budaya keselamatan adalah konstruk yang digunakan untuk menjelaskan bagaimana persekitaran sosial di dalam sesuatu organisasi dengan secara langsung akan mempengaruhi amalan pencegahan kemalangan organisasi yang boleh membawa kepada kecederaan peribadi mahu pun kepada satu bencana (Antonsen, 2017). Budaya keselamatan yang jelas akan lebih mudah untuk menjadi amalan pekerjaan. Menurut Cooper, Collins, Bernard, Schwann dan Knox (2019) pembinaan budaya keselamatan adalah bertujuan untuk mengurangkan kemalangan di tempat kerja. Secara khusus, ianya bertujuan untuk meningkatkan tahapkecekapan organisasi dari sudut keselamatan dan kesihatan pekerjaan melalui kaedah penencegahan kekerapan kemalangan kecil sebelum ianya bertukar kepada bencana besar seperti di Chernobyl, Bhopal, Piper Alpha, Texas City dan Deepwater Horizon.

Justeru, usaha untuk membangunkan ciri-ciri pengukuran budaya keselamatan yang disahkan dan juga yang dapat menghubungkan ciri-ciri budaya persekitaran kerja dengan prestasi keselamatan yang tegas perlu diusahakan oleh para penyelidik. Sehubungan itu di dalam kajian ini, perlu dikenalpasti faktor paling dominan antara sikap atau penglibatan yang lebih mempengaruhi amalan keselamatan dan kesihatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pekerjaan agar ianya dapat menghubungkan ciri-ciri budaya persekitaran pekerjaan di Kolej Vokasional dengan piawaian keselamatan yang tegas.

2.7 Rumusan

Sebagai rumusan bab kajian literatur, bab ini mengulas tentang Kolej Vokasional serta teori yang telah digunakan untuk merangka proses penyelidikan ini. Selain itu, kajian ini turut menerangkan konstruk yang dijangka akan ada dalam hasil kajian ini bagi amalan keselamatan bengkel. Ulasan literatur ini juga membawa kepada penentuan konsep dan gambaran kepada dapatan persoalan kajian yang merangkumi pelbagai hasil dapatan daripada kajian-kajian lepas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pendahuluan

Metodologi penyelidikan merupakan satu pendekatan yang terbuka luas untuk penyelidikan secara saintifik bagi menentukan bagaimana persoalan sesuatu kajian diselesaikan. Ini termasuk pertimbangan pandangan secara keseluruhannya, pilihan umum untuk rekabentuk, pemilihan sampel yang tepat dan logik, pengumpulan data dan strategi analisis, garis panduan untuk membuat kesimpulan dan kriteria untuk menilai dan meningkatkan kualiti (Teddlie & Tashakkori, 2009). Ini adalah elemen utama yang perlu dipertimbangkan ketika merancang metodologi penyelidikan. Menerusi bab ini metodologi kajian akan dijelaskan meliputi rekabentuk kajian dan kaedah kutipan data yang digunakan, saiz persampelan, struktur soalan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebolehpercayaan soal selidik dan teknik yang akan digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi.

3.2 Model Metodologi Kajian

Metodologi kajian lapisan bawang (research onion method) telah digunakan sebagai model kajian. Seperti yang tertera di Rajah 3.1, model ini telah dibangunkan dan diubahsuai untuk menggambarkan bagaimana elemen-elemen penting ini saling berkaitan di anatara satu sama lain dalam metodologi penyelidikan. Model penyelidikan ini pada asalnya telah dibangunkan oleh Mark Saunders, Philip Lewis dan Adrian Thornhill di dalam buku *Research methods for business students*, dalam cetakan pertamanya pada tahun 1997.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.1. Metodologi kajian lapisan bawang (*research onion method*).

Rajah yang diubahsuai daripada Mohd Firdaus Mustaffa Kamal (2016).

Model ini menggambarkan tahap yang mesti dicakupi terlebih dahulu semasa kajian dibangunkan. Apabila dilihat dari luar, keperincian proses penyelidikan akan terserlah melalui setiap lapisan bawang yang ditunjukkan (Saunders et al., 2007). Model penyelidikan bawang ini boleh direkabentuk oleh penyelidik itu sendiri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Bryman, 2012). Perkara ini sekaligus akan menyediakan perkembangan yang efektif bagi kaedah penyelidikan yang dijalankan.

Menurut Fisher et al. (2000) pula, kaedah ini adalah berdasarkan kepada analogi bawang dan lapisannya. Lapisan luar mengandungi tiori dan falsafah asas kepada kajian ini sebagai panduan secara umum. Lapisan di sebelah dalamnya pula merupakan kepentingan kajian yang ingin dicapai melalui kaedah kajian yang digunakan. Akhirnya, teras adalah keperluan penting yang paling banyak untuk dipenuhi. Dalam memastikan kejayaan kajian, analisis ini perlu dijalankan terhadap setiap pihak dan orang yang terlibat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Reka Bentuk Kajian

Secara amnya, terdapat tiga jenis metodologi kajian yang sering digunakan oleh para penyelidik iaitu kaedah kualitatif, kaedah kuantitatif dan kaedah gabungan. Kajian kuantitatif merupakan satu kajian yang secara umumnya menggunakan analisis statistik, lebih bersifat objektif dan berorientasikan kepada hasil. Penyelidikan kuantitatif dikaitkan dengan data numerika dan ketepatan. Ia adalah berdasarkan inkuiri positivis di mana penyelidikan dilakukan melalui kaedah kajian tinjauan, penyelidikan korelasi, penyelidikan perbandingan penyebab dan penyelidikan eksperimen. (Noraini Idris, 2010). Melalui penyelidikan kuantitatif, masalah kajian dinyatakan dalam bentuk hipotesis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Hua (2016), penyelidikan kualitatif merujuk kepada kajian yang dijalankan dan memerlukan pemerhatian yang teliti. Sebagai contohnya, motif seseorang penjenayah untuk melakukan kes-kes jenayah seperti merompak, merogol atau membunuh adalah sukar untuk difahami jika menggunakan kaedah kuantitatif (frekuensi, peratusan, sisihan piawai, dan sebagainya). Sebaliknya penelitian serupa sangat sesuai dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan data-data dipungut melalui kaedah temu bual atau pemerhatian mendalam (Chua, 2011). Kajian kualitatif tidak memerlukan bilangan responden yang banyak tetapi memperolehi maklumat yang berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil dalam satu kumpulan (Azizah Hamzah, 2010).

Kaedah gabungan atau mixed methods merujuk kepada metodologi kajian yang muncul dalam kajian bersistematik yang melibatkan data kuantitatif dan kualitatif melalui penyelidikan atau mahu mengekalkan program penyelidikan sedia ada (Mohamad Zahir Zainudin, Roziah Omar & Mohd Fauzi Kamarudin, 2016). Menurut Creswell dan Clark (2017), data yang diperolehi juga menggunakan data kuantitatif dan data kualitatif yang merupakan kombinasi kaedah, falsafah, dan haluan rekabentuk penyelidikan yang merangkumi:

i. Mengumpul dan analisis data kualitatif dan kuantitatif secara teliti dan menyakinkan.
ii. Menggabungkan atau menghubungkan dua jenis data secara serentak dengan cara menggabungkan secara berturutan atau menerapkan salah satu ke dalam yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Memberikan kepentingan kepada salah satu atau kedua bentuk data (berdasarkan kepada penekanan dalam penyelidikan).

iv. Menggunakan prosedur ini dalam satu kajian atau mengikut beberapa fasa.

v. Merangka prosedur mengikut pandangan falsafah atau pandangan teori.

vi. Menggabungkan prosedur ke dalam rekabentuk kajian yang spesifik yang akan memberi halatuju untuk melaksanakan kajian.

3.3.1 Rasional Kajian Kuantitatif

Kaedah kajian kuantitatif akan digunakan dalam kajian ini melalui reka bentuk kajian tinjauan. Pendekatan ini juga dipilih kerana menurut David Lim et. al (2010), kajian kuantitatif secara umumnya cuba mengukur secara kuantitatif hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar, di mana lazimnya alat-alat kajian seperti ujian pencapaian, inventori, dan soal selidik sepertimana yang digunakan oleh pengkaji. Data-data ini wajib diukur bagi membuktikan kebolehpercayaan dan dapat digunakan untuk menguji teori, membina fakta dan menyatakan kewujudan perhubungan antara variabel-variabel (Hua, 2016).

3.3.2 Kaedah Kajian Tinjauan

Noraini Kaprawi (2010), menyatakan bahawa kaedah tinjauan amat popular dalam penyelidikan sains sosial yang secara umumnya digunakan untuk mengetahui tentang sikap, kepercayaan, nilai, demografi, tingkah laku, pendapat, tabiat, keinginan, idea dan lain-lain maklumat berkaitan dengan sekumpulan orang. Kajian tinjauan juga sering

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

digunakan dalam pendidikan kerana maklumat yang tepat dapat diperoleh berkenaan kumpulan yang besar dengan menggunakan sampel yang kecil.

Kajian ini telah dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif secara tinjauan. Reka bentuk kajian kuantitatif membolehkan penyelidik meneroka maklumat dengan lebih terperinci di lapangan menerusi soal selidik yang dijalankan (Chua, 2006). Ini kerana penyelidikan kuantitatif merupakan kaedah yang menggunakan nilai berangka. Nilai yang diperoleh daripada pemerhatian responden untuk pengkaji mentafsirkan data dan menerangkan situasi yang boleh dilihat daripada pemerhatian (Taherdoost, 2022). Kaedah ini menggunakan kedua-dua pernyataan empirikal sebagai pernyataan deskriptif tentang pernyataan masalah dan juga kaedah yang digunakan. Ia juga menggunakan penilaian empirikal yang bertujuan untuk menentukan tahap mana sesuatu norma atau standard dipenuhi dalam dasar atau program tertentu. Data berangka yang dikumpul juga akan dianalisis menggunakan kaedah pengiraan matematik. Sekaligus akan dapat membuat kenyataan umum untuk sesuatu populasi kajian.

Antara teknik pemilihan sampel dalam kajian tinjauan ialah menerusi pensampelan kelompok, pensampelan sistematik, pensampelan berstrata dan pensampelan rawak mudah. Walau bagaimanapun, pemilihan sampel dalam kajian tinjauan adalah secara rawak daripada sesuatu populasi yang telah dikenal pasti sebelumnya (Gay & Airasian, 2000). Populasi dikaji secara mengukur data daripada sebahagian sampel yang ditetapkan berpandukan pendapat yang dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan (1970), Fraenkel dan Wallen (1993) dan, Marshall dan Rossman, (2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kedua-dua pendekatan penyelidikan kualitatif dan kuantitatif direka untuk menjelaskan dapatan data kajian. Namun, bahagian terakhir definisi yang menjadi perbezaannya apabila penyelidikan kuantitatif menggunakan statistik kaedah analisis matematik yang akan menghasilkan data yang lebih komprehensif (Taherdoost, 2020). Penyelidikan kuantitatif juga akan dapat menentukan fenomena tertentu dengan mengumpul data-data yang berangka untuk menangani soalan-soalan tertentu seperti berapa banyak dan berapa peratus di dalam pelbagai disiplin bidang yang berbeza termasuklah pendidikan, psikologi, fizik, biologi, sains semula jadi dan lain-lain lagi.

Selain itu, maklumat bukan berangka juga boleh dikumpulkan dalam bentuk berangka menggunakan instrumen yang direka khusus. Kaedah ini membolehkan pengumpulan data kuantitatif walaupun dari subjek yang mengenai hubungan dan sikap (Taherdoost, 2021). Dalam erti kata lain, kaedah kuantitatif adalah cara menentukan realiti sosial dan menggunakan soalan khusus untuk mencapai data berangka bagi mencapai objektif khusus sesuatu kajian (Sukamolson, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.3 Ringkasan Metodologi Penyelidikan

Jadual 3.1

Ringkasan Metodologi Penyelidikan

Fasa	Objektif	Persoalan kajian	Instrumen	Sampel	Analisis
1	Mengenal pasti hubungan sikap tenaga pengajar dengan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.	Adakah sikap tenaga pengajar di dua buah Kolej Vokasional berkenaan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.	Buku teks, Journal, Artikel dan petikan akhbar.	Buku teks keluaran seawal tahun 1931 sehinggalah jurnal dan artikel bagi segmen keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang terbaru, 2021.	Tinjauan literatur
2	Mengenal pasti hubungan penglibatan tenaga pengajar terhadap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.	Adakah penglibatan tenaga pengajar mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di dua buah Kolej Vokasional berkenaan	Soal selidik	Pensyarah KV di negeri Selangor	SPSS-23.0 Ujian parametrik termasuk kolerasi dan analisis regresi
3	Mengenalpasti faktor paling dominan antara sikap atau penglibatan yang lebih mempengaruhi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.	Apakah faktor paling dominan mempengaruhi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di dua buah Kolej Vokasional berkenaan dalam kalangan tenaga pengajar.	Soal selidik	Pensyarah di KV Sungai Buloh dan KV Shah Alam.	SPSS-23.0 Ujian parametrik termasuk kolerasi dan analisis regresi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Populasi dan Sampel Kajian

Pemilihan populasi di buat secara menggunakan kaedah rawak berlapis atau berstrata. Kaedah ini melibatkan satu proses di mana sub kumpulan atau strata dipilih dalam nisbah yang sama dalam populasi (Fraenkel & Wallen, 1993). Selangor, iaitu sebuah negeri perindustrian utama di Malaysia telah dipilih sebagai sampel kajian. Faktor pemilihan ini adalah berdasarkan perangkaan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada Jabatan Perangkaan Malaysia pada 06 September 2017 di mana Selangor telah menerajui sumbangan KDNK mengikut negeri dengan sumbangan sebanyak 22.7 peratus diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (15.3 peratus), Sarawak (9.8 peratus), Johor (9.4 peratus), Pulau Pinang (6.7 peratus) dan Sabah (6.7peratus). Data ini menafsirkan bahawa Selangor adalah sebuah negeri yang termaju dari segi perindustriannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada peringkat pertama Kolej Vokasional di Selangor dibahagikan kepada dua Zon. Zon 1 terdiri daripada Kolej Vokasional yang berasal daripada Sekolah Menengah Vokasional. Zon 2 pula terdiri daripada Kolej Vokasional yang berasal daripada Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Kebangsaan. Jadual 3.2 menunjukkan pembahagian Zon Kolej Vokasional di Selangor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2

Pembahagian zon Kolej Vokasional di Selangor

Bil	Kolej Vokasional (KV)	Zon	Tahun Penubuhan	Asal penubuhan
1	KV Sungai Buloh	1	1991	Sekolah Menengah Vokasional
2	KV Shah Alam	1	1992	Sekolah Menengah Vokasional
3	KV Klang	1	1978	Sekolah Menengah Vokasional
4	KV Kajang	1	1991	Sekolah Menengah Vokasional
5	KV Kuala Selangor	2	1999	Sekolah Menengah Teknik
6	KV Gombak	2	2001	Sekolah Menengah Teknik
7	KV Sepang	2	1999	Sekolah Menengah Teknik
8	KV Sultan Abdul Samad	2	2013	SMK Sultan Abdul Samad

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Pada peringkat kedua iaitu dengan merujuk kepada Jadual 3.3, Kolej Vokasional yang berada di Zon 1 di stratakan berdasarkan pendapat Marshall & Rossman (2014) yang mengatakan bahawa terdapat empat perkara yang perlu diberi pertimbangan iaitu:

i. Tiada halangan untuk menjalankan kajian.

ii. Mempunyai kemungkinan yang tinggi untuk melaksanakan proses pengumpulan data dengan baik, serta wujudnya minat dan kerjasama daripada responden.

iii. Berkemampuan untuk membina hubungan percaya-mempercayai dengan responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Berkeyakinan boleh mendapatkan data yang berkualiti dan mempunyai kredibiliti untuk tujuan kajian.

Jadual 3.3

Pemilihan Populasi Kajian

Bil	Kolej Vokasional (KV)	Marshall & Rossman (2014) i	ii	iii	iv
1	KV Sungai Buloh	👍	👍	👍	👍
2	KV Shah Alam	👍	👍	👍	👍
3	KV Klang	👍	👍	👍	X
4	KV Kajang	👍	👍	X	X

Petunjuk rajah	
👍	Amatbaik
X	Kurangbaik

Merujuk kepada Jadual 3.3 di atas, kajian ini adalah lebih signifikan untuk dijalankan di Kolej Vokasional Sungai Buloh dan Kolej Vokasional Shah Alam. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), sebanyak 201 orang responden dipilih dari populasi zon 1 dengan menggunakan teknik persampelan rawak berstrata kerana terdapat pembahagian sub populasi yang tidak seimbang bagi setiap zon untuk Kolej Vokasional. Walaubagaimanapun bagi memperolehi tahap keyakinan yang tinggi dalam kajian ini, sebanyak 213 borang soal-selidik akan diedarkan secara rawak. Jadual 3.4 menunjukkan penentuan saiz sampel yang diubahsuai berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.4

Bilangan Sampel Yang Di Pilih Secara Teknik Persampelan Rawak Berstrata

Populasi tenaga pengajar di Zon 1 Selangor.		N	S
1. KV Shah Alam	98 orang.	426 (420)	201
2. KV Sungai Buloh	115 orang.		
3. KV Klang	118 orang.		
4. KV Kajang	95 orang.		

3.5 Instrumen


Instrumen merupakan alat yang digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan data dan maklumat berkenaan persoalan kajian. Di dalam kajian ini, hubungan sikap dan penglibatan dengan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi tenaga pengajar akan di ukur menggunakan borang soal selidik yang beserta skala penarafan menggunakan skala Likert. Ini adalah selaras dengan pendapat Maushak dan Simonson (2001) yang menyatakan bahawa terdapat beberapa instrumen bagi mengukur tingkah laku yang berkaitan dengan sikap dan penglibatan tenaga pengajar.

Di antaranya ialah dengan menggunakan soal selidik yang beserta skala penarafan. Instrumen ini akan dapat menyalurkan maklumat secara bertulis kepada responden. Kaedah ini memerlukan responden memberikan respon secara bertulis seperti tandakan, bulatkan, nyatakan sepatah perkataan mahupun juga sebaris ayat. Skala pengukuran ini akan dibangunkan menerusi prosedur khusus yang akan dapat memastikan maklumbalas tersebut dirumuskan kepada satu skor yang mencerminkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tahap sikap dan tahap penglibatan tenaga pengajar yang diukur. Setiap instrumen akan dibangunkan secara sistematik agar data yang ingin diperolehi bersesuaian dengan objektif kajian yang dibuat. Rajah 3.2 menunjukkan langkah-langkah pembangunan dalam membina borang soal selidik.



Rajah 3.2. Langkah Pembangunan Borang Soal Selidik.

3.5.1 Item borang soal selidik

Borang soal selidik ini juga menggunakan skala Likert. Ianya adalah suatu skala psikometri yang umum diguna pada senarai soalan, dan merupakan skala yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

paling kerap kegunaannya dalam penyelidikan tinjauan. Skala ini berasal daripada nama Rensis Likert, yang telah menghasilkan satu laporan yang menjelaskan kegunaannya. Semasa menjawab persoalan dalam skala Likert, responden akan menetapkan tahap persetujuan mereka terhadap suatu kenyataan dengan memilih salah satu daripada pilihan yang tersedia. Skala Likert juga merupakan skala yang digunakan untuk ukuransikap, pendapat dan persepsi seseorang tentang objek atau fenomena tertentu. Skala Likert memiliki 2 bentuk pernyataan, iaitu pernyataan positif dan negatif. Pernyataan positif diberi skor 5, 4, 3, 2, dan 1; sedangkan bentuk pernyataan negatif diberi skor 1,2, 3, 4 dan 5. Biasanya disediakan lima pilihan skala dengan format seperti berikut.

1 = Sangat tidak setuju

2 = Tidak setuju

3 = Tidak pasti

4 = Setuju

5 = Sangat setuju

Langkah seterusnya adalah melaksanakan analisis item, jika nilai kebolehkepercayaan baik, maka analisis item akan dianggap sebagai kajian rintis.

3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Dalam konteks penyelidikan, kesahan dirujuk pada ukuran apa yang sepatutnya diukur (Kerlinger, 1986; Creswell, 2010). Ini bermakna instrumen kajian yang digarap seharusnya berkemampuan memberi ketepatan ukuran dalam usaha untuk mencapai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tahap kesahan yang tinggi. Melalui kajian yang mengandungi kesahan tinggi, data yang diperolehi mampu memberi justifikasi yang tepat (Sam & Mang, 2010).

3.6.1 Kesahan Instrumen Kajian

Bagi penyelidikan yang bersifat tinjauan, kesahan dalaman dapat dipertingkatkan dengan cara semua pembolehubah dikawal supaya ianya dapat mempengaruhi fenomena yang dikaji, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Namun, masih ada sekelompok faktor dan penyebab yang mampu memberi ancaman kepada kesahan dalaman bagi penyelidikan yang bersifat tinjauan seperti sejarah (peristiwa yang spesifik), permatangan peserta, kesan ujian pertama, perubahan instrumentasi, pemilihan peserta mahu pun juga keciciran peserta (Sam & Mang, 2010).

Kesahan kandungan adalah penilaian yang terancang kepada isi kandungan ujian dalam memastikan sama ada domain tingkah laku yang diukur mewakili keseluruhan kandungan sesuatu domain (Anastasi & Urbina 1997). Kesahan kandungan dapat ditingkatkan dengan menilai item ujian berdasarkan penyemakan spesifikasi ujian oleh panel rujuk yang akan menyemak item dan memberi komen sama ada item-item tersebut meliputi semua kandungan yang ingin diuji (Sam & Mang, 2010). Perkara ini akan menghasilkan kesahan kandungan yang tinggi apabila kesemua sasaran kandungan ujian diliputi secara sama rata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maka, kesahan adalah satu prosedur yang perlu dipatuhi penyelidik sebelum memulakan sesuatu kajian. Penentuan kesahan muka merujuk kepada keupayaan instrumen kajian mengandungi maklumat yang merangkumi komponen bidang yang dikaji (Cresswell, 2008; Chua, 2006; Pallant, 2001). Cresswell (2007) mencadangkan penyelidik merujuk kepada pakar-pakar bidang tertentu bagi mengesahkan item atau soalan yang terkandung dalam instrument kajian. Adalah perlu untuk diadakan semakan pakar supaya konstruk adalah tepat dan jelas kandungannya (Kline, 2005). Susun atur instrumen penilaian perlu diserahkan pada pakar yang mempunyai kemahiran dalam bidang yang berkenaan untuk mendapat kepastian bahawa isi kandungan instrumen adalah sesuai dan merangkumi objektif kajian (Abdullah & Leow, 2017). Hasil maklum balas yang diterima daripada pakar kesahan perlu ditambah baik lagi agar soalan yang digunakan difahami dan mampu menilai aspek yang dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kebolehpercayaan adalah merujuk kepada ketekalan atau kestabilan keputusan pentaksiran (Azizi Ahmad, 2010). Manakala menurut Kirk dan Miller (1986), kebolehpercayaan dalam penyelidikan kuantatif berpandukan kepada dua situasi iaitu:

i. Ketekalan sesuatu ukuran, walaupun diulang beberapa kali.

ii. Kestabilan sesuatu ukuran pada sepanjang masa.

Sekiranya dapatan yang sama sentiasa diperolehi melalui teknik atau metodologi yang sama, ini menunjukkan bahawa instrumen kajian tersebut adalah boleh dipercayai. Kebolehpercayaan juga merujuk kepada kestabilan dan ketekalan dalaman ujian atau alatukur dalam mengukur sesuatu konsep atau aspek. Dalam kajian ini,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebolehpercayaan instrumen dengan menjalankan kajian rintis dan seterusnya diukur menggunakan data daripada soal selidik yang diedarkan.

Kajian rintis merupakan kajian yang dilakukan oleh penyelidik sebelum membuat kajian sebenar. Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk menguji semula kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam soalan selidik yang dipilih sebelum kajian sebenar dijalankan. Selain itu juga, kajian rintis digunakan untuk mengkaji masalah-masalah yang akan timbul sewaktu proses soal selidik berjalan dan juga digunakan bagi memperbaiki mutu penggunaan bahasa dan struktur ayat item-item. Item-item yang mempunyai nilai kepercayaan yang tinggi sahaja yang akan dipilih untuk soal selidik sebenar. Dengan cara ini ia dapat membantu dalam meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan kajian serta dapat memperbaiki kelemahan pada borang soal selidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Mohd Majid (2000), meskipun tiada batasan khusus yang boleh digunakan bagi menentukan pekali kepercayaan yang sesuai bagi sesuatu alat ukur, pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.70 sering digunakan dan menjadikan rujukan paling minimum untuk diterima. Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk menguji semula kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik yang dipilih sebelum kajian sebenar dijalankan. Selain itu juga, kajian rintis digunakan untuk mengkaji masalah-masalah yang akan timbul sewaktu proses soal selidik berjalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Kajian Rintis

Kajian rintis adalah ujian yang melibatkan sebilangan responden yang kecil untuk menguji kesesuaian soalan dan kefahaman responden tentang soalan yang dikemukakan (Marican, S. 2005). Kajian rintis ini boleh menentukan kelemahan yang ada pada soalan-soalan dan sekiranya ada pernyataan yang kurang jelas serta perlu dibaiki untuk kemudahan responden ketika menjawab soalan. Kajian rintis juga adalah kajian berskala kecil yang dibuat sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis turut dikenali sebagai kajian awal sebelum sesuatu kajian berskala penuh dilaksanakan.

Dalam kajian ini, seramai 30 orang tenaga pengajar Kolej Vokasional di Selangor yang telah dipilih secara rawak untuk terlibat sebagai responden bagi kajian rintis ini. Namun begitu, menurut Connelly (2008) dan Treece dan Treece (1982) di mana mereka turut mengusulkan agar bilangan sampel semasa kajian rintis dijalankan hanyalah sepuluh peratus (10%) daripada jumlah sampel yang sebenarnya. Walau bagaimanapun, Hertzog (2008) turut mengingatkan bahawa menjalankan kajian rintis bukanlah suatu tugasan yang mudah dan dapat dijalankan secara “straight forward” untuk menyelesaikannya kerana jenis kajian ini kebiasaannya turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang lainnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.5

Format Analisis Indeks Kesukaran Dan Aras Kesukaran Item

Bil.	Konstruk kajian	Jumlah item	Nilai *alpha cronbach*
1	Amalan pengurusan	15	0.96
2	Sikap	10	0.93
3	Penglibatan	9	0.86
4	Keseluruhan konstruk	34	0.81

Bagi instrumen kajian, ujian penilaian juga dilaksanakan analisis. Merujuk kepada jadual 3.5 menunjukkan jadual indeks kesukaran piawai. Sebaiknya ialah 0.3 ke atas dan indeks diskriminasi piawai sebaiknya ialah 0.4 ke atas.

Manakala bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap borang soal selidik yang dibina, penyelidik juga akan turut menjalankan satu kajian rintis. Untuk tujuan ujian kebolehkepercayaan, kaedah analisis *Alpha Cronbach* akan diguna pakai. Tahap kepercayaan yang jelas dan boleh diterima pakai jika nilai Alpha melebihi 0.6. Hal ini juga disokong oleh Sekaran dan Bougie (2010) yang mengatakan nilai Alpha Cronbach yang kurang daripada 0.6 adalah kurang kebolehpercayaan, nilai Alpha 0.7 boleh diterima dan jika nilainya melebihi 0.8 kebolehpercayaan adalah dianggap baik. Dalam kajian ini, penyelidik menjalankan kajian rintis terhadap 30 orang tenaga pengajar Kolej Vokasional di Selangor (zon 2) yang dipilih secara rawak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Prosedur Pengumpulan Data

Sebelum borang soal selidik diedar, penyelidik memohon kebenaran daripada EPRD untuk menjalankan kajian. Selepas kebenaran diperoleh, penyelidik juga telah memohon kebenaran menjalan kajian melalui BPLTV selaku agensi induk yang mengurus KV. Langkah seterusnya, penyelidik juga memohon kebenaran kepada Pengarah KV Sg Buloh dan KV Shah Alam dengan melampirkan surat kelulusan menjalankan kajian dari EPRD dan BPLTV.

Borang soal selidik telah diedarkan kepada tenaga pengajar Kolej Vokasional Sungai Buloh dan Kolej Vokasional Shah Alam. Sebanyak 213 soal selidik telah diedarkan melalui pejabat Pengarah KV masing-masing setelah memperoleh kebenaran Pengarah. Soal selidik diedarkan kepada responden yang telah dikenal pasti oleh pihak pengurusan KV bagi mengelakkan unsur bias. Seterusnya, penyelidik diminta mengambil borang soal selidik yang telah dijawab di pejabat Pengarah selepas seminggu daripada tarikh serahan instrumen. Setelah diperoleh didapati sejumlah 200 orang responden telah memberi maklum balas yang diperlukan.

3.9 Kaedah Menganalisis Data

Teknik analisis data dilakukan secara analisis deskriptif dan ujian parametrik termasuk kolerasi dan analisis regresi untuk mencapai objektif kajian. Data yang dikumpul daripada responden dianalisis dengan menggunakan *Stactictical Package for Social Science* (SPSS) 23.0. Terdapat tiga kaedah analisis data yang digunakan dalam kajian ini. Jadual 3.6 menunjukkan matrik analisis data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.6

Matrik Analisis Data

Bil	Persoalan Kajian	Instrumen	Analisis
1.	Adakah terdapat hubungan antara sikap tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional?	Soal selidik	Analisis Inferensi: Ujian Korelasi Pearson
2.	Adakah terdapat hubungan antara penglibatan tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional?	Soal selidik	Analisis Inferensi: Ujian Korelasi Pearson
3.	Adakah terdapat pengaruh antara sikap tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional?	Soal selidik	Analisis Inferensi: *Simple Linear Regression*
4.	Adakah terdapat pengaruh antara penglibatan tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional?	Soal selidik	Analisis Inferensi: *Simple Linear Regression*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9.1 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif berperanan mendapatkan frekuensi dan peratus tentang latar belakang responden seperti jantina, aliran dan kursus yang diikuti dalam bentuk frekuensi dan peratusan. Manakala skor min dan sisihan piawai mengukur tahap persetujuan responden terhadap pernyataan soal selidik yang dikemukakan. Othman (2013) menyatakan bahawa statistik deskriptif digunakan bertujuan memerihalkan data mentah yang banyak untuk memudahkan pemahaman melalui penyusunan secara lebih bermakna. Merujuk kepada Jadual 3.7, min merupakan nilai purata yang mewakili set data kerana nilai min mengambil kira semua skor dalam set data pada soal selidik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.7

Interpretasi Skor Min

Min	Tahap Penilaian
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana rendah
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Jadual 3.8 pula menunjukkan interpretasi skor min yang digunakan dalam kajian ini berdasarkan skala likert lima mata yang dibahagi kepada empat tahap menurut Majid (2005).

Jadual 3.8

Aras Kekuatan Nilai Pekali Korelasi

Saiz Pekali Korelasi (r)	Kekuatan korelasi
0.91 hingga 1.00 atau -0.91 hingga -1.00	Sangat Kuat
0.71 hingga 0.90 atau -0.71 hingga -0.90	Kuat
0.51 hingga 0.70 atau -0.51 hingga -0.70	Sederhana
0.31 hingga 0.50 atau -0.31 hingga -0.50	Lemah
0.01 hingga 0.30 atau -0.01 hingga -0.30	Sangat Lemah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9.2 Analisis Korelasi

Ujian korelasi ialah untuk melihat kekuatan hubungan antara pembolehubah bersandar dan bebas. Analisis korelasi antara pemboleh ubah dijalankan terdahulu sebagai prasyarat sebelum melakukan analisis regresi berganda. Nilai Korelasi antara pemboleh ubah perlu signifikan. Nilai r = 1.00 menunjukkan terdapat hubungan yang sempurna

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

antara pemboleh ubah. Nilai r yang tinggi menunjukkan perhubungan yang kuat antara dua pembolehubah yang dikaji. Penilaian hubungan antara pemboleh ubah diukur menggunakan penetapan hubungan korelasi berdasarkan Wan Muhamad Amir, Ruhaya dan Nor Affedny (2017) di Jadual 3.9.

Jadual 3.9

Saiz Kesan Pemboleh ubah Bebasl ke atas Pemboleh ubah Bersandar

Pekali	Nilai	Saiz Kesan
R^2	Di bawah .02	Sangat kecil dan tidak bermakna
	.02 hingga .15	Kecil
	.16 hingga .30	Sederhana
	Melebihi .30	Besar
β	Di bawah .05	Sangat kecil dan tidak bermakna
	.05 hingga .30	Kecil
	.31 hingga .50	Sederhana
	Melebihi .50	Besar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9.3 Analisis *Simple Linear Regression*

Analisis *Simple Linear Regression* adalah teknik statistik yang digunakan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai hubungan antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Analisis regresi merupakan salah satu analisis yang bertujuan mengetahui pengaruh suatu pemboleh ubah terhadap pemboleh ubah lain (Chua, 2009). Hubungan linear untuk dua pemboleh ubah ini dapat dinyatakan dalam bentuk persamaan linear berikut:

$$Y = a + bX$$

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di mana pemboleh ubah bebas (*X*) dinamakan sebagai pemboleh ubah peramal, pemboleh ubah bersandar (*Y*) dinamakan sebagai pemboleh ubah kriterion, *b* merupakan pekali regresi bagi pemboleh ubah peramal dan *a* ialah pemalar regresi. Bacaan nilai pekali (R^2) dan nilai pekali (β) seperti di Jadual 3.10 telah digunakan dalam analisis ini.

Jadual 3.10

Syarat Analisis Ujian Regresi

Bil	Perkara	Syarat
1.	Bertaburan normal	Semua variabel kajian dan variabel kawalan.
2.	Berbentuk linear	Semua variabel peramal harus berkorelasi secara linear dengan variabel kriterion. Melalui graf *scatterplot.*
3.	Multi-collineariti	Jadual *Excluded Variables*: • *Partial Correlation* < 0.90 • Nilai *Tolerance* > 0.10 • Nilai *Variation Inflation Factor* (VIF) < 10
4.	Nilai ekstrim	Jadual *Residuals Statistics* • Nilai Rasidual Piawai ±3.3.
5.	Singulariti	Memastikan variabel peramal tidak mempunyai kombinasi yang serupa dengan variabel yang sama di dalam ujian regresi.
6.	Saiz Sampel	Saiz sampel melebihi 15

Sumber: Chua (2009).

Sebelum analisis data statistk inferensi iaitu ujian regresi dijalankan, terlebih dahulu adalah perlu untuk memastikan data ini memenuhi sebahagian syarat bagi ujian regresi yang perlu dipenuhi seperti di Jadual 3.10. Namun begitu, menurut Chua (2009), minimum syarat analisis ujian regresi ini adalah mencukupi seandainya tiga syarat telah dipenuhi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada bahagian ini, tiga andaian terhadap data kajian dilakukan terlebih dahulu bagi memastikan data memenuhi syarat untuk menjalankan ujian regresi. Andaian pertama adalah data berbentuk linear, kedua adalah multi-colliniariti, dan ketiga adalah saiz sampel.

Andaian pertama, ujian lineariti dilakukan terhadap pemboleh ubah bebasl dan pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini. Menurut Chua (2009) semua pemboleh ubah bebasl haruslah berkorelasi secara linear dengan pemboleh ubah bersandar. Syarat ini boleh disemak melalui graf *scatterplot* dalam ujian regresi. Plot P-P bagi residual berada pada garis 45 darjah. Andaian ini dapat dipenuhi.

Andaian kedua, data diperiksa sama ada data kajian mempunyai masalah *multicollinearity* atau sebaliknya dengan menjalankan ujian multicollinearity. Bagi memeriksa ujian ini, terdapat dua indikator yang perlu dikaji iaitu indikator pertama melibatkan *Varian Inflation Factor* (VIF) dan indikator kedua pula melibatkan *Tolerance* yang harus dipenuhi syarat-syarat tersebut. Menurut Hair et al. (2010) nilai VIF < 2 dan nilai *Tolerance* > 0.10.

Berdasarkan Jadual 3.11 menunjukkan tidak terdapat masalah *multicollinearity* di dalam kajian ini. Nilai *Tolerance* yang tertinggi di dalam kajian ini ialah 0.891 dan semua melebihi syarat yang telah ditetapkan. Maka hasil daripada nilai *Tolerance* menunjukkan bahawa pemboleh ubah bebas tidak mempunyai korelasi dengan pemboleh ubah yang lain. Bagi VIF pula, apabila nilai VIF>10, kebiasaannya hasil regresi dianggap bermasalah. Berdasarkan Jadual 3.11, nilai VIF yang diperolehi adalah <10. Oleh itu, data ini tidak mempunyai masalah *multicollinearity*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.11

Collinearity Statistics

	Collinearity Statistics	
Pemboleh Ubah Bebas	Nilai *Tolerance*	Nilai VIF
Pengetahuan	0.791	1.658
Kemahiran	0.819	1.681
Sikap	0.891	3.757

n = 105

Andaian ketiga adalah dengan melihat kepada saiz sampel. Dalam kajian ini, saiz sampel melebihi 15 telah digunakan iaitu dengan jumlah 375 sampel. Maka ketiga-tiga andaian ini telah dipenuhi.

3.10 Rumusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini membincangkan teknik analisis data yang diguna pakai dalam kajian ini. Bab ini juga menjelaskan dengan terperinci instrumen kajian yang digunakan untuk menjalankan kajian. Instrumen kajian ini penting bagi memastikan keputusan yang diterjemahkan akan lebih hampir kepada nilai yang sebenar. Analisis statistik deskriptif, analisis regresi berganda dan analisis perkaitan digunakan untuk memperolehi keputusan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pendahuluan

Bab ini membentangkan hasil dapatan kajian berpandukan kepada persoalan kajian. Dapatan kajian ini adalah bertujuan bagi menjawab setiap persoalan kajian dan hipotesis kajian yang telah dibina. Hasil dapatan kajian terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama membincangkan mengenai demografi responden kajian yang terlibat secara langsung di dalam kajian ini. Manakala bagi bahagian kedua pula, membincangkan mengenai data analisis statistik inferensi iaitu analisis ujian korelasi pearson dan analisis ujian regresi pelbagai. Hasil dapatan kajian di dalam kajian ini meliputi setiap persoalan kajian yang telah dibina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Analisis Demografi Responden

Bahagian ini memperincikan tentang taburan kekerapan dan peratusan bagi responden kajian yang terlibat di dalam kajian ini. Taburan kekerapan dan peratusan ini mengikut latar belakang responden, tahap pendidikan yang dimiliki oleh responden dan maklumat kerjaya responden di Kolej Vokasional. Responden kajian terdiri daripada tenaga pengajar di Kolej Vokasional. Penyelidik telah mengedarkan sebanyak 215 set borang soal selidik kepada responden kajian dan penyelidik mendapati bahawa hanya 213 set borang soal selidik yang berjaya dikumpul oleh penyelidik di dalam kajian ini.

4.2.1 Taburan Mengikut Latar Belakang Responden

Berdasarkan Jadual 4.1 menunjukkan maklumat berkaitan jantina responden, umur responden dan kaum responden di dalam kajian ini. Jadual 4.1 menunjukkan taburan responden mengikut umur tenaga pengajar yang terlibat di dalam kajian ini. Bagi golongan umur 36 tahun hingga 40 tahun mencatatkan bilangan umur tertinggi di dalam kajian ini iaitu seramai 77 orang tenaga pengajar (36.2%) diikuti kumpulan umur 31 tahun hingga 35 tahun iaitu seramai 53 orang tenaga pengajar (24.9%). Manakala bagi golongan umur 26 tahun hingga 30 tahun pula, mencatatkan seramai 44 orang tenaga pengajar (20.7%) dan golongan umur 41 tahun hingga 45 tahun mencatatkan seramai 27 orang tenaga pengajar (12.7%). Bagi golongan umur 20 tahun hingga 25 tahun mencatatkan bilangan umur yang terendah di dalam kajian ini iaitu seramai 12 orang tenaga pengajar (5.6%) sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1 menunjukkan taburan responden berdasarkan jantina responden di dalam kajian ini yang terdiri daripada tenaga pengajar lelaki dan perempuan. Bagi responden lelaki telah mencatatkan seramai 111 orang tenaga pengajar (52.1%) iaitu majoriti berbanding dengan responden perempuan seramai 102 orang tenaga pengajar (47.9%) sahaja. Seramai 213 responden terdiri daripada satu kaum sahaja yang terlibat di dalam kajian ini iaitu kaum Melayu mencatatkan seramai 213 orang tenaga pengajar (100%).

Jadual 4.1

Taburan Latar Belakang Responden

Bil		Perkara	Kekerapan	Peratusan(%)
1	Jantina	Lelaki	111	52.1
		Perempuan	102	47.9
2	Umur	20 Tahun – 25 Tahun	12	5.6
		26 Tahun – 30 Tahun	44	20.7
		31 Tahun – 35 Tahun	53	24.9
		36 Tahun – 40 Tahun	77	36.2
		41 Tahun – 45 Tahun	27	12.7
3	Kaum		213	100

n=213

4.2.2 Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan

Berdasakan Jadual 4.2 adalah merupakan hasil dapatan kajian bagi taburan responden berdasarkan tahap pendidikan. Dari segi kelulusan tahap pendidikan tertinggi responden adalah majoriti daripada pemegang ijazah iaitu seramai 151 orang tenaga pengajar (70.9%), diikuti tahap pendidikan sarjana iaitu seramai 42 orang tenaga pengajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(19.7%). Terdapat hanya seramai 20 orang tenaga pengajar (9.4%) sahaja yang memiliki tahap pendidikan diploma.

Jadual 4.2

Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan

Bil	Perkara		Kekerapan	Peratusan(%)
1	Kelulusan	Diploma	20	9.4
		Ijazah	151	70.9
		Sarjana	42	19.7

n=213

4.2.3 Taburan Responden di Kolej Vokasional

Berdasarkan Jadual 4.3 menunjukkan taburan responden kajian di Kolej Vokasional. Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan seramai 168 orang tenaga pengajar (78.9%) adalah merupakan responden yang memegang jawatan sebagai tenaga pengajar kejuruteraan. Manakala seramai 45 orang tenaga pengajar (21.1%) adalah responden yang memegang jawatan sebagai tenaga pengajar akademik di Kolej Vokasional.

Dari segi tempoh perkhidmatan responden di Kolej Vokasional pula, seramai 101 orang tenaga pengajar (47.4%) telah berkhidmat selama 11 tahun hingga 15 tahun diikuti seramai 61 orang tenaga pengajar (28.6%) adalah responden yang telah berkhidmat di Kolej Vokasional selama 6 tahun hingga 10 tahun. Manakala seramai 29 orang tenaga pengajar (13.6%) adalah responden yang telah berkhidmat di Kolej Vokasional selama 16 tahun ke atas. Berdasarkan Jadual 4.3, seramai 22 orang tenaga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajar (10.3%) adalah merupakan responden yang terendah bagi tempoh perkhidmatan di Kolej Vokasional iaitu kurang daripada 5 tahun perkhidmatannya.

Jadual 4.3

Taburan Responden Di Kolej Vokasional

Bil		Perkara	Kekerapan	Peratusan (%)
1	Bidang Tugas	Tenaga Pengajar Kejuruteraan	168	78.9
		Tenaga Pengajar Akademik	45	21.1
2	Tempoh	Kurang 5 Tahun	22	10.3
	Perkhidmatan	6 Tahun – 10 Tahun	61	28.6
		11 Tahun – 15 Tahun	101	47.4
		16 Tahun ke Atas	29	13.6

n=213

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Analisis Taburan Data Normaliti

Sebelum analisis statistik inferensi dijalankan, penyelidik terlebih dahulu memeriksa taburan data sama ada ia bertaburan secara normal atau sebaliknya. Sekiranya taburan data kajian tidak normal atau tidak memenuhi kriteria, maka ujian statistik berbentuk berparameter tidak sesuai digunakan untuk data berkenaan (Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, Nor Hayati Sa'at, Sabri Ahmad dan Ibrahim Mamat, 2015). Terdapat sebilangan ujian statistik digunakan bagi menguji kenormalan data kajian. Antara ujian statistik adalah seperti ujian Kolmogorov-Smirnov, ujian Shapiro-Wilk, ujian Skewness- Curtosis, ujian Histogram, ujian Normal Q-Q Plot, ujian Boxplots dan juga ujian Stem and Leaf Plot. Penyelidik melakukan ujian kenormalan data kajian dengan menggunakan kaedah ujian Skewness-Curtosis sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengujian kenormalan data dilakukan dengan menggunakan perisian IBM SPSS dengan melihat kepada pekali kepencongan (skewness) dan puncaknya (curtosis). Sebarang nilai skor z bagi nilai skewness dan curtosis yang berada dalam julat ±2.5 boleh diterima sebagai memenuhi syarat kenormalan data kerana menghampiri graf normal (George & Mallery, 2010), walaupun ada yang mencadangkan sehingga ±3.0 (Chua, 2008). Manakala menurut Bryne (2010), nilai skewness yang menunjukkan data tersebut adalah normal mestilah berada dalam lingkungan julat ±2, manakala bagi nilai curtosis pula, adalah berada dalam lingkungan julat ±7.

Berdasarkan Jadual 4.4 secara keseluruhannya analisis kenormalan data menunjukkan bahawa nilai skewness dan nilai curtosis memenuhi kriteria atau syarat yang telah ditetapkan dan dapat disimpulkan bahawa data kajian ini adalah bertaburan secara normal. Jadual 4.4 menunjukkan taburan normal bagi setiap konstruk dan sub-konstruk di dalam kajian ini yang berasaskan kepada nilai analisis statistik skewness dan curtosis. Dapatan analisis statistik skewness dan curtosis, jelas menunjukkan bahawa data taburan daripada pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian adalah bertaburan normal.

Jadual 4.4

Ujian Normaliti Data Skewness dan Kurtosis

Pemboleh Ubah	*Skewness*	*Kurtosis*
Sikap	0.847	0.566
Penglibatan	-0.994	1.128
Amalan	-0.206	-0.175

n=213

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Analisis Persoalan Kajian

4.4.1 Objektif 1: Mengkaji hubungan sikap tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.

i. Adakah terdapat hubungan antara sikap tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di Kolej Vokasional?

Bagi menjawab persoalan kajian pertama, penganalisisan data melibatkan analisis statistik inferensi telah digunakan iaitu ujian korelasi terhadap responden yang bekerja Kolej Vokasional. Bagi Ujian Korelasi ini, satu hipotesis telah dibentuk iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H01 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di Kolej Vokasional.

Berdasarkan Jadual 4.5 menunjukkan terdapat dua pemboleh ubah yang digunakan di dalam kajian ini. Pemboleh ubah bebas diwakili oleh konstruk sikap tenaga pengajar, manakala pemboleh ubah bersandar daripada konstruk amalan keselamatan dan kesihatan. Analisis korelasi telah digunakan ke atas pemboleh ubah sikap tenaga pengajar dan pemboleh ubah amalan keselamatan dan kesihatan. Keputusan analisis data tersebut menunjukkan secara keseluruhannya terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah bebas iaitu sikap tenaga pengajar dengan pemboleh ubah bersandar iaitu amalan keselamatan dan kesihatan dengan mencatatkan ($r = 0.464$, $p \leq 0.000$). Merujuk kepada jadual kekuatan nilai pekali korelasi pearson, didapati bahawa hubungan antara pemboleh ubah bebas iaitu sikap tenaga pengajar dengan pemboleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ubah bersandar iaitu amalan keselamatan dan kesihatan adalah berhubungan yang sederhana.

Jadual 4.5

Hubungan Korelasi antara Sikap Tenaga Pengajar dengan Amalan Keselamatan dan Kesihatan dalam Pekerjaan di Tempat Kerja.

Pemboleh ubah kajian	n	Min	SP	*r*	*p*
Sikap	213	3.58	0.50	0.464**	0.000
Amalan	213	3.98	0.56		

Nota: ** Signifikan pada aras 0.01

Hipotesis nul H01 adalah ditolak dan secara keseluruhannya analisis korelasi pearson yang dijalankan mempunyai nilai yang signifikan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar iaitu (p = 0.000). Hasil kajian menunjukkan bahawa pemboleh ubah bebas iaitu sikap tenaga pengajar adalah merupakan pemboleh ubah yang signifikan kepada pemboleh ubah bersandar iaitu amalan keselamatan dan kesihatan di dalam pekerjaan di tempat kerja.

4.4.2 Obejktif 2: Mengkaji hubungan penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.

i. Adakah terdapat hubungan antara penglibatan tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di Kolej Vokasional?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi menjawab persoalan kajian kedua, penganalisisan data melibatkan analisis statistik inferensi telah digunakan iaitu ujian korelasi terhadap responden yang bekerja Kolej Vokasional. Bagi Ujian Korelasi ini, satu hipotesis telah dibentuk iaitu:

H02 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di Kolej Vokasional.

Berdasarkan Jadual 4.6 menunjukkan terdapat dua pemboleh ubah yang digunakan di dalam kajian ini. Pemboleh ubah bebas diwakili oleh konstruk penglibatan tenaga pengajar, manakala pemboleh ubah bersandar daripada konstruk amalan keselamatan dan kesihatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6

Hubungan Korelasi Antara Penglibatan Tenaga Pengajar Dengan Amalan

Pemboleh ubah kajian	n	Min	SP	*r*	*p*
Penglibatan	213	3.79	0.64	0.881**	0.000
Amalan	213	3.98	0.56		

Nota: ** Signifikan pada aras 0.01

Analisis korelasi telah digunakan ke atas pemboleh ubah penglibatan tenaga pengajar dan pemboleh ubah amalan keselamatan dan kesihatan. Keputusan analisis data tersebut menunjukkan secara keseluruhannya terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah bebas iaitu penglibatan tenaga pengajar dengan pemboleh ubah bersandar iaitu amalan keselamatan dan kesihatan dengan mencatatkan ($r = 0.881$, $p \leq 0.000$). Berdasarkan jadual kekuatan nilai pekali korelasi pearson yang dirujuk, didapati bahawa terdapat hubungan yang sangat tinggi antara pemboleh ubah bebas iaitu sikap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tenaga pengajar dengan pemboleh ubah bersandar iaitu amalan keselamatan dan kesihatan.

Oleh yang demikian, hipotesis nul H02 adalah ditolak dan secara keseluruhannya analisis korelasi pearson yang dijalankan mempunyai nilai yang signifikan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar iaitu (p = 0.000). Hasil kajian menunjukkan bahawa pemboleh ubah bebas iaitu penglibatan tenaga pengajar adalah merupakan pemboleh ubah yang signifikan kepada pemboleh ubah bersandar iaitu amalan keselamatan dan kesihatan di dalam pekerjaan di tempat kerja.

4.4.3 Obejktif 3: Mengkaji pengaruh antara sikap tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

i. Adakah terdapat regresi antara sikap tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di Kolej Vokasional?

Bagi menjawab persoalan kajian ketiga ini, penganalisisan data melibatkan analisis statistik inferensi digunakan iaitu ujian regresi pelbagai terhadap responden yang bekerja di Kolej Vokasional. Bagi Ujian Regresi ini, satu hipotesis telah dibina oleh penyelidik.

H03: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara sikap tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di Kolej Vokasional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7 menunjukkan analisis regresi yang telah dijalankan terhadap pemboleh ubah peramal kepada pemboleh ubah kriterion untuk melihat pengaruh yang berlaku di dalam kajian ini. Terdapat satu pemboleh ubah peramal atau bebas di dalam kajian ini iaitu sikap tenaga pengajar. Manakala bagi pemboleh ubah kriterion atau bersandar ialah amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di tempat kerja.

Jadual 4.7

Hubungan Regresi antara Sikap Tenaga Pengajar terhadap Amalan Keselamatan dan Kesihatan dalam Pekerjaan di Tempat Kerja

Pemboleh ubah kajian	Amalan Keselamatan dan Kesihatan (Min:3.98, SP=0.56)								
	Min	SP	R	R^2	df	F	(β)	t	Sig.
Sikap Tenaga Pengajar	3.58	0.50	.47	.22	1 211	57.83	0.53	7.61	0.00

n=213

Berdasarkan keputusan analisis data regresi di dalam Jadual 4.7 menunjukkan bahawa pemboleh ubah peramal tidak signifikan kepada pemboleh ubah kriterion di dalam pekerjaan di Kolej Vokasional. Pemboleh ubah peramal iaitu sikap tenaga pengajar mencatatkan ($\beta = .53$, $t = 7.61$, $p < .05$) adalah merupakan faktor yang signifikan kepada konstruk pemboleh ubah kriterion iaitu amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di tempat kerja.

Sehubungan itu, hipotesis nul H03 ditolak dan didapati bahawa variabel peramal hanya menyumbang sebanyak 22% ($r = .47$) perubahan varians dalam pemboleh ubah kriterion iaitu amalan keselamatan dan kesihatan [$F(1, 211) = 57.83$, $P < .05$].

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya saiz kesan variabel peramal ke atas pemboleh ubah kriterion adalah sederhana iaitu sebanyak 0.22 merujuk merujuk kepada jadual nilai pekali (R2).

Berdasarkan keputusan analisis regresi di atas, turut didapati bahawa pemboleh ubah peramal bagi konstruk sikap tenaga pengajar adalah merupakan faktor yang signifikan kepada pemboleh ubah kriterion iaitu konstruk amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di tempat kerja. Model regresi pelbagai yang diperolehi daripada kajian ini ialah:

Sikap Tenaga Pengajar = 0.53 Amalan Keselamatan dan Kesihatan

Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa sikap tenaga pengajar di Kolej Vokasional memberi kesan ke atas amalan keselamatan dan kesihatan di dalam pekerjaan di tempat kerja. Manakala nilai beta yang besar menunjukkan bahawa sikap tenaga pengajar di Kolej Vokasional adalah mempengaruhi amalan keselamatan dan kesihatan di dalam pekerjaan di tempat kerja.

4.4.4 Obejktif 4: Mengkaji pengaruh antara penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.

i. Adakah terdapat pengaruh antara penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di Kolej Vokasional?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi menjawab persoalan kajian keempat ini, penganalisisan data melibatkan analisis statistik inferensi digunakan iaitu ujian regresi pelbagai terhadap responden yang bekerja di Kolej Vokasional. Bagi Ujian Regresi ini, satu hipotesis telah dibina.

H04: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di Kolej Vokasional.

Jadual 4.8 menunjukkan analisis regresi yang telah dijalankan terhadap pemboleh ubah peramal kepada pemboleh ubah kriterion untuk melihat pengaruh yang berlaku di dalam kajian ini. Terdapat satu pemboleh ubah peramal atau bebas di dalam kajian ini iaitu penglibatan tenaga pengajar. Manakala bagi pemboleh ubah kriterion atau bersandar ialah amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di tempat kerja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8

Hubungan Regresi antara Penglibatan Tenaga Pengajar terhadap Amalan Keselamatan dan Kesihatan dalam Pekerjaan di Tempat Kerja

Pemboleh ubah kajian	Amalan Keselamatan dan Kesihatan (Min:3.98, SP=0.56)								
	Min	SP	R	R^2	df	F	(β)	t	Sig.
Penglibatan Tenaga Pengajar	3.79	0.64	.88	.78	1 211	732.18	0.77	27.06	0.00

n=213

Berdasarkan keputusan analisis data regresi di dalam Jadual 4.8 menunjukkan bahawa pemboleh ubah peramal signifikan kepada pemboleh ubah kriterion di dalam pekerjaan di Kolej Vokasional. Pemboleh ubah peramal iaitu penglibatan tenaga pengajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mencatatkan (β = .77, t = 27.06, p < .05) adalah merupakan faktor yang signifikan kepada konstruk pemboleh ubah kriterion iaitu amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di tempat kerja.

Maka dengan itu, hipotesis nul H04 telah ditolak dan didapati bahawa variabel peramal hanya menyumbang sebanyak 78% (r = .88) kepada perubahan varians dalam pemboleh ubah kriterion iaitu amalan keselamatan dan kesihatan [F(1, 211) = 732.18, P < .05]. Seterusnya saiz kesan variabel peramal ke atas variabel kriterion adalah besar iaitu sebanyak 0.78 iaitu merujuk kepada jadual nilai pekali (R2).

Berdasarkan keputusan analisis regresi di atas, didapati bahawa pemboleh ubah peramal bagi konstruk penglibatan tenaga pengajar adalah merupakan faktor yang signifikan kepada pemboleh ubah kriterion iaitu konstruk amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di tempat kerja. Model regresi pelbagai yang diperolehi daripada kajian ini ialah:

Penglibatan Tenaga Pengajar = 0.77 Amalan Keselamatan dan Kesihatan

Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan tenaga pengajar di Kolej Vokasional memberi kesan ke atas amalan keselamatan dan kesihatan di dalam pekerjaan di tempat kerja. Manakala nilai beta yang besar menunjukkan bahawa penglibatan tenaga pengajar di Kolej Vokasional adalah mempengaruhi amalan keselamatan dan kesihatan di dalam pekerjaan di tempat kerja. Jadual rumusan dapatan kajian ini adalah seperti di Jadual 4.9.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9

Rumusan dapatan kajian

Bil	Objektif kajian	Persoalan kajian	Hipotesis	Dapatan Kajian	Keputusan
1	Mengkaji hubungan sikap tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.	Apakah terdapat hubungan antara sikap tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional?	HO1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.	Pekali Pearson - korelasi ($r=0.464$, $p<0.000$) Terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan amalan keselamatan	HO1 - ditolak
2	Mengkaji hubungan penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.	Adakah terdapat hubungan antara penglibatan tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di Kolej Vokasional?	H02: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di Kolej Vokasional.	Pekali Pearson - korelasi ($r=0.881$, $p<0.000$) Terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan dengan amalan keselamatan	HO2 - ditolak
3	Mengkaji pengaruh antara sikap tenaga	Adakah terdapat regresi antara sikap tenaga	Tidak terdapat pengaruh yang signifikan	Pekali Pearson – regresi	HO3 - ditolak

(bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9 (sambungan)

	pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.	pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di Kolej Vokasional?	antara sikap tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di Kolej Vokasional.	Hasil analisis regresi menunjukkan bahawa sikap tenaga pengajar terhadap amalan mampu menjelaskan 22% varian (R^2=0.22, F(1.211)=57.83, p<0.05) Sikap mempunyai pengaruh sebanyak (β= . 53, t= 7.61, p<0.05) Terdapat pengaruh yang signifikan antara sikap dengan amalan keselamatan	
4	Mengkaji pengaruh antara penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.	Adakah terdapat pengaruh antara penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di Kolej Vokasional?	Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di Kolej Vokasional.	Pekali Pearson – regresi Penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan mampu menjelaskan 78% (R^2=0.78 F(1.211)=732.18, p<0.05) Penglibatan mempunyai pengaruh sebanyak (β= . 77, t= 27.06, p<0.05) Terdapat pengaruh yang signifikan antara penglibatan dengan amalan keselamatan	HO4 = ditolak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 Rumusan

Bahagian ini telah melaporkan secara keseluruhan berkaitan hasil dapatan data yang diperolehi daripada responden melalui analisis-analisis yang telah dijalankan. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian telah mengenal pasti hubungan yang signifikan dalam ujian korelasi pearson yang telah dijalankan di dalam kajian ini. Pertama, pemboleh ubah sikap tenaga pengajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di tempat kerja. Kedua, pemboleh ubah penglibatan tenaga pengajar turut mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di tempat kerja.

Seterusnya, hasil kajian bagi ujian regresi telah mengenal pasti pengaruh kepada pemboleh ubah kriterion di dalam kajian ini. Antara pemboleh ubah peramal adalah daripada konstruk sikap tenaga pengajar dan penglibatan tenaga pengajar. Manakala pemboleh ubah kriterion adalah daripada konstruk amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di tempat kerja. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa melalui kajian dengan menggunakan teknik borang soal selidik telah berjaya menjawab ke semua persoalan kajian yang telah dikemukakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN, IMPLIKASI, DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pendahuluan

Pada bab akhir ini, dibentangkan hasil penemuan kajian berdasarkan objektif kajian. Perbincangan dalam bab ini merangkumi rumusan serta cadangan bagi keseluruhan kajian yang telah dijalankan. Rumusan yang dikemukakan adalah merujuk kepada setiap hasil dapatan kajian yang menjawab setiap persoalan kajian yang telah dikemukakan. Setelah itu, kajian ini turut akan menjelaskan dan menghuraikan hasil dapatan kajian secara lebih terperinci pada bahagian perbincangan. Pada bahagian ini, dapatan daripada kajian akan turut membincangkan tentang implikasi serta cadangan kajian untuk masa akan datang. Akhir sekali, dapatan kajian turut mengemukakan beberapa cadangan bagi membantu pihak Kolej Vokasional mengurus tadbir bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan agar Kolej Vokasional berupaya untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membentuk pelajar yang mahir dan berkompetensi tinggi dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

5.2 Rumusan

Pada bahagian rumusan ini, hasil kajian turut terbahagi kepada dua bahagian untuk penghuraian lanjut. Bahagian pertama menghuraikan rumusan berkaitan demografi responden kajian. Manakala pada bahagian kedua pula, dihuraikan rumusan yang berkaitan dengan hasil dapatan kajian dalam kajian ini. Ianya telah menjawab setiap objektif kajian yang telah dikemukakan.

5.2.1 Rumusan Berdasarkan Demografi Responden Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden kajian ini terdiri daripada tenaga pengajar daripada Kolej Vokasional di negeri Selangor. Responden kajian melibatkan seramai 213 orang tenaga pengajar yang terdiri daripada 426 orang tenaga pengajar daripada Kolej Vokasional zon 1 di negeri Selangor. 98 orang tenaga pengajar adalah daripada Kolej Vokasional Shah Alam dan manakala seramai 115 orang tenaga pengajar daripada Kolej Vokasional Sungai Buloh. Kajian ini menggunakan teknik kajian tinjauan terhadap responden kajian ini.

Melalui hasil dapatan kajian yang diperolehi, didapati bahawa majoriti responden yang terlibat di dalam kajian ini adalah terdiri daripada 111 orang tenaga pengajar lelaki berbanding 102 orang tenaga pengajar perempuan. Manakala latar belakang responden kajian menunjukkan bahawa golongan umur 36 tahun hingga 40 tahun mencatatkan bilangan umur tertinggi di dalam kajian ini iaitu seramai 77 orang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tenaga pengajar diikuti kumpulan umur 31 tahun hingga 35 tahun iaitu seramai 53 orang tenaga pengajar. Manakala bagi golongan umur 26 tahun hingga 30 tahun pula, mencatatkan seramai 44 orang tenaga pengajar dan golongan umur 41 tahun hingga 45 tahun mencatatkan seramai 27 orang tenaga pengajar. Bagi golongan umur 20 tahun hingga 25 tahun mencatatkan bilangan umur yang terendah di dalam kajian ini iaitu seramai 12 orang tenaga pengajar sahaja. 100% responden adalah daripada kaum Melayu.

Dari segi tahap pendidikan, majoriti responden di dalam kajian ini adalah pemegang ijazah iaitu seramai 151 orang tenaga pengajar (70.9%) diikuti tahap pendidikan sarjana iaitu seramai 42 orang tenaga pengajar (19.7%). Terdapat hanya seramai 20 orang tenaga pengajar (9.4%) sahaja yang memiliki tahap pendidikan diploma.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi bidang tugas yang dilaksanakan oleh responden kajian ini, majoriti responden adalah tenaga pengajar kejuruteraan, iaitu seramai 168 orang tenaga pengajar (78.9%). Manakala seramai 45 orang tenaga pengajar (21.1%) adalah responden yang memegang jawatan sebagai tenaga pengajar akademik di Kolej Vokasional.

Melalui hasil dapatan kajian yang diperolehi juga, terdapat sejumlah 101 orang tenaga pengajar telah berkhidmat selama 11 tahun hingga 15 tahun diikuti seramai 61 orang tenaga pengajar adalah responden yang telah berkhidmat di Kolej Vokasional selama 6 tahun hingga 10 tahun. Manakala seramai 29 orang tenaga pengajar adalah responden yang telah berkhidmat di Kolej Vokasional selama 16 tahun ke atas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.2 Rumusan Berdasarkan Hasil Dapatan Kajian

Rumusan berdasarkan hasil dapatan kajian ini adalah menjawab kepada setiap persoalan kajian yang telah dikemukakan iaitu:

i. Melalui hasil dapatan kajian, terdapat hubungan yang signifikan antara sikap tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional. Sikap tenaga pengajar merupakan faktor utama kejayaan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional. Didapati bahawa majoriti responden mempunyai sikap yang positif ke arah meninggikan mutu amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Namun begitu, terdapat sebahagian kecil sahaja responden yang mempunyai tahap sikap yang kurang memberangsangkan ketika di tempat kerja. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa tenaga pengajar menunjukkan sikap yang positif dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional Sikap yang positif ini turut berada pada tahap yang tinggi.

ii. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembolehubah penglibatan tenaga pengajar mempunyai hubungan yang kukuh dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di dalam kajian ini. Dapatan kajian mendapati majoriti responden mempunyai penglibatan di dalam persekitaran tempat kerja. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian menunjukkan penglibatan tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di persekitaran kerja berada pada tahap yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Melalui hasil dapatan kajian yang diperolehi, terdapat satu tahap pencapaian yang memberangsangkan di dalam kajian ini iaitu penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa sebahagian responden mempunyai tahap yang tinggi bagi penglibatan terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dan sebahagian responden lagi mempunyai tahap sederhana tinggi. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian menunjukkan penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dalam kalangan responden kajian berada pada tahap yang tinggi.

iv. Berdasarkan Ujian Korelasi Pearson keseluruhan yang telah dijalankan, didapati bahawa dapatan kajian menunjukkan bahawa pemboleh ubah sikap tenaga pengajar dan pemboleh ubah penglibatan tenaga pengajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah amalan keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan di tempat kerja.

5.3 Perbincangan

Hasil perbincangan bagi kajian ini adalah merujuk kepada setiap objektif kajian yang telah dijawab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.1 Hubungan sikap tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.

Tahap hubungan sikap tenaga pengajar ini diukur dengan menggunakan instrumen borang soal selidik. Berdasarkan analisis yang dibuat didapati bahawa nilai min bagi sikap tenaga pengajar adalah berada pada tahap yang tinggi berbanding dengan penglibatan tenaga pengajar.

Dapatan ini adalah selari dengan Teori Heinrich (1930) yang mengatakan bahawa 88 peratus daripada kemalangan yang berlaku di industri adalah berpunca daripada sikap pekerja. Sikap pekerja merupakan faktor utama dalam mengelakkan kemalangan di tempat kerja. Kebanyakkan kemalangan adalah berpunca daripada yang kurang acuh terhadap ciri-ciri keselamatan daripada pekerja itu sendiri. Namun, sikap pekerja yang tidak mengamalkan ciri-ciri keselamatan tidak selalunya akan mengakibatkan kemalangan atau kecederaan secara serta merta. Oleh itu, dapatan kajian yang diperolehi dilihat adalah menyokong Teori Heinrich.

Beberapa kajian yang telah dilaksanakan sebelum ini mengenai hubungan sikap dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Kajian oleh Makhbul dan Kaliannan (2019) mendapati, prestasi keseluruhan organisasi akan turut menerima impak sekiranya peraturan keselamatan, protokol dan tanggungjawab terhadap prosedur sering diabaikan. Di dalam kajian ini jelas ditunjukkan bahawa ada hubungan yang kuat di antara sikap tenaga pengajar dan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Dapatan ini adalah bersamaan dengan dapatan kajian Wadsworth & Smith (2009). Zhang et al. (2016) yang telah meneliti sikap keselamatan ke atas barisan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengurusan di dalam industri pelombongan arang batu dengan dapatan bahawa faktor sikap keselamatan memainkan peranan penting ke arah pengurusan keselamatan yang lebih selamat. Kajian ke atas 725 orang pekerja melombong arang oleh Wu et al. (2017) menunjukkan bahawa untuk penambahbaikan terhadap sikap yang tidak selamat di kalangan pekerja lombong, sikap keselamatan yang positif adalah penting untuk meningkatkan prestasi amalan keselamatan mereka. Berdasarkan kajian lepas, dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

5.3.2 Hubungan penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tahap penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan juga turut diukur dengan menggunakan instrumen borang soal selidik. Berdasarkan analisis yang telah dibuat, didapati bahawa nilai min bagi penglibatan tenaga pengajar adalah berada pada tahap yang tinggi.

Meningkatnya kadar kemalangan dan kecederaan adalah gambaran awal yang memaparkan tahap kekuatan atau kelemahan penglibatan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sesebuah organisasi. Hakikatnya, tahap penglibatan pekerja yang rendah adalah penyumbang utama kepada kemalangan dan kecederaan di tempat kerja (Shu-Chiang Lin, Ilma Mufidah & Satria Fadil Persada 2017). Penglibatan pekerja yang rendah di dalam amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan turut akan memberi pengaruh negatif kepada sikap yang ditunjukkan oleh individu yang peka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap keselamatan pekerjaan. Pengaruh daripada sikap negatif ini akan menjadi pencetus kepada kemalangan di tempat kerja. Sebaliknya juga jika penglibatan yang mantap diamalkan oleh organisasi pastinya akan membawa sikap yang positif kepada iklim keselamatan pekerjaan.

5.3.3 Pengaruh antara sikap tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kolej vokasional.

Tahap pengaruh antara sikap tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional juga diukur dengan menggunakan instrumen borang soal selidik. Berdasarkan analisis yang dibuat, telah dikenalpasti bahawa nilai min bagi sikap tenaga pengajar adalah berada pada aras yang tinggi bagi amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ni adalah selari dengan kajian yang dijalankan kepada 5,254 orang pekerja yang bekerja di dalam sektor teknologi nuklear. Data berkenaan menjelaskan adanya dua faktor yang berkaitan dengan fungsi pihak pengurusan dalam menguruskan keselamatan, iaitu tindakan pengurusan dan sikap pihak pengurusan yang sentiasa memberi sokongan terhadap keselamatan (Hazmimi Kasima, Che Rosmani Che Hassana, Mahar Diana Hamida, Sina Davazdah Emamia & Mahmood Danaee 2018). Dapatan kajian turut memaparkan sikap pengurusan yang komited semasa menguruskan isu-isu keselamatan pekerjaan. Perkara ini merupakan faktor kejayaan utama untuk mendapatkan kepastian bahawa sikap pekerja dalam mengamalkan kaedah keselamatan dan kesihatan pekerjaan berada di tahap yang cemerlang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dijalankan oleh Mashi M.S., Chandrakantan S. dan Johanim Johari (2017) dalam kalangan 229 jururawat di Abuja, Nigeria turut mendapati komitmen pengurusan secara positif adalah sangat berkait rapat dengan sikap pekerja dalam mematuhi amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Melalui dapatan ini, jelas kelihatan bahawa terdapat hubungan antara sikap tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.

Dalam pada itu dapatan kajian lepas juga menunjukkan usaha untuk meningkatkan prestasi sikap pekerja terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah melalui latihan yang berterusan. Dalam sesebuah organisasi, salah satu cara yang terbukti keberkesanannya bagi semua pekerja mengemaskini kemahiran dan pengetahuan yang berkaitan dengan keselamatan adalah dengan menjalani latihan yang sistematik (Sheal et al, 2016). Latihan keselamatan juga didapati adalah satu elemen penting untuk pengekalan dan perubahan sikap pekerja terhadap keselamatan (Mashi et al. 2017; Vinodkumar & Bhasi 2010). Kajian Ricci, Chiesi, Bisio, Panari dan Pelosi (2016) juga turut menemukan tahap keberkesanan latihan mempunyai hubungan yang tinggi terhadap sikap pekerja mengenai pematuhan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Penemuan ini adalah bersamaan dengan dapatan kajian daripada Mashi et al. (2017). Beliau mengesahkan bahawa kepatuhan pekerja terhadap peraturan keselamatan mempunyai hubungan positif dengan pekerja yang menyertai latihan keselamatan. Dapatlah dirumuskan bahawa hubungan sikap adalah berada pada tahap yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.4 Pengaruh antara penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.

Berdasarkan analisis keseluruhan yang telah dijalankan, di dapati bahawa nilai min bagi penglibatan tenaga pengajar berada pada tahap yang lebih tinggi dibandingkan dengan sikap tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ini adalah berdasarkan analisis yang telah dibuat menggunakan perisian IBM SPSS, secara keseluruhannya hasil kajian menjelaskan bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan di antara pengaruh dan penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.

Dapatan ini turut selari dengan beberapa kajian yang lepas iaitu, elemen yang menggalakkan budaya amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam sesebuah organisasi ialah penglibatan pekerja (Makhbul & Kaliannan 2019). Dapatan ini ditegaskan lagi oleh kajian Vinodkumar dan Bhasi (2010) bahawa, dalam usaha untuk mengurangi kemalangan dan kecederaan di organisasi, elemen utama untuk pelaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah penglibatan pekerja. Sejauh mana pekerja dapat mempengaruhi dan mengawal isu pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan juga adalah berpunca daripada penglibatan pekerja (Mashi et al. 2017; Masso 2015). Manakala Chong, Ramayah dan Chandrakantan (2018) telah mendapati sebanyak 300 buah kilang di Malaysia yang penglibatan pekerjanya mempunyai hubungan positif terhadap prestasi keselamatan. Keffane dan Delhomme (2013) juga menemukan penglibatan pekerja merupakan elemen yang sangat mempengaruhi pematuhan kepada amalan keselamatan kesihatan pekerjaan. Justeru itu dapatlah disimpulkan bahawa penglibatan dalam kalangan pekerja adalah penting

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk pengurusan memahami keperluan organisasi terhadap pematuhan kepada amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

5.4 Implikasi Kajian

Menerusi dapatan kajian, didapati bahawa hubungan antara sikap dan penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dapat mempengaruhi amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam organisasi. Tenaga pengajar mempunyai sikap positif terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan akan lebih cenderung untuk terlibat dalam amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan mempromosikan kesedaran keselamatan di kalangan warga Kolej Vokasional itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.1 Implikasi Hubungan Sikap Kepada Tenaga Pengajar

Hubungan sikap terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah sangat penting dalam konteks tenaga pengajar. Ini kerana mereka sering terdedah kepada pelbagai risiko dalam persekitaran kerja mereka yang antaranya seperti berikut :

i. Kesihatan dan kesejahteraan tenaga pengajar:

Tenaga pengajar yang mempunyai sikap positif terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja akan lebih cenderung untuk menjadi lebih produktif dalam pekerjaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka. Mereka juga akan mengalami ketidakhadiran yang lebih rendah dan kadar kemalangan yang lebih rendah.

ii. Kesedaran tentang risiko persekitaran kerja:

Sikap positif terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja boleh membantu tenaga pengajar untuk lebih peka terhadap risiko persekitaran kerja. Mereka akan dapat mengenal pasti risiko dan langkah berjaga-jaga yang perlu untuk mengurangkan risiko tersebut.

iii. Pematuhan terhadap peraturan keselamatan dan kesihatan:

Tenaga pengajar yang mempunyai sikap positif terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja juga turut lebih cenderung untuk mematuhi peraturan keselamatan dan kesihatan. Mereka akan mematuhi prosedur keselamatan dan kesihatan sedia ada dan sentiasa bersedia untuk menyumbang tenaga untuk memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat.

iv. Persekitaran kerja yang lebih baik:

Tenaga pengajar yang mempunyai sikap positif terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja akan turut mengambil tindakan proaktif untuk memperbaiki persekitaran kerja mereka. Mereka akan mencadangkan penambahbaikan yang diperlukan untuk menjadikan persekitaran kerja lebih selamat dan sihat untuk diri mereka sendiri dan rakan sekerja mereka.

v. Pengaruh positif terhadap pelajar:

Tenaga pengajar yang mengamalkan sikap proaktif dalam amalan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja akan turut memberi pengaruh positif kepada pelajar mereka. Mereka akan menjadi contoh yang baik kepada pelajar dari segi keselamatan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesihatan di tempat kerja. Seterusnya, dapat membantu pelajar memahami dan menghargai kepentingan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

5.4.2 Implikasi Hubungan Penglibatan Kepada Tenaga Pengajar

Penglibatan tenaga pengajar dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan amat penting dalam memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Berikut adalah beberapa implikasi hubungan antara penglibatan tenaga pengajar dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan:

i. Meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan:

Penglibatan tenaga pengajar dalam pembangunan dan pelaksanaan program keselamatan dan kesihatan pekerjaan, mereka boleh menjadi lebih sedar tentang kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan risiko yang berkaitan dengan kerja mereka. Ini boleh membantu menggalakkan tingkah laku yang lebih selamat di tempat kerja dan mencegah kemalangan atau penyakit yang berkaitan dengan kerja.

ii. Tingkatkan penyertaan pelajar:

Tenaga pengajar boleh menjadi teladan kepada pelajar dengan menunjukkan amalan selamat dan sihat di tempat kerja. Melalui penglibatan pelajar dalam program keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ini dapat membantu meningkatkan penyertaan pelajar dalam program ini yang seterusnya dapat membantu mengurangkan dan seterusnya mencegah kemalangan dan kecederaan daripada berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Tingkatkan penglibatan semua kakitangan:

Dengan melibatkan tenaga pengajar dalam pembangunan program keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kakitangan sekolah lain juga akan turut berminat untuk terlibat dan membantu memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Termasuklah kakitangan pembersihan, kakitangan kafeteria dan kakitangan pentadbiran, yang kesemuanya menyumbang kepada keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

iv. Meningkatkan keberkesanan program keselamatan dan kesihatan pekerjaan:

Dengan melibatkan tenaga pengajar dalam pembangunan program keselamatan dan kesihatan pekerjaan, program ini dapat menjadi lebih berkesan kerana tenaga pengajar dapat memberi input berdasarkan pengalaman sendiri di tempat kerja. Elemen ini boleh membantu memastikan program-program yang berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang merangkumi isu berkaitan dengan kerja mereka. Sekaligus ianya akan menyediakan penyelesaian yang berkesan untuk mengurangkan risiko di tempat kerja.

Secara keseluruhannya, penglibatan tenaga pengajar dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah penting untuk memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Ini dapat membantu meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan, meningkatkan penyertaan pelajar, meningkatkan penglibatan semua kakitangan, dan meningkatkan keberkesanan program keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pihak pengurusan harus memastikan tenaga pengajar turut terlibat dalam pembangunan program keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan diberikan latihan yang mencukupi untuk membantu mereka menjadi lebih berkesan dalam mengurangkan risiko di tempat kerja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.3 Implikasi kajian kepada pelajar

Hasil dapatan kajian ini juga boleh memberi kesan kepada pelajar. Berikut adalah beberapa implikasi yang mungkin akan berlaku:

i. Meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan:

Tenaga pengajar yang menunjukkan sikap positif terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja akan dapat meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pelajar boleh belajar tentang risiko yang berkaitan dengan kerja dan cara mengelakkan kecederaan atau penyakit di tempat kerja.

ii. Meningkatkan penglibatan pelajar dalam program keselamatan dan kesihatan pekerjaan:

Penglibatan tenaga pengajar di dalam pembangunan dan pelaksanaan program keselamatan dan kesihatan pekerjaan dapat menggalakkkan penglibatan pelajar. Pelajar boleh mempelajari cara untuk mengekalkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya berlaku kemalangan atau kecederaan.

iii. Membantu mewujudkan tingkah laku yang selamat dan sihat:

Tenaga pengajar yang menunjukkan tingkah laku selamat dan sihat di tempat kerja, mampu mewujudkan tingkah laku yang sama dalam diri pelajar. Pelajar boleh belajar tentang kepentingan menjaga keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan mengambil langkah yang sesuai untuk mengelakkan risiko.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Meningkatkan kualiti pendidikan:

Pelajar boleh mengalami manfaat yang lebih besar daripada program keselamatan dan kesihatan pekerjaan jika tenaga pengajar terlibat secara aktif. Jika pelajar boleh belajar cara untuk menjaga keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, mereka boleh mengelakkan kemalangan atau kecederaan yang boleh mengganggu kemajuan pendidikan mereka. Justeru, penglibatan tenaga pengajar dapat membantu untuk meningkatkan kualiti pendidikan.

Secara keseluruhannya, hubungan antara sikap dan penglibatan tenaga pengajar terhadap keselamatan dan kesihatan dapat membantu meningkatkan kesedaran dan penglibatan pelajar dalam program keselamatan dan kesihatan pekerjaan, membentuk tingkah laku yang selamat dan sihat, serta meningkatkan kualiti pendidikan. Oleh itu, adalah penting bagi sekolah untuk memastikan tenaga pengajar terlibat dalam pembangunan dan pelaksanaan program KKP dan menyediakan latihan yang mencukupi untuk membantu mereka menjadi lebih berkesan dalam mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat untuk pelajar.

5.4.4 Implikasi Hubungan Sikap Dan Penglibatan Tenaga Pengajar Terhadap Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Kepada Kolej Vokasional

Implikasi hubungan sikap dan penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dapat mempengaruhi Kolej Vokasional dalam beberapa cara:

i. Pengaruh positif terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tenaga pengajar di Kolej Vokasional ternyata nmempunyai sikap positif terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan terlibat dalam amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Kecenderungan mereka untuk mempromosikan amalan keselamatan dan kesihatan di kalangan pelajar dan staf, akan membantu mengurangkan risiko kecederaan dan kesihatan di kalangan pelajar dan staf disamping turut juga menjaga reputasi baik Kolej Vokasional.

ii. Penekanan terhadap latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan:

Kolej Vokasional perlu memberikan latihan dan pendidikan yang mencukupi kepada tenaga pengajar dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ini akan membantu meningkatkan kefahaman mereka tentang amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan membantu mereka mempromosikan kesedaran keselamatan di kalangan pelajar dan staf. Kolej Vokasional juga perlu memastikan bahawa tenaga pengajar mampu memberikan latihan yang mencukupi kepada pelajar dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

iii. Peningkatan hubungan di antara tenaga pengajar dan pelajar:

Tenaga pengajar yang terlibat dalam amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dapat membina hubungan yang lebih baik dengan pelajar mereka. Mereka dapat membina keyakinan dengan pelajar dan membantu mereka memahami pentingnya keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kehidupan mereka. Ini dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk mematuhi amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional.

iv. Pematuhan peraturan dan undang-undang:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kolej Vokasional perlu memastikan bahawa semua amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dijalankan mengikut peraturan dan undang-undang yang berkenaan. Jika tenaga pengajar terlibat dalam amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, mereka dapat membantu memastikan pematuhan peraturan dan undang-undang ini.

Kesimpulannya, hubungan sikap dan penglibatan tenaga pengajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan sangat penting di Kolej Vokasional. Namun begitu, pihak pengurusan Kolej Vokasional juga perlu memastikan bahawa tenaga pengajar mempunyai sikap yang positif terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan terlibat dalam amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk membantu meningkatkan keselamatan dan kesihatan di kalangan pelajar dan staf serta mematuhi peraturan dan undang-undang yang berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau pun hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa hubungan sikap dan penglibatan tenaga pengajar berada pada tahap yang tinggi, ianya bukanlah suatu petunjuk bahawa amalan bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional telah menyamai tahap amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di industri. Konsultansi dan bimbingan secara langsung daripada industri pasti akan dapat mencorakkan suatu budaya amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang menyamai tahap amalan industri di dalam kalangan warga Kolej Vokasional khususnya bagi para pelajar melalui perkara berikut;

i. Peningkatan Budaya Amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Kolej Vokasional adalah suatu tempat untuk pelajar menimba kemahiran yang khusus. Ianya juga turut dipertanggungjawabkan untuk mencorakkan pelajar mereka melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaedah autonomi tersendiri. Walaubagaimanapun, tidak boleh dinafikan mengenai pengaruh industri yang membayangi pengurusan di Kolej Vokasional. Permintaan dan keperluan pihak industri terhadap bidang dan tahap kemahiran pelajar harus diberi keutamaan. Dalam erti kata lain, keluaran pekerja daripada Kolej Vokasional harus menepati citarasa industri.

Justeru, suasana amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional perlu ditingkatkan ke arah mencapai tahap seperti yang berlaku di industri melalui pemupukan budaya keselamatan di tempat kerja. Antara komponen budaya keselamatan yang perlu ditingkatkan adalah kod etika keselamatan, protokol dan pematuhan kepada prosedur keselamatan, pembangunan latihan keselamatan, komunikasi yang melibatkan pekerja, sikap dan jati diri pengurus keselamatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Menyediakan pelajar sebagai individu yang kompeten dalam amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Lepasan Kolej Vokasional merupakan antara sasaran utama majikan dalam merekrut pekerja baru. Sehubungan itu, organisasi yang berkenaan turut memberi perhatian khusus perihal tahap kemahiran pelajar dalam mengamalkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan terhadap pelajar keluaran Kolej Vokasional. Ini bermakna kelayakan pelajar dalam aspek kemahiran vokasional adalah merupakan satu daripada aspek yang penting. Namun, kemahiran dan pengetahuan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kemahiran pekerjaan turut selari keperluannya bagi para majikan. Pihak majikan di industri berpendapat aspek kemahiran ini adalah keperluan utama dan perlu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikuasai oleh pekerja mereka bagi mengesahkan pekerja tersebut telah kompeten sejak mereka mula bekerja lagi.

Sehubungan itu pihak kolej perlu merangka pelan tindakan yang mejurus kepada pengiktirafan bahawa pelajar yang keluar daripada Kolej Vokasional telah kompeten dalam amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan,

iii. Perspektif Teoritikal

Secara kesimpulannya, kajian ini melihat hubungan dan pengaruh di antara pemboleh ubah kajian dalam kalangan tenaga pengajar di Kolej Vokasional Sungai Buloh dan tenaga pengajar di Kolej Vokasional Shah Alam di negeri Selangor. Memandangkan belum ada kajian yang seperti ini telah dijalankan, maka hasil kajian ini diharapkan dapat membantu para penyelidik akan datang di dalam perluasan ilmu dan teori sedia ada sebagai sorotan literatur dalam memperkembangkan lagi kajian mereka. Kajian ini juga turut selari dan mengukuhkan lagi dengan teori-teori sedia ada dengan pemboleh ubah yang dikaji oleh penyelidik terdahulu.

5.5 Cadangan Kajian

Berpandukan hasil keputusan kajian yang telah dibentangkan, dicadangkan sebilangan pandangan yang kukuh untuk digunakan atau yang relevan pelaksanaannya dalam memastikan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional adalah setaraf dengan amalan yang dipraktikkan di sektor industri. Cadangan ini akan menjadi landasan kepada pelajar apabila menceburi alam pekerjaan yang sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cadangan kajian tersebut adalah terutamanya kepada pihak Pengurusan Sumber Manusia. Dalam usaha untuk melahirkan pekerja yang berkemahiran dan berkualiti tinggi perancangan sumber manusia merupakan suatu agenda yang penting. Pengurusan sumber manusia perlu menjadi pemangkin kepada peningkatan prestasi amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Telah dikenalpasti beberapa faktor pemangkin, berkaitan dan selari dengan kajian lepas adalah seperti berikut:

i. Pengurusan perlu komited dalam melaksanakan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan semasa menyelaraskan penglibatan daripada semua pihak.
ii. Menegaskan bahawa semua pihak mestilah patuh kepada peraturan dan amalan yang telah dipersetujui.
iii. Menjalankan promosi dan latihan keselamatan secara berkala.
iv. Menyediakan platfom untuk komunikasi mengenai isu-isu keselamatan.
v. Memproses maklum balas dari semua pihak yang berkepentingan.
vi. Bimbingan daripada semasa ke semasa terhadap semua warga kerja di Kolej Vokasional turut memainkan peranan yang penting. Ianya agar dapat membentuk warga kerja yang lebih berkeyakinan diri dalam melaksanakan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian yang dijalankan telah memfokuskan kepada beberapa perkara seperti yang dinyatakan menerusi bab 1. Justeru itu, dikemukakan dua cadangan kajian lanjutan untuk diteliti dengan lebih lanjut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Disarankan kepada penyelidik seterusnya untuk menggunakan pendekatan analisis pengukuran Rasch dalam menghasilkan instrumen borang soal selidik. Ini kerana dengan menggunakan analisis pengukuran Rasch, ia akan dapat meningkatkan lagi kesahan dan nilai kebolehpercayaan bagi instrumen borang soal selidik tersebut.

Penyelidik lain juga boleh mengenal pasti elemen-elemen yang terdapat di dalam pembolehubah amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, sikap tenaga pengajar dan penglibatan tenaga pengajar dengan menjalankan kajian ini melalui pendekatan teknik Delphi yang melibatkan beberapa pusingan daripada pakar industri tempatan mahupun luar negara. Tindakan mungkin akan menaikkan lagi nilai kebolehpercayaan dapatan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.7 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mengenalpasti hubungan sikap tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan juga hubungan penglibatan tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional yang terpilih. Kajian ini turut mengkaji pengaruh antara sikap tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan juga pengaruh penglibatan tenaga pengajar dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kolej Vokasional yang terpilih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir kata, diharapkan dapatan kajian ini akan dapat membantu dan menyumbang yang sekaligus dapat menjadi panduan terutamanya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya pihak Kolej Vokasional dan juga pihak-pihak yang berkepentingan di dalam menambahbaikan elemen-elemen yang digunakan dalam kajian ini agar dapat memenuhi standard keperluan semasa di industri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

A. Azid A.N., Ali, J. & A.Saufi, R. (1999). *Factor influencing the implementation of occupational safety and health in the electronic and electrical industry. Kuala Terengganu*: Asian Academy of Management Conference Prosiding.

Abdullah, M. F. N. L., & Leow, T. W. (2017). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen penilaian kendiri pembelajaran geometri tingkatan satu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, *14*(1), 211-265.

Ah, N., & Ma, T. (2009). Situational analysis on safety and health in primary school in Kota Bharu. *Journal of Community Health*, *15*(2), 91-97.

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).

Alli, B. O. (2008). *Fundamental principles of occupational health and safety*. Second edition. Geneva, Switzerland: International Labour Organization.

Alolah, T., Anthony Stewart, R., Panuwatwanich, K., & Mohamed, S. (2014). *Developing a comprehensive safety performance evaluation framework for Saudi schools. International Journal of Productivity and Performance Management, 63*(4), 446-476. Doi: 10.1108/IJPPM-05-2013-0096

Amadan, Y. (2000, Januari 4). Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. *Berita Harian*.

Anastasi, A., & Urbina, S. (1997). *Psychological testing*. Prentice Hall/Pearson Education.

Antonsen, S. (2017). *Safety Culture: Theory, Method and Improvement.* CRC Press

Arifin, M. A. M., & Ahmad, A. H. (2017). Kepentingan budaya integriti dan etika kerja dalam organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, *12*(9), 138-149.

Ashaari, O. (1996) *Pengurusan sekolah : Suatu pandangan lengkap*. Kuala Lumpur : Utusan Publications

Awwad, R., El Souki, O., & Jabbour, M. (2016). Construction safety practices and challenges in a Middle Eastern developing country. *Safety science*, *83*, 1-11.

Bahagian Pendidikan Teknik Dan Vokasional (2018) *Portal rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia* dipetik dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

https://www.moe.gov.my/index.php/my/korporat/jabatan-dan-bahagian/bahagian-pendidikan-teknik-dan-vokasional pada 19.09.2018

Bell, J. L., & Grushecky, S. T. (2006). Evaluating the effectiveness of a logger safety training program. *Journal of Safety Research*, *37*(1), 53-61.

Brian, J. (1999). *Management information system*. Boston: Irwin McGraw Hill.

Bryman, A. (2012). *Social research methods (5th ed.)*. Oxford: Oxford University Press.

Bryne, B. M. (2010). *Structural equation modeling with AMOS: Basic concepts, application, and programming (2nd edition).* New York, London: Taylor and Francis Group.

Choudhry, R. M., Fang, D., & Lingard, H. (2009). Measuring safety climate of a construction company. *Journal of construction Engineering and Management, 135*(9), 890-899.

Chua, Y.P. (2011). *Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan*. Mcgraw-Hill Education.

Chua, Y.P. (2006). *Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.

Chua, Y. P. (2008). *Asas statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.

Connelly, L. M. (2008). Pilot studies. *Medsurg Nursing*, *17*(6), 411-2.

Cooper, M. D., Collins, M., Bernard, R., Schwann, S., & Knox, R. J. (2019). Criterion-related validity of the cultural web when assessing safety culture. *Safety science, 111*, 49-66.

Crawford, J., Davis, A., Minhat, H., & Baharudin, M. R. (2017). *Healthy Workplaces in Europe and Malaysia. In Managing the Ageing Workforce in the East and the West*. United Kingdom: Emerald Publishing Limited.

Creswell, J. W. (2010). *Educational research - planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research (4th Ed.)*. New Jersey: Pearson Merril Prentice Hall.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2017). *Designing and conducting mixed methods research*. Sage publications.

Chong Lim D. L., Salleh N. A., Yasin S. M., Shahran M.K, Yatim A. M. & Habib. A. R. (2010). *HBEF2503: Kaedah penyelidikan dalam pendidikan.* Kuala Lumpur: Open University of Malaysia.

Davies.V.J & Tomasin.K , (1990) , *Construction safety handbook*., Thomas Telford Ltd., London

Elliot, A., Timothy D. W. & Robin, M. A. (1999). *Social psychology* (3rd edn.). New York: Longman.

Fernández-Muñiz, B., Montes-Peón, J. M., & Vázquez-Ordás, C. J. (2007). Safety culture: Analysis of the causal relationships between its key dimensions. *Journal of Safety Research, 38*(6), 627–641. https://doi.org/10.1016/J.JSR.2007.09.001

Fisher, S., Abdi, D. I., Ludin, J., Smith, R., Williams, S., & Williams, S. (2000). *Working with conflict: skills and strategies for action*. London: Zed books.

Flynn. G (1994). Company strive for yawn awareness. *Journal Personal, 73*(7), 105 .

Fraenkel, J. R., & Norman, E. Wallen. (1993). *How to design and evaluate research in education*. New York: McGraw-Hill.

Friend, M. A., & Kohn, J. P. (2018). *Fundamentals of occupational safety and health. Rowman & Littlefield*. United Stated: Government Institutes.

Gay, L. R., & Airasian, P. (2000). *Educational research: Competencies for analysis and application.* Upper Saddle River, NJ: Merrill Prentice Hall.

George, D., & Mallery, M. (2010). *SPSS for Windows Step by Step: A Simple Guide and Reference.* Boston: Pearson.

Gharibi, V., Mortazavi, S.B., Jafari, A.J., Malakouti, J., & Abadi, M.B.H. (2016). The relationship between workers' attitude towards safety and occupational accidents experience. *International Journal of Occupational Hygiene, 8*(3), 145-150.

